

KOD LAPORAN PENYELIDIKAN : KUIM
PPPP(G)2005

MODALITI DAKWAH DALAM MENENTANG GEJALA DADAH
DI KALANGAN REMAJA DAN BELIA TANAH
RANCANGAN FELDA

PENYELIDIK :

PROF. DATIN SRI HAJJAH MIZAN ADILIAH AHMAD IBRAHIM
PROF. DR. NAIM HAJI AHMAD
ENCIK ABD HALIM MOHD HUSSIN
ENCIK YUSERI AHMAD
ENCIK MOHD AZHAR IBRAHIM RESEDI
PUAN MARINA MUNIRA ABDUL MUTALIB

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
NILAI, NEGERI SEMBILAN


DISEMBER 2006

**KOD LAPORAN PENYELIDIKAN : KUIM
PPPP(G)2005**

**MODALITI DAKWAH DALAM MENENTANG GEJALA
DADAH DI KALANGAN REMAJA DAN BELIA TANAH
RANCANGAN FELDA**

Penyelidik :

**Prof. Datin Sri Hajjah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim
Prof. Dr. Naim Haji Ahmad
Encik Abd Halim Mohd Hussin
Encik Yuseri Ahmad
Encik Mohd Azhar Ibrahim Resedi
Puan Marina Munira Abdul Mutalib**



**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
NILAI, NEGERI SEMBILAN**

DISEMBER 2006

PENGHARGAAN

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahirrahmanirrahim.*

Alhamdulillah, bersyukur kami ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya dan inayah-Nya dapat kami menyiapkan penyelidikan Modaliti Dakwah Dalam Menentang Dadah Di Kalangan Remaja dan Belia Felda. Penyelidikan ini di bawah kod PPPP (G) / 2005 ini tidak dapat diselesaikan tanpa kerjasama daripada semua pihak.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Pihak Universiti USIM kerana meluluskan dan membiayai sepenuhnya bagi tujuan melaksanakan penyelidikan yang bermakna ini., Kepada pihak pengurusan Felda, terima kasih juga diucapkan kerana tanpa kebenaran dan kerjasama sudah tentu penyelidikan ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Terima kasih juga diucapkan kepada Pihak Pengurusan Tanah Rancangan Felda (F) Sungai Nerek, yang terdiri daripada Encik Ali Bin Dachin selaku Pengurus Tanah Rancangan, Pengerusi JKKK, para pegawai dan Felda tanah rancangan dan seluruh anggota masyarakat Felda Sungai Nerek.

Kepada Rektor USIM, Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hussin, idea dan pandangan serta komen Dato' sangat kami hargai. Tidak dilupakan kepada Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah, selaku Timbalan Rektor Akademik dan Pengantarabangsaan, terima kasih atas bimbingan dan kerjasama yang diberikan dalam penyelidikan ini. Seterusnya kepada seluruh para pegawai dan kakitangan USIM yang secara langsung dan tidak langsung memberi komitmen dan kerjasama dalam menyokong dan menjayakan penyelidikan ini, kami dengan penuh takzim mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Kepada barisan pembantu penyelidik yang sentiasa diingati ; Mohamad Tarmizi Ahmad, Muhammad Helmi Md Zain dan Shazry Munir Sahidan, kerja keras dan komitmen anda sepenuhnya bukannya untuk kami tetapi untuk kebaikan semua pihak yang mempunyai kepentingan dan tanggungjawab ke atas penyelidikan ini.

Akhir sekali, kepada semua yang terlibat samada secara langsung mahupun tidak, jutaan terima kasih kami ucapkan. Semoga kita dapat mengambil segala iktibar dan pengajaran yang sangat berguna serta dapat berkongsi pengalaman dengan apa yang diperolehi hasil daripada penyelidikan ini.

Sekian, terima kasih.

Prof. Datin Seri Dr. Hajjah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim
Ketua Penyelidik

Prof. Dr. Naim Haji Ahmad
Penyelidik

En. Abdul Halim Mohd Husin
Penyelidik

En. Yuseri Ahmad
Penyelidik

En. Mohd Azhar Ibrahim Resedi
Penyelidik

Pn. Marina Munira Abdul Mutalib
Penyelidik

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap penyalahgunaan dadah dan gejala sosial di kalangan remaja dan belia di tanah rancangan Felda. Di samping itu kajian ini juga meninjau tentang tahap aktiviti dakwah di kalangan masyarakat Felda. Kajian ini adalah berbentuk *Participant Observation* dan ia telah dijalankan di salah sebuah tanah rancangan Felda di negeri Pahang selama dua bulan dengan menerangkan dan memperihalkan budaya sesebuah masyarakat yang kompleks. Hasil kajian mendapati bahawa memang terdapat masalah penyalahgunaan dadah dan gejala sosial di kalangan masyarakat tanah rancangan Felda. Di antara gejala sosial ini termasuklah pengangguran, melepak, merokok, ponteng sekolah, VCD lucu, pornografi dan sebagainya. Di antara punca berlakunya gejala sosial ini ialah kelesuan aktiviti dakwah, kelemahan institusi pentadbiran dan pengurusan, ketidakseimbangan antara pembangunan ekonomi dan infrastruktur dengan aspek pembangunan insan, keruntuhan institusi kekeluargaan dan sebagainya. Kajian ini mencadangkan supaya diwujudkan pusat ilmu dan dikendalikan oleh penggerak masyarakat di setiap tanah rancangan bagi membolehkan seseorang kembali kepada penghayatan agama yang kukuh sebagai satu usaha kepada penyelesaian masalah sosial dan penyalahgunaan dadah.

ABSTRACT

The objective of this research is to examine the problems of drug abuse and social illness amongst the teenagers in Federal Land Development Authority (FELDA). In addition, the study attempts to gain information of the participation of dakwah activities held in that place. Methodology applied is based on participation observation and it was carried out in one of Felda settlement in Pahang. The result shows that drug abuse and social problems have existed in the location. Amongst the social problem discussed in this research are unemployment, loafing, smoking, truancy, pornography and obscene vcd's and so forth. The reasons highlighted in this research are mainly because of having too many leisure time after being aware that they will receive revenue every month, inactive participation of dakwah activities, the weakness of the administration and management, the imbalance between the economic and infrastructural advancement and human development, the breakdown of family institution. The study also propose some suggestions and actions to be carried out for instance by setting up an educational center in each and every settlement in Felda, handled by someone(s) with great skills as an attempt to bring back the society to the true teachings of religion and to fight against social problem and drug abuse.

MULAKHAS AL-BAHTH

يهدف هذا البحث إلى معرفة مدى سوء استخدام المخدرات والانحلال الخلقي لدى الشباب في المسكن التابع للهيئة الفدرالية للتطوير الأرضي FELDA . هذا البحث أيضا يستطلع عن أنشطة دعوية لدى مجتمع FELDA. انتهج هذا البحث منهج الملاحظة المباشرة، وأجري هذا البحث في أحد مساكن FELDA في ولاية فهغ. يشير البحث إلى أن قضية سوء استخدام المخدرات والانحلال الخلقي لدى الشباب في مساكن FELDA قائمة بالفعل. ومن أنواع هذه الآفات الاجتماعية البطالة، التسكع، التدخين، الغياب عن المدرسة، توزيع الأقراص المدمجة في الإباحية وغيرها. ومما أسهم في وجود هذه الآفات هو : غزارة الأوقات للأستراحة بعد ما التأكد من الحصول على الراتب شهريا، خمود الأنشطة الدعوية، الضعف من جهة الإدارة والقيادة، عدم التوازن بين التنمية الإقتصادية والتنمية الإنسانية، خراب أواصر أسرية وما إلى ذلك. يقترح البحث بإنشاء "مركز العلم" في كل مساكن FELDA والذي سيديره محرك المجتمع المؤهل، هذا لمنح الفرصة للضالين الرجوع إلى التمسك بالدين برسوخ مع التوجيهيات من محرك المجتمع كوسيلة لحل أزمة إجتماعية وسوء استخدام المخدرات.

SENARAI JADUAL

BIL	PERKARA	HALAMAN
Jadual 1	Penempatan Peneroka	4
Jadual 2	Penempatan Peneroka Mengikut Negeri	4
Jadual 3	Pendapatan Peneroka	7
Jadual 4	Kursus Dan Latihan Kemahiran	11
Jadual 5	Kawasan Dimajukan	16
Jadual 6	Kawasan Pertanian	16
Jadual 7	Projek Perumahan Felda	18
Jadual 8	KPF Seluruh Negeri	20
Jadual 9	Gejala Sosial Di Felda	45
Jadual 10	Jumlah Tangkapan	54
Jadual 11	Jumlah Tangkapan	54
Jadual 12	Jumlah Tangkapan	55
Jadual 13	Penggunaan Estacy	56
Jadual 14	Penagih Mengikut Negeri	60
Jadual 15	Maklumat Asas Penagih Dadah Di Negeri Pahang	61

SENARAI GAMBAR DAN CARTA

BIL	PERKARA	HALAMAN
Gambar 1	Peta aliran dadah ke Malaysia	49

BIL	PERKARA	HALAMAN
Graf 1	Pecahan penagih mengikut bangsa	57
Graf 2	Jenis-jenis dadah yang diambil	58

SENARAI LAMPIRAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1	Peta Lokasi Felda Wilayah Jengka	XVI
2	Maklumat Asas Penagih Dadah Di Kawasan Felda Seluruh Negeri Pahang Bagi Bulan Julai 2006	XVII
3	Aktiviti GKK Peringkat Wilayah 2006 Felda Wilayah Jengka	XXII

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
	PENGHARGAAN	I
	ABSTRAK	III
	ABSTRACT	IV
	MULAKHAS AL-BAHTH	V
	SENARAI JADUAL	VI
	SENARAI GAMBAR DAN CARTA	VII
	SENARAI LAMPIRAN	VII
	ISI KANDUNGAN	VIII
	BAB SATU- PENGENALAN	
1.1	Latar Belakang	1
1.2	Penyataan Masalah	21
1.3	Matlamat Kajian	23
1.4	Objektif Kajian	23
1.5	Persoalan Kajian	23
1.6	Kepentingan Kajian	24
1.7	Pengumpulan Data	24
	BAB DUA- KAJIAN LEPAS	
2.1	Konsep dan Kaedah Dakwah	25
	• Takrif Dakwah	25
	• Pembahagian Dakwah	26
	• Asas-Asas dan Kaedah Dakwah	27
2.2	Status Dakwah di Felda	31
	• Kemasukan Islam Di Malaysia	31
	• Gerakan dan Organisasi Dakwah di Malaysia	32
	• Dakwah di Felda	36
2.3	Gejala Sosial	42
	• Gejala Sosial di Malaysia	42
	• Gejala Sosial di Felda	43
2.4	Masalah Penyalahgunaan Dadah	46
	• Pengenalan dan Pengertian Dadah	46
	• Kemasukan Dadah ke Malaysia	48
	• Gejala Penyalahgunaan Dadah di Malaysia	53
	• Kemasukan Dadah ke Felda dan Keterlibatan Remaja dan	58

Belia Dengan Penyalahgunaan Dadah

BAB TIGA- KAEDAH KAJIAN

3.1	Pengenalan	63
3.2	Bentuk Kajian	63
3.3	Lokasi Kajian	64
3.4	Sampel Kajian	65
3.5	Pengumpulan Data	65
3.6	Analisis Data	66

BAB EMPAT- DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengedaran dan Penagihan Dadah	67
4.2	Melepak, Merokok dan Ponteng Sekolah	89
4.3	Perjudian	98
4.4	Kecurian	101
4.5	Lumba Haram	103
4.6	VCD dan Pornografi	105
4.7	Hiburan	107
4.8	Masjid	110
4.9	Hubungan di antara Pengurusan Felda dengan Masyarakat	114
4.10	Penguatkuasaan	117
4.11	Sekolah	119

BAB LIMA- PENEMUAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN PENYELIDIKAN

5.1	Penemuan Penyelidikan	122
	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah sosial yang melibatkan remaja dan belia tanah rancangan 	122
	<ul style="list-style-type: none"> • Penyalahgunaan dadah di kalangan remaja dan belia tanah rancangan Felda 	125
	<ul style="list-style-type: none"> • Pengangguran dan pengangguran tidak ketara (disguise unemployment) faktor utama peningkatan kadar gejala sosial di tanah rancangan Felda. 	128
	<ul style="list-style-type: none"> • Kelemahan institusi pentadbiran dan pengurusan. 	131
	<ul style="list-style-type: none"> • Tahap pemahaman agama yang kurang. 	134
	<ul style="list-style-type: none"> • Ketidakseimbangan antara pembangunan ekonomi dan infrastruktur dengan aspek pembangunan insan. 	136
	<ul style="list-style-type: none"> • Masyarakat yang tidak mempunyai pengetahuan tentang dadah. 	137
5.2	Cadangan Modaliti	138
	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Ilmu 	141
	<ul style="list-style-type: none"> • Penggerak Masyarakat Felda 	144

- Modul Rancangan Bebas Dadah 148
- Modul Kualiti Keibubapaan 150
- Modul Jalan Pulang (Taubat) 153
- Modul Remaja Aktif 158
- Kempen Yang Berterusan 161

5.3 Penutup XI

RUJUKAN XVI

LAMPIRAN

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau lebih dikenali sebagai Felda adalah sebuah agensi pembangunan tanah yang utama di Malaysia. Felda telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Akta Kemajuan Tanah 1956 hasil daripada syor Jawatankuasa Kerja Kerajaan.

Tujuan Felda ditubuhkan pada masa itu adalah untuk membantu pihak kerajaan melaksanakan rancangan pembangunan kawasan pedalaman dan membantu meningkatkan status ekonomi serta taraf hidup masyarakat di kawasan luar bandar. Pada asalnya, Felda berfungsi sebagai sebuah lembaga yang menguruskan dan menyalurkan bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan rancangan pembangunan tanah di negeri masing-masing, selain daripada menyelaraskan pembangunan tanah di negeri berkenaan termasuk perpindahan penduduk antara negeri. Kemudian fungsi Felda diperluaskan oleh kerajaan dan mulai tahun 1961, Felda telah diamanahkan oleh kerajaan untuk melaksanakan sendiri rancangan-rancangan pembangunan tanah dan pembangunan penempatan di seluruh negara.

Sehingga kini, Felda telah membuka dan membangunkan lebih kurang 480 buah kawasan baru berjumlah seluas 853,313 hektar yang dijadikan sebagai kawasan pertanian, perladangan dan penempatan. Seramai 104,946 jumlah orang yang telah dipilih sebagai peneroka daripada kalangan masyarakat pedalaman dan luar bandar yang miskin dan tidak bertanah. Mereka dan keluarga mereka masing-masing semuanya telah ditempatkan semula di penempatan-penempatan baru. Pembangunan tanah dan pembangunan

penempatan di kawasan pedalaman, yang mana merupakan sebahagian besar daripada kawasan di Malaysia pada masa itu, telah membawa kepada perkembangan pembangunan ekonomi dan sosial serta membawa kepada kestabilan politik negara pada masa kini.

Melalui rancangan-rancangan pembangunan tanah dan penempatan yang dilaksanakan, Felda telah dapat membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar serta dapat merapatkan jurang perbezaan kualiti hidup antara penduduk bandar dan luar bandar.

Visi Felda

Felda sebagai peneraju industri sawit dunia dan warga peneroka menjadi kelas pertengahan menjelang 2010.

Misi Felda

- Pengurusan Felda bertahap *world class* dan menjadi pelaku global.
- Pengeluaran hasil sawit dan getah setanding dengan pengeluar terbaik dunia.
- Peneroka memperoleh pendapatan yang stabil.
- Keluarga peneroka mempunyai tahap pendidikan yang sesuai.
- Menikmati kemudahan infrastruktur yang moden.
- Memiliki persekitaran yang moden dan sejahtera.

Pembangunan Awal Felda

Felda ditubuhkan pada tahun 1956, menjelang Merdeka. Dari detik permulaan secara kecil-kecilan organisasi ini telah berkembang menjadi satu organisasi raksasa. Kini, rancangan-rancangan yang telah diselenggarakannya meliputi lebih daripada setengah juta hectar dan lebih daripada setengah juta orang mendapat manfaat daripada Felda yang terdiri daripada peneroka, pekerja Felda dan pekerja kontrak serta keluarga masing-masing.

Sejak tahun 1960, Felda telah ditubuhkan untuk pembangunan kawasan pendalaman yang lebih terperinci di negara ini, telah pula sendiri bertanggungjawab secara langsung dalam usaha pembangunan. Kerajaan-kerajaan negeri menyerahkan segala hak ke atas tanah untuk diusahakan kepada Felda yang seterusnya menjadi agensi yang bertanggungjawab memajukannya kepada suatu kawasan pembangunan yang *intergrated* sepenuhnya.

- **Pembukaan Awal**

Pembangunan tanah di negeri Johor Darul Takzim bermula pada 1959 dengan mengambil alih rancangan Sungai Tiram dan Endau yang ditadbir oleh Kerajaan Negeri. Sehingga tahun 1995 sebanyak 80 rancangan telah dibuka dengan keluasan 164,023 hektar; 79% ditanam sawit, 15% dengan getah dan 6% di bawah kawasan perkampungan. Rancangan pertama yang dibuka ialah **Rancangan Lurah Bilut** yang ditanam dengan getah iaitu pada tahun 1958. manakala **Rancangan Taib Andak** merupakan rancangan Felda pertama ditanam dengan sawit iaitu pada tahun 1961.

- **Statistik Peneroka**

Pada akhir tahun 2005 bilangan peneroka yang telah ditempatkan dalam rancangan Felda adalah seramai 103,156 orang. Penempatan peneroka mengikut jenis tanaman ditunjukkan di dalam jadual di bawah.

PENEMPATAN PENEROKA						
Jenis Tanaman	2005			2006		
	Bil.Rancangan	Bil.Peneroka	%	Bil.Rancangan	Bil.Peneroka	%
Sawit	183	69,271	67.15	186	71,061	67.15
Getah	92	33,888	32.85	92	33,888	32.85

Jadual 1: Penempatan Peneroka (sumber www.felda.gov.my:2006)

Berdasarkan perangkaan di atas, sebanyak 17.6% peneroka tergolong dalam Warga Emas. Mereka ini juga mempunyai kemahiran dan pengetahuan tertentu untuk di perturunkan kepada generasi seterusnya.

Taburan peneroka mengikut negeri adalah seperti jadual di bawah:

PENEMPATAN PENEROKA (Mengikut Negeri)					
Jenis Tanaman	Bilangan Rancangan	Peneroka		Jumlah	%
		Sawit	Getah		
Pahang	97	24,241	8,412	37,653	35.87
Johor	66	20,224	6,305	26,529	25.27
N.Sembilan	43	3,901	12,665	16,566	15.78
Terengganu	20	7,266	213	7,479	7.12
Perak	15	3,343	1,675	5,018	4.78
Kedah	9	0	3,239	3,239	3.08
Kelantan	11	3,116	0	3,116	2.96
Sabah	7	1,659	0	1,659	1.58
Melaka	4	382	954	1,336	1.27
Selangor	4	1,929	0	1,929	1.83
JUMLAH	278	71,061	33,885	104,946	100

Jadual 2: Penempatan Peneroka Mengikut Negeri (sumber www.felda.gov.my:2006)

- **Pemilihan Peneroka**

Tugas utama Felda adalah membuka kawasan tanah baru untuk dijadikan kawasan pertanian dan menempatkan rakyat luar bandar yang miskin dan tidak bertanah. Peneroka-peneroka dipilih dengan teliti. Hanya mereka yang benar-benar memerlukan sahaja diberikan peluang. Rakyat di luar bandar yang ketiadaan rumah menjadi sebahagian besar peneroka di samping sebilangan yang terdiri daripada bekas anggota keselamatan.

- **Syarat-Syarat Kemasukan Peneroka**

1. Menetapkan syarat kemasukan peneroka bersesuaian kehendak Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 dan surat perjanjian (Sabah). Syarat kemasukan peneroka:
 - a. Warganegara
 - b. Berkahwin
 - c. Tidak memiliki tanah melebihi 2 ekar
2. Menubuhkan jawatankuasa bersama dengan Felda dalam membuat pemilihan dan temuduga calon.
3. Meluluskan senarai kemasukan peneroka yang berjaya melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).
4. Setiap peneroka diberi satu lot kebun seluas lebih kurang 10 ekar dan lot kediaman seluas lebih kurang suku ekar dan didaftarkan dalam Buku Daftar Pegangan.

- **Dasar Tidak Mengambil Peneroka**

Mulai 1 Julai 1990, Kerajaan Pusat membuat keputusan memberhentikan kemasukan peneroka di rancangan Felda. Dasar ini diputuskan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 26 Disember 1989 melalui memorandum Y.B Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Dasar pemberhentian kemasukan peneroka diputuskan sekali lagi oleh Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 13 Mac 1996.

- **Penempatan Peneroka**

Salah satu tugas utama Felda ialah mengorientasikan peneroka baru untuk berdikari, bertanggungjawab dan progresif dan dengan demikian memastikan bahawa mereka menyedari dan mampu memenuhi keperluan pembangunan mereka serta juga pembangunan negara.

Pembangunan sosial Felda menyediakan program untuk mendidik dan membina peneroka supaya mempunyai nilai, sikap dan sifat yang diperlukan bukan sahaja bagi kejayaan pembangunan tanah tetapi juga bagi pembangunan diri peneroka sendiri. Rancangan Felda bukan hanya merupakan perkampungan-perkampungan baru yang dikelilingi dan kemudahan membeli belah. Peneroka-peneroka dipilih dengan teliti. Hanya mereka yang benar-benar memerlukan sahaja diberikan peluang. Rakyat di luar bandar yang ketiadaan rumah menjadi sebahagian besar peneroka di samping sebilangan yang terdiri daripada bekas anggota keselamatan. Setiap peneroka diperuntukkan tanah kebun seluas 4.04 hektar (kira-kira 10 ekar) dan 0.10 hektar (kira-kira 0.25 ekar) tapak rumah. Kumpulan pertama peneroka ditempatkan di Felda Lurah Bilut, Pahang pada tahun 1958. Peneroka telah ditempatkan di 308 rancangan yang terletak di seluruh negara kecuali di Pulau Pinang dan Sarawak. Mulai bulan Januari 1990 Felda tidak lagi menempatkan peneroka baru.


Sehingga November 2005, daripada 104,946 peneroka yang ditempatkan di 278 rancangan, 77,287 peneroka (74.9%) telah menyelesaikan Bayaran Kembali (BK) dan 25,869 peneroka (25.1%) belum menyelesaikan BK. Seramai 74,921 peneroka (72.6%) ditempatkan di rancangan sawit dan 28,235 peneroka (27.4%) di rancangan getah. Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) ini terpakai kepada semua tanah atau kawasan yang telah diisytiharkan sebagai Kawasan Penempatan Berkelompok oleh Kerajaan Negeri seperti termaktub dalam Seksyen 33.

Pendapatan Peneroka

Komposisi pendapatan peneroka terbahagi kepada 3 iaitu:

- **Hasil Kebun** – Pendapatan daripada hasil ladang sawit dan getah.
- **Sumber Alternatif** – Aktiviti ekonomi dan lain-lain aktiviti.
- **Pelaburan** – KPF, Lain-lain; ASN, ASB dll.

Hasil Kebun



Jadual 3: Pendapatan Peneroka (sumber www.felda.gov.my:2006)

1985 – 1988

Jaminan Pendapatan Minimum (RM 350)

Paras Pendapatan ditetapkan di mana tambahan akan diberikan jika peneroka memperoleh pendapatan kurang dari paras yang telah ditetapkan.

1989 – 2006

Pendapatan Minimum (RM 600)

Paras pendapatan ditetapkan di mana tiada potongan dibuat jika peneroka memperoleh pendapatan kurang daripada paras yang telah ditetapkan.

Sumber Alternatif

Peneroka dan tanggungan digalakkan menjalankan kegiatan ekonomi sampingan untuk menambah pendapatan keluarga. Bidang-bidang yang diceburi adalah seperti mengusahakan projek tanaman, ternakan, pelbagai jenis perniagaan, kraftangan dan perusahaan kecil dan sederhana.

Pelaburan

Koperasi Permodalan Felda (KPF) ditubuhkan pada 1 Julai 1980 di bawah Ordinan Koperasi-Koperasi Tahun 1948. Pendapatan dan faedah pelaburan KPF adalah seperti berikut:

1. Peneroka mendapat dividen daripada pelaburan dengan KPF.
2. Setiaap peneroka adalah ahli KPF.
3. Saham percuma RM500 seorang diberikan.
4. Saham percuma RM1,000 seorang kepada peneroka yang telah selesai Bayaran Kembali (BK).
5. Pinjaman RM5,000 tanpa faedah diberikan kepada warga emas.
6. Kemudahan pinjaman dengan bank komersial disediakan.
7. Purata pelaburan peneroka RM2,000.
8. Had pelaburan dibenarkan RM250,000- 8 peneroka mencapai tahap maksimum.

Program Masyarakat

Tumpuan pelbagai program pembangunan masyarakat diteruskan kepada usaha-usaha meningkatkan taraf dan kualiti hidup peneroka di rancangan dengan peranan utama diterajui oleh ibubapa. Program yang dikenalpasti berkesan diteruskan dan dipertingkatkan keberkesanannya. Manakala yang kurang berkesan dibuat pengubahsuaian terhadap kaedah dan pendekatan. Program yang diatur khusus menjurus kepada kecemerlangan pendidikan, tahap ekonomi yang mantap, kesihatan yang baik serta keharmonian dan kerukunan rumahtangga selain memenuhi hasrat dan aspirasi masyarakat, organisasi dan kerajaan.

- **Institusi Peneroka**

Pada masa ini, terdapat 278 rancangan Felda di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 201 rancangan masih di bawah Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) yang diuruskan oleh Felda dan pentadbiran kampung di 77 rancangan adalah di bawah kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) setelah peneroka mendapat hak milik tanah. Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam menguruskan pembangunan serta aktiviti masyarakat peneroka khususnya di rancangan Felda. Badan ini juga berperanan dalam menyuarakan hasrat serta impian para peneroka bagi memajukan hidup mereka dari pelbagai aspek termasuk ekonomi, sosial dan kerohanian.

- **Pendidikan**

Institusi Pendidikan

Felda juga menyediakan pelbagai kemudahan pendidikan berbentuk latihan kemahiran untuk membantu anak-anak peneroka lepasan SPM melanjutkan pelajaran dalam pelbagai bidang Kemahiran dan Vokasional. Sehingga 2005, seramai 5,295 pelatih iaitu 803 dari Pusat Latihan Trolak (PLT), 72 dari Institusi Teknologi Utama (ITU), Kelana Jaya, 3937 daripada kolej-kolej swasta dan 483 dari Kolej Lim Kok Wing telah mengikuti kursus kemahiran dan vokasional yang dianjurkan. Latihan yang diadakan

bertujuan meningkatkan kemahiran serta pengetahuan peserta supaya lebih berdaya maju dan saing untuk mendapatkan peluang pekerjaan atau melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Aktiviti Pendidikan

- Asrama Semai Bakti
- Program Latihan Kemahiran

Asrama-Asrama Semai Bakti Felda

Asrama Semai Bakti Felda yang pertama telah ditubuhkan pada tahun 1975 iaitu Asrama Semai Bakti Kuala Lumpur (menyewa bangunan di Jalan Kuching kemudian di Taman Keramat sehingga asrama sebenar siap pada tahun 1983 di Taman Sri Keramat, Kuala Lumpur). Asrama Semai Bakti Felda Kuantan (Asrama Semai Bakti Tun Abdul Razak) merupakan Asrama kedua yang telah ditubuhkan pada tahun 1978 dan kemudiannya telah ditutup pada tahun 1998.

Asrama Semai Bakti Felda ketiga ialah Asrama Semai Bakti Johor Bahru yang ditubuhkan pada tahun 1983 dengan menyewa bangunan sehingga asrama sebenar siap pada tahun 1985 di Jalan Tasik Utara, Johor Bahru. Asrama Semai Bakti Kelana Jaya merupakan Asrama Semai Bakti Felda yang keempat ditubuhkan pada tahun 1998 bertempat di Kelana Jaya, Selangor. Asrama Semai Bakti yang kelima ialah Asrama Semai Bakti Trolak di Perak. Asrama ini dibuka pada tahun 1999 menggantikan Asrama Semai Bakti Kuantan yang telah ditutup pada tahun 1998. Asrama Semai Bakti Trolak telah ditutup dan berhenti beroperasi pada tahun 2005. Kini Asrama Semai Bakti Felda Kuantan akan beroperasi semula dan sedang dalam pembinaan di tapak lama di Jalan Haji Abu Bakar, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Asrama-asrama Semai Bakti Felda kini adalah di bawah pentadbiran Jabatan Pembangunan Masyarakat, Ibu Pejabat Felda, Jalan Perumahan Gurney, Kuala Lumpur. Terdapat 3 buah asrama yang sedang beroperasi iaitu Asrama Semai Bakti Kuala

Lumpur, Asrama Semai Bakti Kelana Jaya dan Asrama Semai Bakti Johor Bahru. Manakala Asrama Semai Bakti Kuantan sedang di dalam pembinaan.

Kursus dan Latihan Kemahiran

LATIHAN KEMAHIRAN GENERASI BARU FELDA		
KOLEJ / PUSAT LATIHAN		BILANGAN PELATIH
Latihan Kemahiran Peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (MLVK)		
I	Swasta	3 937
II	Pusat Latihan Trolak (PLT)	803
III	Institut Teknologi Utama (ITU)	72
Jumlah		4 812
Latihan Kemahiran Peringkat Diploma		
I	Kolej Universiti Limkokwing	483
Jumlah		483
Jumlah Besar		5 295

Jadual 4: Kursus dan Latihan Kemahiran (sumber www.felda.gov.my:2006)

Kecemerlangan Pendidikan

Dengan kerjasama bersepadu dari kalangan ibubapa, masyarakat dan guru, aktiviti seperti motivasi pelajar dan ibubapa, seminar dan bengkel menghadapi peperiksaan, teknik belajar, bengkel kaedah pembelajaran anak-anak kepada ibubapa dan pelbagai program pembentukan keyakinan diri pelajar telah dilaksanakan. Turut dilaksanakan seminar pendidikan kepada pemimpin-pemimpin peneroka, biro pendidikan dan belia di rancangan sebagai badan penggerak dan pendorong kepada kecemerlangan pendidikan anak-anak warga Felda.

Sebagai memastikan kecemerlangan pendidikan anak-anak peneroka setanding dengan pelajar bandar, Skim Tuisyen Felda (STF) dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia telah disediakan. Ia mula diperkenalkan pada ogos 2004 dan

dilaksanakan kepada pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan UPSR, PMR dan SPM. Skim tuisyen ini dilaksanakan dengan tujuan membantu pelajar mencapai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Pusat Tuisyen Bahasa Inggeris Wilayah juga dilaksanakan di setiap wilayah di mana 2 buah pusat tuisyen Bahasa Inggeris digerakkan di setiap wilayah. Kemudahan diberi kepada pelajar Tahun tiga dan empat di sekolah rendah serta pelajar tingkatan satu dan dua di sekolah menengah. Pelajar-pelajar yang berpotensi dipilih untuk mengikuti kelas yang disediakan. Ianya bertujuan meningkatkan penguasaan pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris khususnya dan mata pelajaran Matematik dan Sains amnya.

- **Pembangunan Wanita Dan Keluarga**

Pusat Pemulihan dalam Komuniti

Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Felda terus memainkan peranannya sebagai sebuah pusat yang memberi kemudahan perkembangan mental dan fizikal kepada kanak-kanak istimewa/ kurang upaya. Sehingga kini, sebanyak 40 buah PDK diwujudkan di semua wilayah yang melibatkan beberapa rancangan. Daripada 1900 kanak-kanak istimewa/kurang upaya, seramai 918 kanak-kanak atau 60% bilangan mereka yang telah mendapat kemudahan yang disediakan. Peruntukan telah disediakan dalam usaha pembangunan PDK yang merangkumi elaun guru dan pengasuh, pembelian peralatan serta ubahsuai bangunan.

Pusat literasi keluarga dilaksanakan bagi menempatkan kanak-kanak berusia 3 hingga 5 tahun dengan tujuan memberi pendedahan awal kepada kanak-kanak ke arah minat membaca. Projek ini telah dilaksanakan di 253 buah Pusat Literasi Keluarga dengan penglibatan seramai 363 penggalak pembaca yang terdiri daripada ahli GPW dan secara langsung sebagai tenaga penggerak kepada projek ini. Pelbagai aktiviti ke arah melahirkan keluarga dan masyarakat penyayang dan cergas juga dilaksanakan sepanjang tahun. Antaranya aktiviti senamrobik telah dilaksanakan di rancangan-rancangan bagi melahirkan keluarga peneroka yang sihat.

Pusat Literasi Keluarga

Prestasi pembelajaran di PLK ini akan dipertingkat dengan menyediakan alat bantu pembelajaran yang lebih berkesan dan guru-guru (penggalak pembaca) akan diberi latihan yang sesuai. Jawatankuasa PLK, ibubapa dan komuniti perlu bersama membantu kemajuan pembelajaran anak-anak (3-5 tahun) dengan hadir sama di PLK dan menyediakan sudut bacaan di rumah. Satu perjumpaan dengan Jawatankuasa PLK dan ibubapa telah diadakan di Jengka 24 pada 6 Jun 2006 dengan memberi penerangan kepada ibubapa supaya menghantar anak-anak mereka ke PLK untuk mereka diberikan pendedahan awal bagi membantu perkembangan pendidikan.

- **Pembangunan Belia dan Usaha Membanteras Gejala Sosial**

Gerakan Belia

Seramai 96000 belia terdapat di rancangan seluruh negara. Golongan ini perlu diberi perhatian. Selain mewujudkan Majlis Belia Felda Malaysia, Felda turut mengadakan program meningkatkan kesejahteraan belia melalui latihan dan kursus. Kursus dan latihan yang giat dijalankan pada masa ini ialah Kursus Rakan Waja yang dijalankan di Pusat Latihan Felda Bukit Rokan, Negeri Sembilan. Kursus ini ditumpukan kepada aspek pembinaan sahsiah belia dan menekankan aspek pembinaan disiplin yang tinggi. Sehingga Julai 2004 seramai 1030 belia telah mengikuti kursus tersebut.

Golongan generasi kedua atau belia Felda merupakan golongan tumpuan pihak pengurusan. Selain pelbagai kemudahan kecemerlangan pendidikan telah disediakan, Felda turut memastikan kepada pembangunan sahsiah dan jati diri golongan ini. Pada masa ini, tumpuan diberikan kepada program pembangunan dan pemantapan sahsiah dan jati diri seperti Kem Bina Remaja, Kursus Pembinaan Sahsiyah dan Jati Diri diadakan di semua peringkat wilayah dan rancangan. Selain daripada itu, golongan belia juga dilibatkan dalam program sukarelawan Felda melalui penubuhan JPA3 sebagai aktiviti tambahan di samping memberi mereka peluang melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan dan seterusnya membantu golongan warga emas. Program-program berbentuk pengukuhan keyakinan melalui ceramah, kursus dan seminar kesedaran dan

kegiatan kemasyarakatan juga dilaksanakan. Program berbentuk semangat berpasukan melalui sukan dan kebudayaan seperti karnival sukan dan kebudayaan warga FELDA yang melibatkan pertandingan sukan dan kebudayaan di peringkat rancangan dan wilayah seperti Bola Sepak, Seoak Takraw, Bola Tampar dan Bola jaring. Bagi aktiviti kebudayaan pula, pertandingan berbentuk perpaduan kenegerian telah diadakan di semua peringkat bagi memupuk semangat perpaduan dan cintakan budaya di kalangan peserta.

Kursus Rakan Waja

Kursus Pemikiran Positif dan Budaya Hidup Cemerlang (Rakan Waja) telah mula dilaksanakan pada tahun 2002. kursus bertujuan membentuk peribadi dan sahsiah diri belia dan beliwaniis Felda di samping penekanan pada aspek disiplin dan kepimpinan. Kursus diadakan di setiap wilayah secara berperingkat setiap tahun di Pusat Latihan FSSSB Bukit Rokan Gemenchih, Negeri Sembilan. Sehingga April 2006, seramai 2688 peserta telah mengikuti kursus tersebut.

Pembangunan Spiritual (Penerapan Nilai-Nilai Murni)

Antara punca terbesar polemik sosial remaja sekarang ialah persoalan pembinaan insan. Bermula dari ibubapa perlulah memainkan peranan yang utama dalam membentuk sahsiah anak-anak dengan asas yang kukuh. Polemik sosial remaja yang semakin menular kini memerlukan strategi dan pendekatan yang lebih berkesan. Semua pihak perlu berperanan ke arah melahirkan masyarakat yang mempunyai nilai-nilai yang murni. Selaras dengan itu, penekanan diberi kepada golongan generasi kedua kerana golongan inilah merupakan aset kepada pembangunan Felda.

Pada tahun 2006, pelbagai program akan dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan badan-badan bukan kerajaan. Antara yang menjadi tumpuan pada tahun 2005 ialah program Kem Bina Remaja, Kursus Imam Muda, Kursus Kefahaman Islam yang bertujuan melahirkan generasi baru yang berkualiti, berdaya tahan dan berupaya memimpin. Sebagai memupuk minat membaca Al-Quran serta menggalakkan masyarakat peneroka mendalami pengertian dan menghayati isi kandungan Al-Quran, pertandingan ilmiah seperti Tilawah Al-Quran dan Nasyid akan

dilaksanakan. Pertandingan ini diadakan secara berperingkat dari peringkat rancangan hingga ke peringkat nasional.

Bagi memupuk semangat cintakan masjid dari kalangan belia, aktiviti J.O.M (Jumpa Orang Masjid) akan dirancang dan dilaksanakan. Program ini merupakan salah satu usaha mengimarahkan masjid di samping memupuk penyertaan belia dalam segala aktiviti keagamaan yang dijalankan di peringkat rancangan dan wilayah.

Program Masih Ada yang Sayang

Program ini bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturrahim di kalangan warga peneroka yang telah sedia terjalin sebelum ini. Pelbagai aktiviti kemasyarakatan perlu disemai semula melalui program integrasi yang diadakan. Ini bertujuan untuk melahirkan kembali perasaaan kekitaan bagi merealisasikan hasrat kerajaan dan juga Felda khususnya untuk melihat pembangunan insaniah di kalangan warga Felda seiring dengan pencapaian 50 tahun Felda.

Program yang diadakan selama 2 hari tersebut dipenuhi dengan pelbagai aktiviti seperti Forum Perdana Ehwat Islam, senamrobik, pertandingan sukan, persembahan kebudayaan, pertandingan gubahan oleh GPW dan pertandingan melukis untuk kanak-kanak. Penglibatan oleh Polis Diraja Malaysia, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Belia dan Sukan dalam menjayakan program berkenaan telah dapat mengeratkan lagi perhubungan warga Felda dengan agensi yang berkenaan.

Pembangunan Hartanah

Negeri	Bil. Rancangan Projek	Luas Kawasan (Hektar)						Kampung	Jumlah Besar
		Tanaman				Jumlah			
		Sawit	Getah	Tebu	Lain-				
Pahang	169	2822002	21031	0	1573	304606	14539	319145	
Johor	89	131981	13426	0	41	145448	9391	154839	
Sabah	64	119560	0	0	205	119765	2269	122034	
N. Sembilan	53	3951	44800	0	40	84431	5885	90316	
Terengganu	30	42669	2192	0	0	44861	3492	48353	
Kelantan	25	40587	432	0	0	41019	2396	43415	
Perak	24	21760	13972	0	40	35772	2487	38259	
Kedah	12	261	12625	1118	0	14004	858	14862	
Sarawak	5	7680	0	0	0	7680	0	7680	
Melaka	4	1447	4019	0	0	5466	320	5786	
Perlis	3	0	1804	3343	229	5376	445	5821	
Selangor	2	2516	196	0	0	2717	91	2803	
Jumlah	480	690054	114497	4461	2128	811140	42173	853313	

Jadual 5: Kawasan dimajukan (sumber www.felda.gov.my; 2006)

Pembangunan Pertanian

Jenis Tanaman	2004		
	Luas (Hektar)	% Tanaman	% Kawasan
Sawit	690 054	85	80.9
Getah	114 497	14.2	13.4
Tebu	4 461	0.5	0.5
Lain-lain	2 128	0.3	0.3
Jumlah Tanaman	811 140	100	95.1
Perkampungan	42 173	-	4.9
Jumlah Kawasan	853 313	-	100

Jadual 6: Kawasan pertanian (sumber www.felda.gov.my; 2006)

Projek Perumahan Felda

Sebanyak 4 projek perumahan sedang dilaksanakan iaitu Bukit Goh, Mempaga 2, Lepar Hilir 1 dan juga Keratong. Kemajuan keseluruhan projek ialah Bukit Goh (41%), Mempaga 2 (66.8%), Lepar Hilir (7.2%) dan Keratong 3 (3.0%). Projek perumahan di Lepar Hilir dan Keratong, baru dimulakan pada bulan Oktober dan November 2004.

Sebanyak 460 unit rumah di Bukit Goh dan 176 unit rumah di Mempaga 2 telah di jual. Baki sebanyak 13 unit rumah di Bukit Goh dan 32 unit di Mempaga 2 dalam proses jualan oleh FELDA Properties. Pelancaran jualan rumah di Lepar Hilir telah diadakan pada 23 dan 24 Mac 2005. Sebanyak 75 unit rumah telah pun dijual dan 175 lagi masih dalam proses penjualan.

- **Objektif**

1. Memajukan tanah kosong yang sesuai dan telah diberi milik kepada Felda supaya usaha-usaha mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat rancangan lebih berkesan.
2. Memastikan anak-anak peneroka yang tergolong dalam kumpulan berpendapatan rendah berpeluang memiliki rumah kediaman dengan kualiti yang terjamin.
3. Memberi peluang kepada anak-anak peneroka untuk terus menetap di rancangan dan membantu pertumbuhan dan kegiatan ekonomi di rancangan.
4. Membantu mengukuhkan institusi keluarga peneroka.
5. Membantu usaha kerajaan mempercepatkan pembangunan perumahan di luar Bandar.

- **Projek Perumahan Warga Felda**

Negeri	Bil	Rancangan	Luas (ekar)	Komponen			Tarikh	
				RKS*	RKSR*	KEDAI	MULA	SIAP
Pahang	1	Bukit Goh	42	338	139	4	Jul-03	Sep-05
	2	Mempaga	22	161	47	-	Apr-04	Jul-05
	3	Lepar Hilir 1/4	38	192	58	-	Oct-04	Jan-06
	4	Keratong 3	20	216	208	5	Nov-04	Nov-06

Jadual 7: Projek perumahan Felda (sumber www.felda.gov.my:2006)

- **Siapa yang layak untuk membeli rumah ini?**

Terbuka kepada anak-anak peneroka (80%) dan kakitangan kumpulan Felda (20%). Sekiranya berlebihan akan ditawarkan kepada orang luar.

- **Apa syarat-syarat untuk membeli rumah ini?**

1. Telah berdaftar dengan Unit Perumahan SUK, Pahang
2. Telah berkahwin, terutamanya untuk perumahan kos rendah
3. Umur melebihi 21 tahun
4. Membuat pembiayaan dengan Bank/Perbendaharaan/ Majikan untuk membiayai pembelian ini.

- **Di mana boleh mendaftar untuk membeli rumah ini?**

Pendaftaran untuk membeli rumah boleh dibuat pada hari Pra-Pelancaran projek dengan mengisi boring-borang yang telah disediakan. Dokumen-dokumen yang diperlukan semasa pendaftaran adalah:-

1. 3 Salinan kad pengenalan suami / isteri dan sijil nikah.
2. Salinan slip pendaftaran dengan Unit Perumahan SUK Pahang.
3. Salinan slip gaji terkini.
4. Surat Pengesahan jawatan daripada majikan.
5. Salinan Penyata Kewangan Bank berniaga sendiri.

Aktiviti Keusahawanan

Punca utama pendapatan peneroka ialah sumber dari kebun mereka. Pendapatan daripada punca ini bergantung kepada hasil pengeluaran dan harga komoditi tersebut. Apabila kebun ditanam semula, peneroka bergantung pula kepada pinjaman sara hidup yang didahulukan oleh Felda. Oleh itu punca pendapatan daripada sumber lain adalah diperlukan bagi mengurangkan tekanan beban ekonomi peneroka. Tumpuan diberi kepada usaha menambah pendapatan daripada punca selain kebun melalui pendekatan membantu bakal pengusaha untuk menjayakan perusahaan yang ingin mereka ceburi.

Aktiviti keusahawanan disusn bagi menggalakkan pelaksanaan kegiatan non-farm income dengan tujuan mencapai matlamat berikut:

1. Mewujudkan pengusaha baru di kalangan peneroka / ahli keluarga.
2. Mewujudkan pengusaha dan perusahaan sedia ada supaya mereka berupaya menyumbang sumber pendapatan kepada ahli masyarakat yang lain.
3. Menggalakkan pembangunan ekonomi di rancangan.

Aktiviti keusahawanan yang dilaksanakan adalah:

1. Pelaksanaan projek Satu Wilayah Satu Industri (SAWARI)
2. IKS-TANI

▪ Bantuan Kewangan

Program ini di laksanakan melalui aktiviti berikut:

1. Skim Intensif Usahawan Felda
2. Skim Bantuan Aktiviti Pertanian Luar Bandar
3. Bantuan Membesarkan Rumah Peneroka

Aktiviti Koperasi

Sebanyak 287 koperasi telah ditubuhkan di seluruh rancangan Felda. Maklumat koperasi di rancangan pada Julai 2004:

Bil	Wilayah	Bil Koop	Bil Ahli	Jumlah Modal (RM)
1	Ipoh	22	6856	1,842,726
2	Seremban	41	13207	3,939,536
3	Segamat	34	10548	4,952,838
4	Johor Bahru	41	17897	10,526,522
5	Kuantan	36	11625	5,438,044
6	Temerloh	36	12867	5,728,198
7	Jengka	37	14447	3,776,586
8	Terengganu	20	7527	1,963,176
9	Gua Musang	11	3145	2,338,056
10	Sabah	9	1785	476,190
Jumlah				40,981,872

Jadual 8: KPF seluruh negara (sumber: www.felda.gov.my)

▪ Objektif Pembangunan

1. Mengembangkan potensi rancangan-rancangan Felda yang dibangunkan secara gugusan untuk dimajukan sebagai pusat bandar.
2. Melalui pembukaan bandar baru, peneroka dan generasi kedua berpeluang untuk melibatkan diri dalam kegiatan perniagaan dan menjadi usahawan berdaya maju.
3. Mengurangkan penghijrahan generasi kedua ke bandar seterusnya mendorong mereka memberi sumbangan ke arah pembangunan rancangan.

▪ Peranan

Berusaha meningkatkan kualiti hidup masyarakat peneroka melalui jentera pengurusan yang berdedikasi dan cekap sepanjang masa serta menyumbangkan kepada kejayaan wawasan negara melalui peningkatan hasil, mewujudkan perindustrian yang berdaya saing, maju dan menguntungkan. Menggalakkan pertumbuhan masyarakat yang maju, produktif dan berdisiplin untuk meningkatkan taraf hidup dan menjamin mutu kehidupan yang lebih sempurna.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Federal Land Development Authority – FELDA) telah ditubuhkan pada Tahun 1956. Ia bertujuan membangunkan kawasan luar Bandar di Malaya. Pembukaan tanah ini bertujuan untuk memberi faedah kepada mereka yang tidak memiliki tanah. Hingga ke hari ini ia kekal sebagai sebuah agensi pembangunan tanah terbesar di Malaysia. Terdapat 276 skim yang menempatkan lebih dari 103 000 keluarga dengan keluasan tanah melebihi 650 000 hektar.

Tanah Rancangan Felda merupakan komuniti penempatan semula yang terdiri daripada sebahagian besarnya orang-orang Melayu dan beragama Islam. Dari segi struktur dan organisasi pembangunan, Felda mempunyai rancangan yang sangat lengkap dan rapi. Ia mempunyai kelengkapan prasarana dan pelbagai organisasi sokongan kepada pembangunan tanah tersebut. Kini tanah rancangan Felda telah mencapai satu pusingan hidup atau *lifecycle* di mana terdapatnya generasi pertama dan kedua di setiap rancangan. Kajian menunjukkan walaupun komuniti Felda adalah komuniti tertutup, iaitu hanya peneroka dan keluarga, namun pada masa yang sama ianya turut terlibat dalam arus pembangunan negara dengan pelbagai unsur luaran yang turut mencabar. Kajian juga menunjukkan masalah sosial yang terdapat di Felda bukan sahaja unik dan tersendiri, tetapi mereka juga tertolak sama dengan masalah sosial luaran yang begitu mengancam.

Sebagai anggota masyarakat, komuniti Felda adalah masyarakat mikra Malaysia yang mempamerkan masalah sosial diperingkat nasional. Masalah penagihan dadah, ponteng sekolah, merokok, pengangguran dan keruntuhan akhlak di kalangan pelajar, remaja dan belia turut dikenalpasti. Keadaan ini bertambah merunsingkan dengan golongan generasi pertama yang semakin tua, serta suasana Felda yang kian suram dan tidak menarik perhatian golongan muda. Majoriti peneroka Felda menyedari masalah yang mereka hadapi dan kajian ini juga menunjukkan tujuh jenis masalah yang sangat serius berlaku dan dikenalpasti ialah:

- Masalah penyalahgunaan dadah,
- Masalah merokok di kalangan pelajar,
- Masalah melepak,
- Masalah ponteng sekolah,
- Masalah lumba haram,
- Masalah pengangguran,
- Masalah judi, gangster, pergaduhan, sumbang mahram, pergaulan bebas, penceraian, jenayah juvana, menonton video lucah, lari dari rumah dan sebagainya.

Beberapa langkah telah diusahakan diperingkat negara dan komuniti Felda sendiri untuk menguruskan permasalahan ini. Sebagai sebuah masyarakat yang dianggotai oleh orang Islam sudah pastinya penggunaan dan pendekatan keagamaan adalah sangat perlu diusahakan agar ianya dapat membantu menjadi strategi dakwah dalam mengurus permasalahan sosial di tanah rancangan Felda.

1.3 MATLAMAT KAJIAN

Membina satu modaliti dakwah yang baik dan sesuai untuk menyelesaikan masalah penyalahgunaan dadah di tanah rancangan Felda terutama di kalangan remaja dan belia tanah rancangan ini.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa objektif iaitu:

- 1 Untuk mengkaji bentuk dan profil permasalahan penyalahgunaan dadah di kalangan belia dan remaja tanah rancangan Felda.
- 2 Untuk membina modul dakwah yang sesuai dengan masyarakat, remaja dan belia tanah rancangan Felda.
- 3 Untuk mempraktikkan modul dakwah yang dibina bagi menilai keberkesanannya.
- 4 Melengkapkan modul dakwah yang telah diuji untuk kegunaan masyarakat Felda seluruhnya.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini akan menjawab beberapa persoalan iaitu:

- 1 Bagaimanakah bentuk permasalahan penyalahgunaan dadah di kalangan remaja dan belia tanah rancangan Felda?
- 2 Apakah unsur penting yang perlu ada dalam satu modul dakwah untuk menyelesaikan permasalahan ini?.
- 3 Apakah hasil cubaan yang dijalankan dalam menjalankan modul yang dibina?.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini amat penting kerana:

1. Daripada kajian ini, ianya dapat mengenalpasti mengenai kewujudan dan bentuk-bentuk masalah sosial di kalangan remaja dan belia tanah rancangan Felda.
2. Dapat merangka, melaksanakan dan menilai modul dakwah yang dapat memberikan kesedaran serta pencegahan untuk remaja dan belia tanah rancangan Felda terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah.
3. Melahirkan generasi Felda yang mempunyai pengetahuan tentang dadah dan melahirkan kelompok masyarakat tanah rancangan Felda yang bebas daripada masalah penyalahgunaan dadah.

1.7 PENGUMPULAN DATA

Pada peringkat ini, data akan dikumpulkan dalam bentuk *descriptive* iaitu untuk melihat atau memperihalkan permasalahan yang dihadapi oleh remaja dan belia tanah rancangan Felda terutamanya yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah. Kaedah *participant observation* dengan soal selidik berstruktur dan pemerhatian akan dijalankan untuk mendapatkan data. Data dari kajian eksperimen, *pre* dan *post* juga akan dikumpulkan untuk melihat keberkesanan modul dakwah tersebut.

BAB DUA

KAJIAN LEPAS

2.1 KONSEP DAN KAEDAH DAKWAH

Takrif Dakwah

Dari segi bahasa, perkataan dakwah diambil daripada kata dasar (دَعَا) yang membawa pelbagai makna, di antaranya 'seruan' (Al-Razi :1986), permintaan atau rayuan (Al-Fayyumi :n.d.) yang mana ianya lebih dikhususkan dalam konteks doa kepada Allah s.w.t, pimpinan (Ibn. Mandzur :1997) –yang membawa erti, memimpin seseorang ke satu arah dan usaha yang dilakukan samada dengan perkataan ataupun perbuatan untuk memberi tunjuk ajar kepada manusia kepada suatu perkara serta menggalakkan mereka untuk mengikut serta berpegang kepada perkara-perkara tersebut.

Manakala takrifan dakwah dari sudut istilah pula mengikut penulis-penulis serta cendekiawan dalam bidang ini antaranya:-

1. Satu program yang menyeluruh yang dilakukan oleh orang-orang yang layak dalam memberi bimbingan dan tunjuk ajar, yang menghimpunkan segala bidang ilmu serta pengetahuan yang diperlukan oleh manusia untuk mereka memerhatikan meneliti arah tuju hidup mereka, serta membongkar dan mengetahui segala aspek kehidupan mereka (Al-Ghazali :1981).
2. Satu usaha yang dilakukan oleh para ulamak yang berkeelayakan dari segi pengetahuan dalam bidang agama, untuk memberi ilmu pengetahuan kepada orang ramai, apa-apa yang boleh membuatkan mereka faham dan pasti tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan agama mereka-agama Islam, serta kehidupan dunia mereka, mengikut kemampuan masing-masing (Yusuf :1993).

3. Dakwah-seruan- kepada mentauhidkan Allah s.w.t dan berikrar dengan dua kalimah syahadah, serta melaksanakan manhaj Allah s.w.t di atas muka bumi ini, melalui perkataan mahupun perbuatan sepertimana yang terdapat di dalam al-Quran al-Kareem dan hadith-hadith nabi s.a.w untuk menjadikan agama seluruhnya untuk Allah s.w.t. (Al-Wa'ie :1995).
4. Menyampaikan dakwah Islam kepada seluruh manusia, serta memberi petunjuk melalui perkataan atau perbuatan, pada setiap masa dan tempat dengan cara dan perantaraan khusus yang bersesuaian dengan golongan sasar tersebut, berdasarkan latarbelakang perbezaan kaum serta tempat yang berbeza-beza (Bani 'Amir :1999) serta takrifan-takrifan lain yang terlalu banyak dan luas digambarkan oleh para pengkaji di dalam bidang ini.

Setelah dilihat dengan teliti, bolehlah disimpulkan bahawa perkataan “dakwah” itu membawa maksud: “satu usaha menegakkan hujah serta pembuktian kukuh pada setiap zaman dan tempat, untuk mengajak sekalian manusia untuk berpegang dengan ajaran al-Quran serta hadith nabi s.a.w untuk mengecapi kebahagiaan kehidupan di dunia dan akhirat, dengan menggunakan manhaj dan medium khusus yang diturunkan oleh Allah s.w.t, bersesuaian dengan keadaan golongan sasar dakwah”.

Pembahagian Dakwah

Dakwah secara individu

Dakwah secara individu merujuk kepada satu usaha dakwah yang dijalankan oleh seorang individu secara berseorangan samada ianya melibatkan mana-mana badan atau gerakan dakwah ataupun tidak (Ulwan :1988, Nuh :1995, Bannan :1992 comp. and. ed.).

Dakwah secara berkumpulan

Manakala dakwah secara berkumpulan pula membawa maksud, satu usaha dakwah yang dilakukan oleh sekumpulan orang Islam yang tertakluk kepada satu-satu organisasi, perancangan, ikatan, antara anggota, serta gerak kerja yang bersatu dan bersepadu” (Ulwan :1988).

Asas-Asas Serta Kaedah Dakwah Terhadap Golongan Muslim

Asas serta kaedah di dalam berdakwah adalah tertakluk kepada kesesuaian golongan sasaran, serta taraf dan latar belakang sosial mereka. Para ulama' membahagikan golongan Muslimin ini kepada tiga kumpulan, pertama ialah golongan atasan, kedua, orang awam dan yang ketiga ialah orang-orang yang sering melakukan maksiat. Terdapat juga yang membahagikan golongan Muslim ini hanya kepada dua bahagian, yang pertama golongan Muslim yang sentiasa berbuat kebaikan dan tidak mengingkari perintah Allah s.w.t dan yang kedua ialah golongan yang leka dan hanyut di dalam pujukan nafsu syahwat dan godaan syaitan.

Untuk tujuan ini, pembahagian pertama digunakan untuk memudahkan penelitian dibuat serta penggunaan kaedah yang lebih terperinci terhadap golongan sasaran tersebut.

1. Golongan bangsawan

Mereka ini adalah terdiri daripada orang-orang atasan yang mempunyai kedudukan samada dari segi kekayaan mahupun pangkat di dalam masyarakat ataupun negara di mana ada di kalangan mereka ini merupakan orang-orang yang baik serta suka mengajak orang lain untuk melakukan kebaikan dan ada juga di kalangan mereka ini orang-orang yang tidak baik dan sering melakukan dosa (Zaidan :2000). Di dalam konteks ini al-Quran telah mengajar kita cara untuk berdakwah kepada golongan atasan yang sering melakukan dosa dan kemungkaran ini (Al-Muthlaq :1996). Antaranya:

- Menggunakan kaedah yang lembut,
- Menggunakan kaedah yang menampakkan kebersamaan pendakwah dengan mereka,
- Beransur-ansur dalam berdakwah, dan
- Bertolak ansur dalam aspek-aspek tertentu.

Di dalam al-Quran wujud ayat yang menceritakan mengenai perintah Allah s.w.t yang memerintahkan supaya nabi Allah Musa dan Harun a.s pergi berdakwah kepada Firaun dengan kata-kata yang halus, lembut dan mudah, dengan harapan kaedah ini dapat

memberikan kesan yang mendalam dalam jiwa (Ibn. Kathir :1994). Ini adalah kerana kata-kata yang keras dan kasar merupakan antara sebab utama manusia itu lari dari mendengar ajaran dakwah serta membuatkan mereka terus dengan maksiat dan kekufuran, lebih-lebih lagi golongan sasar adalah dari golongan atasan yang mempunyai kedudukan kewangan serta kebanyakannya hati-hati mereka bersalut dengan sifat-sifat yang tidak baik seperti besar diri dan keras hati (Al-Razi :1985, Al-Syaukani :2002, comp. and. ed.).

2. Orang Awam

Orang awam ialah mereka yang tidak mempunyai kuasa atau tanggungjawab yang penting serta pengaruh. Mereka ini terdiri daripada ahli keluarga pendakwah sendiri, saudara maranya, jiran tetangganya atau penduduk kampung dan masyarakat setempat. Mereka ini kebiasaannya menjadi pengikut kepada golongan al malak. Mereka juga kebanyakannya terdiri daripada golongan miskin dan melakukan pelbagai bentuk pekerjaan (Abu Zaid :1993).

Bagi pendakwah, dalam berhadapan dengan golongan ini perlulah mengambil kira beberapa pendekatan antaranya:

1. Berlemah lembut dan bertolak ansur sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dalam dakwahnya kepada golongan yang seumpama ini dan sebagaimana yang diperingatkan oleh Allah SWT dalam Al-Quran, Surah Ali Imran yang bermaksud “maka dengan rahmat daripada Allah SWT, kamu (Nabi Muhammad) telah berlemah lembut dengan mereka, sekiranya kamu berlaku kasar dan keras hati nescaya mereka akan lari dari sisimu.” (Ibn. ‘Asyur :2000).
2. Menjaga kehormatan diri manusia dan perasaan mereka dengan tidak mendedahkan kesalahan dan maksiat atau dosa yang dilakukan oleh mereka. Sebaliknya maksiat itu perlulah dirahsiakan dan memilih waktu yang sesuai untuk diberi nasihat (Qutb :1996, Al-Sa’diy :1999, comp. and. ed.).
3. Perlu mempunyai kelembutan hati dan kesabaran, sifat ini sangat diperlukan ketika berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran dan gangguan terutamanya

daripada golongan yang bongkak, demikian juga sifat bebal golongan yang jahil serta karenah golongan yang suka memperolok-olok (Qutb :1996).

4. Memulakan dakwah dengan perkara asas diikuti dengan perkara cabang, iaitu dengan memberikan tumpuan kepada perkara akidah terlebih dahulu kerana ia merupakan penghubung manusia dengan pencipta. Setelah itu barulah dikembangkan dakwah kepada perkara-perkara cabang seperti masalah fiqh yang merupakan penghubung antara manusia sesama manusia (Al-Wa'ie :1995).
5. Mengelakkan perkara-perkara khilafiah (perselisihan pendapat ulama) ini kerana orang awam tidak mempunyai kemampuan untuk berhadapan dengan isu-isu seumpama ini. Ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya perpecahan dikalangan orang awam.
6. Berperingkat-peringkat dalam dakwah. Ini merupakan satu langkah untuk memberi persediaan kepada jiwa manusia untuk mendengar dan menerima kebenaran disamping menanamkan kebenaran itu ke dalam jiwa mereka (Al-Muthlaq :1996).

3. Golongan Muslim Yang Sering Melakukan Maksiat

Golongan ini merupakan orang yang tidak menunaikan tuntutan-tuntutan dua kalimah syahadah, mereka sering melanggar perintah syara' dan melampaui batasan. Di antara mereka ada yang melakukan maksiat secara terang-terangan dan ada yang melakukan secara sembunyi dan ada yang terus bergelumang dengan kemungkaran tersebut. Bagaimanapun, mereka ini tidak menolak hukum samada perintah atau larangan Allah. Namun disebabkan gejolak nafsu yang tidak terkawal, mereka melakukan maksiat tersebut. Oleh kerana itu mereka masih dikategorikan sebagai Muslim (Zaidan :2000).

Di antara pendekatan yang bersesuaian untuk menyampaikan dakwah kepada golongan ini ialah:-

1. Nasihat yang baik. Pendakwah perlulah memulakan dakwahnya dengan menyampaikan kebenaran yang boleh melembutkan hati, meninggalkan kesan dijiwa dan mengekang nafsu yang liar. Ini kerana nasihat yang baik sangat

bersesuaian bagi golongan pelaku maksiat sebagaimana Firman Allah SWT dalam Surah An- Nahl, ayat 125 yang bermaksud “ serulah ke jalan TuhanMu dengan berhikmah dan nasihat yang baik” (Al-Thobariy: 1985, Ibn. Kathir : 1984, Qutb :1996, comp. and. ed.).

2. Mengenali golongan yang didakwah secara dekat. Pendakwah perlu mendekati golongan yang didakwah supaya dapat mengenali orang yang didakwah dan mengetahui punca-punca mereka melakukan maksiat. Seterusnya barulah mereka boleh memberikan nasihat dan bimbingan berpandukan kepada latar belakang orang didakwah.
3. Menggunakan uslub targhib dan tarhib. Targhib bermaksud galakan dan dorongan serta memenuhi hatinya dengan nilai-nilai murni dan janji-janji yang menggembirakan seperti akan mendapat kesihatan, kebahagiaan hidup dan akhirnya balasan Syurga yang kekal abadi. Manakala Tarhib pula merupakan peringatan serta amaran dengan memenuhi hatinya dengan nilai-nilai yang menakutkan seumpama dibenci orang, mendapat malapetaka, kesempitan jiwa, menjadi miskin dan akhirnya mendapat balasan azab Neraka di Akhirat nanti. Kedua-dua uslub ini sering kali kita temui didalam ayat-ayat Al-Quran di mana Allah menjanjikan balasan Syurga bagi orang yang beriman dan beramal soleh dan balasan Neraka bagi orang yang kufur dan melakukan maksiat (Al-Qahthaniy :n.d.).

2.2 STATUS DAKWAH FELDA DI MALAYSIA

Kemasukan Islam Di Malaysia

Sepertimana yang kita sedia maklum, pakar-pakar sejarah pada zaman dahulu telah mengemukakan pelbagai teori berkenaan kemasukan dakwah Islam ke alam Melayu.

Daripada teori-teori yang diperdebatkan, maka dapatlah disimpulkan bahawa kemasukan dakwah Islam di Tanah Melayu bermula dengan kedatangan saudagar-saudagar Islam dari Tanah Arab ke kawasan Asia Tenggara bagi tujuan perniagaan langsung berkembang ke beberapa gugusan kepulauan Melayu. Sejarah turut menyatakan bahawa misi perniagaan dan dakwah saudagar-saudagar Arab ini turut membawa mereka ke kawasan-kawasan lain. Di antaranya, ada di kalangan mereka yang melalui jalan darat dari Utara Parsi dan memasuki Afghanistan. Kemudian, mereka menyeberang masuk ke negara China menuju ke Canton dan terus menuju ke gugusan kepulauan Melayu. Dari arah lain pula, ada yang belayar dengan kapal perdagangan melalui persisiran India menuju ke Ceylon (Sri Lanka) dan meneruskan misi ke gugusan kepulauan Melayu. Oleh yang demikian, perdakwah-pendakwah Islam dari tiga tempat ini iaitu Tanah Arab, India dan China dalam abad yang sama akhirnya akan bertemu di pusat-pusat perniagaan di Tanah Melayu khususnya Asia Tenggara dan membantu menyebarkan Ajaran Islam di tempat-tempat yang dikunjungi mereka (Khoo Kay Kim; 1980).

Setelah Islam berkembang di Semenanjung Tanah Melayu maka lahirah masyarakat Islam terutamanya di pusat-pusat perniagaan samada di Pantai Timur mahupun di Pantai Barat serta di kawasan sekitarnya. Dakwah Islam telah meresap masuk ke kawasan penempatan dan mula dianuti oleh individu-individu berpengaruh seterusnya penduduk di sekitarnya. Kesannya ia membawa kepada pembentukan perkampungan dan negeri Islam. Di dalam proses perkembangan Islam di Malaysia dari abad ke 9 hingga ke abad 11M tidak terdapat penulisan atau kesan sejarah yang membayangkan ada terbentuk

kerajaan Islam pada abad-abad tersebut. Akan tetapi selepas daripada itu telah dijumpai kesan-kesan sejarah. Walaupun tidak banyak yang menunjukkan bahawa ada terdiri beberapa buah kerajaan Islam. Antara kerajaan-kerajaan itu ialah Kerajaan Islam Kelantan, Kerajaan Islam Melaka dan Kerajaan Islam Terengganu.

Gerakan Dan Organisasi Dakwah Di Malaysia

Apabila kita membicarakan tentang kegiatan dakwah di Malaysia, adalah lebih baik untuk diimbaskan kembali pada era 70-an dahulu. Bukan beerti sebelum tahun 70-an, tidak ada penyebaran dan penghayatan amalan beragama. Kegiatan dakwah sudah pun berjalan di Malaysia semenjak Islam mula-mula diperkenalkan di rantau ini beberapa ratus tahun yang lepas. Tetapi dakwah sebagai suatu istilah mula diperkenalkan secara meluas di Malaysia sekitar tahun 70-an. Pada tahun tersebut, setiap lapisan masyarakat Melayu termasuk generasi muda telah menggunakan istilah dakwah sebagai suatu kegiatan dan aktiviti bercorak keislaman. Setelah itu berkembanglah badan-badan dakwah seperti PERKIM, ABIM, Jemaah Tabligh dan sebagainya (Abdullah Muhammad Zin; 1995).

Sejak zaman penjajahan lagi, hal ehwal agama Islam merupakan hak kerajaan negeri. Kerajaan negeri mempunyai autoriti dalam mengendalikan pentadbiran hal ehwal Islam. Sultan menjadi ketua agama dan adat istiadat Melayu. Manakala yang di-Pertuan Agong menjadi ketua agama bagi negeri-negeri tidak beraja seperti Melaka, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak. Bagi memastikan pentadbiran agama Islam dapat berjalan dengan licin, maka pelbagai institusi keagamaan samada badan kerajaan atau bukan kerajaan (NGO) telah ditubuhkan dan memainkan peranan masing-masing. Diantara institusi-institusi tersebut adalah:

1) *Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)*

Diasaskan pada 1960 oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Ditubuhkan bertujuan menjaga, membimbing, mendidik dan melindungi saudara baru (*muallaf*). Ia turut melaksanakan program

kebijakan yang disusun khas untuk manfaat semua lapisan masyarakat. Usaha-usaha dakwah PERKIM kepada saudara-saudara baru diperkukuhkan dengan penubuhan Insitut Dakwah Islamiah PERKIM atau IDIP. Pelajar-pelajar IDIP akan dianugerahi diploma selepas menamatkan pengajian selama lima tahun dan akan membantu usaha-usaha dakwah untuk dijalankan kepada seluruh masyarakat.

2) *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*

JAKIM bermula sebagai Urusetia kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia pada Tahun 1968. pada Tahun 1974, fungsi urusetia ini berkembang apabila ia turut bertanggungjawab terhadap pentadbiran Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Masjid Negara, Pusat Penyelidikan Islam dan Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH) telah menjadi cawangan dalam urusetia ini. (Hashim Abdullah, 1998). JAKIM ditubuhkan dengan visi untuk berusaha melahirkan ummah yang progresif dan berakhlak mulia berteraskan Islam dan sejajar dengan wawasan negara melalui sebuah organisasi pengurusan dan penyelarasan hal ehwal Islam yang cekap dan berkesan. Antara objektif penubuhan JAKIM adalah bagi memastikan kesucian agama Islam terpelihara dan membentuk kesejahteraan Ummah berteraskan Islam melalui perancangan dan pelaksanaan yang berkesan.

Oleh itu, JAKIM sebagai agensi pusat dalam perancangan pengurusan hal ehwal Islam dan pembangunan ummah mempunyai fungsi-fungsi berikut, antaranya:

- 1) Bertanggungjawab sebagai perancang yang menentukan pembangunan dan kemajuan hal ehwal Islam di Malaysia;
- 2) Merangka dasar bagi pembangunan hal ehwal Islam di negara ini dan menjaga kesucian aqidah dan ajaran Islam;
- 3) Membantu menggubal dan menyeragamkan undang-undang dan peraturan yang diperlukan serta menilai dan menyelaraskan pelaksanaan undang-undang dan pentadbiran yang sedia ada dari semasa ke semasa dalam usaha untuk menyelesaikan masalah-masalah umat Islam.

3) *Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)*

Diasaskan di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Muktamar yang pertama telah diadakan di Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1972. ABIM kini lebih cenderung menjadi rakan dalam membina negara selaras dengan misinya untuk menjadi “Gerakan Islam yang Komprehensif untuk Merealisasikan Cita-Cita Islamiah”. Lebih jelas lagi ialah visinya untuk “Membina dan Memimpin Tamadun Khayra Ummah Abad ke-21”.

ABIM sebagai gerakan dakwah dan Tarbiyyah memang meletakkan bidang pendidikan sebagai agenda utamanya. Penubuhan kelas-kelas Tadika Islam (TASKI), kelas-kelas tahfiz, Sekolah Rendah Islam (SRI) dan Sekolah Menengah Islam (SMI) diharap dapat melahirkan umat Islam yang seimbang dari segi rohani, jasmani dan emosi. Ia juga menyediakan pilihan untuk Ibubapa yang cenderung untuk memilih pendidikan bersendikan Islam sebagai wadah ilmu kepada anak-anak mereka. Di peringkat antarabangsa pula ABIM memainkan peranan menangani konflik yang dihadapi umat Islam di luar negara seperti di Bosnia Herzegovina, Afghanistan, Palestin, Kashmir, Myanmar dengan mewujudkan tabung bantuan kemanusiaan. ABIM turut menghantar sukarelawanannya bagi membantu mangsa perang di pusat bantuan yang diwujudkan di Bosnia dan Uzbekistan.

Selain daripada itu, ABIM giat menerbitkan bahan-bahan bercetak yang diterbitkan di bawah Pustaka DPI Sdn Bhd untuk bacaan umum, majalah *Risalah* pula telah diterbitkan sejak tahun 1973. *berita* pula diterbitkan sejak tahun 1989. ABIM turut menerbitkan majalah berbahasa Inggeris iaitu *Islamic Review* dan Jurnal Pendidikan Islam. Usaha menyampaikan dakwah Islamiah kepada masyarakat bukan Islam daripada perspektif yang sebenar juga menjadi keutamaan ABIM. Melalui *Islamic Outreach*, ABIM mengadakan kelas bimbingan kepada saudara baru dalam bahasa Inggeris.

4) *Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)*

YADIM diasaskan pada 25 Julai 1974 di bawah Ordinan Pemegang Amanah 1952 sebagai badan amanah. Oleh itu, ia berperanan menyelaraskan semua kegiatan dakwah yang wujud di samping berusaha menambah dan memperkembangkan kegiatan dakwah serta memberi kerjasama kepada badan-badan dakwah lain dalam menyebarkan syiar Islam.

YADIM menjalankan aktiviti dakwahnya terutama dalam bidang yang berkaitan dengan pendidikan sosial dan kebajikan di kalangan orang Islam. Ceramah umum, khidmat nasihat dan rundingcara, kursus pengamatan Islam dan penerbitan bahan-bahan bacaan dilaksanakan untuk masyarakat umum. Majalah *dakwah* diterbitkan sejak tahun 1977 manakala *Berita Islam* diterbitkan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Bagi golongan remaja pula, YADIM telah menyediakan program-program kerohanian dan motivasi seperti *Khemah Rakan Muda Dakwah*, *Kem Motivasi Remaja*, *Kongres Kepimpinan Dakwah dan Seminar Kemantapan Sahsiah (peringkat kebangsaan)*. Golongan suami isteri dan ibubapa juga tidak dilupakan dengan menganjurkan seminar psikologi keluarga dan kursus keibubapaaan keluarga. Kesemua aktiviti yang dilaksanakan terus kukuh dengan sokongan padu daripada semua pihak.

5) *Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)*

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) ditubuhkan khusus untuk memberi kefahaman yang jelas mengenai agama Islam kepada orang Islam dan bukan Islam. IKIM juga berperanan memupuk persefahaman dan kerjasama di kalangan penganut pelbagai agama.

Diasaskan secara rasmi pada 18 Februari 1992 di bawah naungan Kerajaan Malaysia. IKIM menyusun pelbagai aktiviti untuk merealisasikan hasrat memberi kefahaman Islam yang jelas kepada masyarakat. IKIM menjalankan fungsinya melalui aktiviti berbentuk penyelidikan, seminar dan persidangan, penerbitan, membina hubungan dengan institusi luar, penterjemahan dan menyumbang kepada komuniti tempatan dan antarabangsa. IKIM turut mengundang sarjana bukan Islam untuk turut serta dalam forumnya bagi

membahaskan pelbagai isu berkaitan Islam. Langkah ini bertujuan mengikis salah faham orang bukan Islam dan mendengar pendapat mereka serta memberikan penerangan di atas setiap kesamaran mereka terhadap agama Islam. (Mohd Zulkifli Husain, 1998)

IKIM juga turut menyebarkan maklumat-maklumat mengenai Islam melalui penerbitan bahan-bahan bercetak seperti koleksi kertas kerja daripada seminar-seminar dan rencana-rencana yang disiarkan oleh akhbar-akhbar tempatan, Jurnal IKIM dan majalah-majalah. IKIM turut membina jalinan kerjasama dengan institusi dan pertubuhan seumpamanya seperti *Research Centre for Islamic History, Art and Culture (IRCICA)* dan *The Foundations of Research in Islamic Sciences* di Turki. Melalui kerjasama ini diharap mereka dapat berkongsi pengalaman dan maklumat dalam usaha menampilkan kesucian Islam sebagai *way of life*.

Dakwah di Felda

Aktiviti dakwah terus berjalan di seluruh Malaysia samada di bandar atau di kampung. Dalam hal ini Felda selaku lembaga yang besar dan dikenali di Malaysia turut tidak ketinggalan merancang pelbagai aktiviti dan kegiatan bercorak keagamaan bagi membentuk masyarakat yang berakhlak mulia. Aktiviti ini dirancang di setiap peringkat samada di peringkat pusat, wilayah dan Felda.

1. Peringkat Ibu Pejabat

Pihak pengurusan Felda di peringkat ibu pejabat mempunyai peranan dalam perkembangan dakwah di tanah-tanah rancangan Felda. Ini terbukti dengan pelantikan pegawai agama yang berperanan dalam mengatur urusan dakwah dan kerohanian yang dikenali pada peringkat awalnya sebagai Pegawai Pembangunan Masyarakat Bahagian Agama atau lebih dikenali dengan SDO-U (*Settles Development Officer* bahagian agama). SDO-U ini dibantu pula oleh ASDO-U (*Assistant Settles Development Officer*) yang berkhidmat di peringkat kawasan, seterusnya dibantu oleh pegawai-pegawai di bawahnya iaitu yang dikenali sebagai SDA (U) yang berkhidmat di tanah-tanah rancangan.

Pada peringkat awal kewujudan Felda, jawatan ini sentiasa bertambah mengikut keperluan yang ada di tanah-tanah rancangan Felda. Bagaimanapun setelah bahagian Pembangunan Masyarakat hanya dikekalkan di peringkat Kawasan semenjak tahun 1990 pegawai-pegawai agama ini hanya berkhidmat di peringkat Kawasan dan tanah rancangan tanpa melibatkan ibu pejabat Felda di Kuala Lumpur demi memudahkan pengawasan dan pelaksanaan di rancangan-rancangan berpeneroka di negeri masing-masing.

Felda juga turut melaksanakan pelbagai program di bawah Program Pembangunan Kerohanian. Salah satu daripada program tersebut ialah penubuhan Sekolah-sekolah Rendah Agama di rancangan-rancangan Felda. Penubuhan sekolah ini bertujuan memberikan pendidikan agama kepada anak-anak peneroka secara lebih efektif dan sistematik. Pada awal penubuhannya ia dikenali sebagai Kelas Al-Quran dan Tajwid kanak-kanak, diadakan di surau atau masjid, namun lama kelamaan ia semakin berkembang dan mempunyai bangunan sendiri. Sejak penubuhan Felda di antara tahun 1956 hingga Disember 1990 sebanyak 264 buah rancangan telah mempunyai bangunan sekolah agama daripada 322 buah rancangan yang telah dimajukan.

Selain itu masjid-masjid telah di bina di setiap tanah rancangan Felda bagi kemudahan beribadah bagi para peneroka di samping dapat menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah yang lain. Pihak pengurusan Felda sendiri telah mengarahkan agar di setiap tanah rancangan menubuhkan kumpulan sosial dan agama. Kumpulan agama adalah kumpulan khairat kematian dan Badan Wakaf Agama. Terdapat juga kumpulan Yasin yang ditubuhkan di setiap blok rancangan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti kelas fardu ain, ceramah agama, kursus agama, sambutan hari kebesaran Islam dan program di bulan puasa.

Walaupun bagaimanapun, sekarang ini kerja-kerja dakwah di Felda banyak diambilalih pihak lain seperti Jabatan Agama Islam atau JAKIM. Sebagai contohnya, sekolah agama di Felda dan pentadbiran masjid telah ditadbirselia sepenuhnya oleh Jabatan Agama Islam Negeri, manakala pegawai agama di tanah-tanah rancangan pula tidak diwujudkan lagi. Apabila seseorang pegawai agama itu bersara maka jawatan itu tidak digantikan dengan

pegawai lain. Contohnya Felda Wilayah Jengka sekarang ini hanya mempunyai dua rancangan sahaja yang masih mempunyai pegawai agama. Di peringkat ibu pejabat Felda pula sekarang masih ada Jabatan Pembangunan Masyarakat yang mengurus hal-ehwal keagamaan dan dakwah di Felda, namun kakitangan yang terlibat dalam bidang tersebut sangat terhad.

2. Peringkat Wilayah

Hasil daripada maklumat yang diperolehi mendapati sepanjang tahun 2006, pengurusan Felda peringkat wilayah telah menjalankan aktiviti dalam pelbagai aspek seperti pembangunan masyarakat, pendidikan, kerohanian, pertanian, usahawan, belia dan sebagainya. Namun, aktiviti yang berbentuk kerohanian hanya berkaitan dengan meraikan jemaah haji, sambutan Maulidur Rasul dan seminar bina negara guru-guru SAR serta program Jiwa Murni Sek Agama Kampung Awah.

Selain daripada itu seorang pegawai sosial di pengurusan Felda wilayah menyatakan bahawa pihaknya turut bertanggungjawab menyediakan khutbah jumaat bagi masjid-masjid di kawasan Felda di bawah seliaan mereka tetapi tertakluk kepada peristiwa-peristiwa tertentu seperti sambutan Maulidur Rasul, sambutan ulangtahun penubuhan Felda, ulangtahun kemerdekaan dan sebagainya. Pada suatu ketika dahulu, setiap penempatan Felda turut ditempatkan seorang pegawai agama yang berperanan mentadbir dan menguruskan aktiviti kerohanian di kawasan mereka. Terdapat di sesetengah tempat, pegawai agama turut turun padang untuk mengadakan kelas-kelas al-Quran dan fardhu ain terutamanya untuk golongan wanita. Namun kini, jawatan tersebut sudah dimansuhkan di kebanyakan Felda setelah fungsi pentadbiran ditukar daripada JKRR kepada JKKK. Tambah beliau lagi, hanya Felda Jengka 25 dan Felda Kota Gelanggi 2 sahaja yang masih mempunyai pegawai agama.

Di sini dapat dilihat kebanyakan program-program kerohanian yang dirancang di peringkat wilayah lebih bersifat umum tanpa mengkhususkan kepada golongan sasaran tertentu. Bagi golongan pelajar pula, aktiviti kerohanian lebih banyak dijayakan di peringkat sekolah seperti program Qiamullail dan bacaan Yaasin. Namun aktiviti ini lebih

cenderung dilakukan ketika menjelang peperiksaan penting seperti UPSR, PMR, SPM dan STPM. Selain daripada waktu tersebut, sekolah akan mengadakan program berbentuk motivasi dan bengkel pembelajaran. Sejak guru-guru J-Qaf diserap masuk ke sekolah-sekolah kebangsaan, mereka turut berperanan untuk mengadakan kelas belajar solat dan pelajar-pelajar diwajibkan solat zohor secara berjemaah sebelum pulang ke rumah.

3. *Peringkat Felda*

Aktiviti kerohanian utama yang boleh dianggap masih 'hidup' di setiap Felda adalah solat berjemaah. Aktiviti ini dilihat masih wujud walaupun kehadiran jemaah agak sedikit. Kebanyakan penduduk lebih gemar solat berjemaah pada waktu maghrib dan isyak. Selepas solat maghrib pula, akan diadakan kelas pengajian ilmu seperti ilmu fiqh, tauhid, tafsir quran, pengajian hadis dan sebagainya. Majlis ini biasanya dikendalikan oleh anak-anak tempatan yang turut mengajar di sekolah-sekolah berdekatan. Apa yang mengecewakan, majlis ini hanya disertai oleh golongan veteran dan sukar untuk didapati golongan remaja dan belia turut serta. Majlis ilmu turut disediakan untuk golongan wanita. Biasanya, ia diadakan pada waktu petang iaitu selepas solat asar. Aktiviti ini dikendalikan oleh golongan profesional dan telah ditauliahkan oleh Majlis agama untuk mengendalikan majlis ilmu.

Selain daripada itu, sudah menjadi tradisi masyarakat Islam di Malaysia mengadakan majlis bacaan yaasin pada setiap malam Jumaat. Aktiviti ini juga kebanyakannya disertai golongan peneroka sahaja. Kadangkala terdapat juga beberapa orang pelajar sekolah yang datang untuk menyertai majlis ini. Kebiasaannya selepas majlis bacaan yaasin dan solat isyak, tetamu yang hadir turut dihidangkan dengan jamuan makan. Pada sebelah petang, kebanyakan anak-anak peneroka akan menghadiri Sekolah Agama. Di sana mereka diajar pelbagai ilmu agama termasuk tulisan jawi dan pembacaan al-Quran. Di sesetengah tempat, pihak sekolah menghadapi masalah kekurangan tenaga pengajar dan kadangkala penduduk tempatan sendiri yang membantu mengajar di sekolah tersebut. Berkenaan pengajian al-Quran, terdapat juga anak-anak yang belajar secara tidak formal daripada ibubapa yang berkebolehan atau golongan peneroka yang berkemahiran dalam bidang ini.

Suatu lagi fenomena yang biasa wujud di Felda ialah majlis tahlil dan doa selamat. Majlis ini biasanya dibuat apabila adanya kematian yang melibatkan ahli keluarga peneroka atau salah seorang anak-anak mereka berjaya mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Satu lagi aktiviti dakwah dan kemasyarakatan yang amat penting untuk dinyatakan di sini adalah satu usaha yang dijalankan oleh sebuah jawatankuasa masjid di Felda Trolak Selatan. Program ini dianggap sebagai perintis kerana ia pertama kali diadakan seumpamanya. Program ini menjadikan bekas-bekas penagih sebagai anak angkat masjid di kawasan tersebut. Oleh itu, pelbagai usaha dijalankan bagi membantu mereka terus kekal pulih dan jauh daripada pengaruh dadah. Apa yang lebih membanggakan program yang pertama kali diadakan ini mendapat kerjasama yang cukup baik daripada pihak pengurusan Felda dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Setiap peserta yang terlibat akan sentiasa dibantu untuk mereka melawan ketagihan terhadap dadah melalui sesi kaunseling dan masyarakat juga diminta supaya tidak memandang serong kepada mereka.

Setiap bekas penagih mempunyai bapa angkat masing-masing yang terdiri daripada AJK masjid dan perjumpaan akan diadakan dua kali seminggu selepas solat Asar. Sesi kaunseling ini dimanfaatkan oleh kedua-dua belah pihak untuk saling berinteraksi bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh bekas penagih ini dan diselesaikan secara bersama. Para penagih juga turut dilibatkan ke dalam aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong. Program sebegini dilihat mampu untuk membantu bekas penagih pulang ke pangkuan masyarakat dan diharap masyarakat dapat menerima mereka semula dengan hati yang terbuka. (Ahmad Tarmizi Alias, 2005). Selain daripada itu satu lagi program kemasyarakatan telah dilancarkan di Felda Pasir Besar di Wilayah Serting. Program yang dinamakan '*masih ada yang sayang*' itu bertujuan untuk mengembalikan semangat kasih sayang dan kekitaan di kalangan warga peneroka di awal tahun 60-an dahulu. Melalui program ini juga dapat melahirkan kembali perasaan tanggungjawab terhadap masyarakat bagi menangani isu gejala sosial.

Sepanjang program yang berlangsung selama 2 hari itu, pelbagai aktiviti dijalankan seperti forum perdana, senamrobik, pertandingan sukan, pameran dan ceramah, persembahan kebudayaan serta anugerah keluarga penyayang. Program ini adalah anjuran bersama Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Jabatan Penerangan serta dibantu oleh pihak JKKK dan GPW. (Robiah Ab. Karim, 2006). Selain dakwah yang berbentuk formal yang bernaung di bawah badan-badan tertentu, terdapat satu jemaah yang terbentuk secara tidak formal tetapi mendapat sokongan daripada masyarakat dalam jumlah yang agak besar. Jemaah ini dikenali sebagai jemaah tabligh. Individu daripada kelompok ini sering dihantar ke beberapa kawasan di seluruh Malaysia samada bandar, kampung atau kawasan Felda. Gerakan kumpulan ini turut diperluaskan sehingga merentasi beberapa benua dan melibatkan perjalanan yang panjang.

Setiap kali mereka tiba di sesuatu kawasan, mereka akan menetap seketika di masjid atau surau di kawasan tersebut. Usaha dimulakan dengan melakukan ziarah ke atas penduduk tempatan dan mereka sering berbicara tentang keimanan dan ketakwaan kepada Allah s.w.t. Usaha dakwah yang dilakukan mereka menerima reaksi yang pelbagai daripada penduduk setempat. Terdapat sebilangan yang boleh menerima mereka dan tidak kurang juga yang menolaknya dengan pelbagai alasan dan hujah. Namun, usaha kumpulan ini dilihat tetap berjalan seperti biasa. Terpulang pada individu itu samada ingin menyertai mereka atau tidak.

2.3 GEJALA SOSIAL

Gejala Sosial di Malaysia

Gejala sosial memang hebat diperkatakan di negara kita Malaysia dan ia telah menjadi isu utama di dada-dada akhbar, media-media massa, media cetak dan elektronik seolah-olah ia telah menjadi satu perkara rutin di dalam masyarakat kita hari ini. Masalah ini semakin meruncing sehinggakan fenomena seperti membuang bayi, ponteng sekolah, lari dari rumah, mengamalkan seks bebas, serta melepak tidak lagi memeranjatkan kita. Sebagai contoh sekitar tahun 1999 hingga 2003 telah dilaporkan bahawa seramai 70, 430 anak luar nikah didaftarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Perangkaan ini terdiri daripada 30, 978 adalah Muslim, 18, 085 adalah Hindu, 17, 236 adalah Buddha, 3, 395 adalah Kristian dan 736 adalah lain-lain. Sesuatu yang amat memalukan jika dilihat daripada perangkaan ini kebanyakan anak luar nikah ini lahir daripada kalangan mereka yang berbangsa Melayu dan beragama Islam. (<http://www.yadim.com.my/Remaja>, 17 Oktober 2006).

Apa yang berlaku hari ini membuktikan bahawa anak-anak muda kita bukan sahaja jaguh dalam gejala sosial, tetapi telah mula berjinak-jinak dengan kegiatan jenayah seperti membunuh, cubaan membunuh, samun tanpa senjata api mahupun dengan senjata api, merogol, menyebabkan kecederaan, pelacuran, vandalisme, buli, kegiatan samseng di sekolah-sekolah dan banyak lagi. Pada tahun 2006 (Januari hingga Mac) indeks jenayah yang dilaporkan adalah berjumlah 170, 481 kes. (Sumber: Polis DiRaja Malaysia) Ini termasuklah jenayah kekerasan (seperti bunuh, rogol, cabul, samun, merusuh, ugutan, pmerasan, dll) sebanyak 36, 077 kes, jenayah harta benda (curi, pecah rumah, ragut, dll) sebanyak 113, 939 kes, jenayah komersil (tipu, pecah amanah, jenayah siber) sebanyak 5,427 kes dan jenayah narkotik sebanyak 15, 038 kes.

Satu cadangan penyelesaian yang dikeluarkan pada Mac 1997 oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah membahaskan bahawa masalah sosial boleh dibahagikan kepada dua, iaitu mengikut kumpulan utama dan mengikut isu utama. Dari segi kumpulan utama, ia dibahagikan kepada empat, iaitu isu kanak-kanak

(penganiayaan, pembuangan bayi, rogol, perkosaan, sumbang mahram dan jenayah kanak-kanak) :isu remaja (jenayah remaja, kehamilan remaja, lari dari rumah, bohsia dan lepak); isu wanita (pelacuran, ibu tunggal dan masalah pekerja muda); dan isu keluarga (kebahagiaan keluarga dan perceraian). Manakala dari segi isu utama pula ialah penagihan dadah; HIV/AIDS; pendatang asing; dan jenayah. (<http://www.belia.org.my>, 4 Oktober 2006). Utusan Malaysia bertarikh 3 Oktober 2006 menyatakan bahawa Penguasa Perhubungan Awam Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Deputy Superintenden Rasdi Ramli melaporkan seramai empat kanak-kanak berusia tujuh tahun, dua kanak-kanak berumur lapan tahun, 11 kanak-kanak berumur sembilan tahun, 23 orang berumur 10 tahun dan 23 berumur 11 tahun antara 5,996 juvenil yang ditahan di atas pelbagai kesalahn jenayah di seluruh negara sepanjang tahun lepas (<http://www.utusan.com.my>. 3 Oktober 2006).

Gejala Sosial Di Felda

Pelbagai gejala sosial mutakhir ini melibatkan setiap lapisan umur tidak kira dari kalangan kanak-kanak, remaja dan golongan dewasa. Malah, masalah ini juga tidak hanya tertumpu di bandar-bandar, malah boleh dilihat di kawasan-kawasan kampung termasuklah di tanah rancangan FELDA, FELCRA, rancangan tanah pinggir dan lain-lain. Satu kajian mengenai masalah-masalah sosial pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Rancangan Tanah Felda telah dijalankan untuk melihat profil pelajar yang mempunyai rekod kesalahan dan mengkaji faktor-faktor penyumbang kepada masalah ini telah menyenaraikan sembilan salah laku utama yang dilakukan pelajar: (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004)

1. Berbohong (berbohong dengan rakan, ibu bapa, guru dan menipu di dalam peperiksaan)
2. Merokok
3. Ponteng sekolah / kelas
4. Membawa motosikal tanpa lesen
5. Mengambil bahagian dalam perlumbaan haram

6. Bergaduh (bergaduh dengan rakan, orang awam, ibu bapa, guru)
7. Mencederakan orang
8. Melepak, bermain video arked dan
9. Menonton vcd dan filem lucu.

Rokiah et.al (2000) kajian Masalah Sosial di Tanah Rancangan Felda Johor telah menjalankan satu soal selidik terhadap peneroka-peneroka Felda di kawasan itu untuk mengetahui tahap keseriusan 16 jenis masalah sosial yang berleluasa di Felda mengikut penilaian peneroka felda. Berikut merupakan hasil soal selidik kajian tersebut mengenai tanggapan peneroka-peneroka mengenai kemelut sosial ini berdasarkan 5 skala iaitu 'sangat serius', 'serius', 'agak serius', 'tidak serius', dan 'tidak tahu atau tiada respon daripada peneroka. Daripada 16 masalah-masalah berikut, enam masalah telah dikenalpasti sebagai masalah serius iaitu masalah dadah, masalah rokok di kalangan pelajar sekolah, masalah lepak, masalah ponteng sekolah, masalah lumba haram dan masalah pengangguran di kalangan belia (Rokiah et.al. 2000).

Md. Hashim Yahaya (2006) mengulas mengenai isu gejala sosial, berpandangan bahawa semua pihak iaitu ibu bapa, media massa dan pemerintah mesti sama-sama bertanggungjawab membetulkan keadaan. Ibu bapa berperanan mendidik dan mengawal anak-anak sehingga mereka mampu membezakan antara yang halal dan haram. Media massa juga hendaklah memaparkan program yang mendidik dan melahirkan insan yang berjiwa besar. Begitu juga pemerintah perlu melaksanakan agenda yang tidak merugikan umat Islam. Maka sewajarnya para pendakwah hendaklah bekerja bersungguh-sungguh memberi kesedaran kepada masyarakat supaya kembali kepada Islam dan bekerja bersama-sama sebagai satu pasukan.

Masalah	Sangat Serius	Serius	Agak Serius	Tidak Serius	Tiada Masalah Itu	Tidak Tahu
Dadah	29.3%	28.0%	19.7%	14.4%	0.9%	7.7%
Ponteng Sekolah	6.4%	25.6%	19.5%	20.4%	9.7%	18.3%
Masalah Judi	1.5%	11.0%	16.0%	29.5%	18.9%	23.1%
Masalah Melepak	11.3%	18.1%	25.2%	23.8%	10.0%	11.6%
Masalah Gangster	1.2%	3.5%	8.9%	34.5%	27.5%	24.8%
Masalah Merokok Di Kalangan Pelajar Sekolah	20.3%	27.2%	19.0%	17.7%	3.4%	12.5%
Masalah Pergaduhan	1.0%	5.2%	10.2%	35.1%	28.8%	21.0%
Masalah Mabuk	0.3%	2.5%	3.5%	26.4%	38.5%	28.9%
Masalah Sumbang Muhram	0.8%	3.1%	6.0%	26.2%	33.7%	30.2%
Masalah Pergaulan Bebas	1.8%	9.6%	18.7%	29.7%	15.7%	24.4%
Masalah Pengangguran Di Kalangan Belia	4.8%	14.3%	23.3%	28.5%	15.5%	13.7%
Masalah Perceraian	0.3%	1.7%	6.6%	31.5%	25.1%	34.9%
Masalah Lumba Haram	7.2%	12.2%	10.4%	22.2%	27.7%	20.3%
Masalah Jenayah Juvana	0.5%	4.2%	10.6%	21.3%	34.0%	29.3%
Masalah Menonton Video Lucah	0.7%	2.6%	6.0%	14.5%	27.5%	48.7%
Masalah Remaja Lari Rumah	1.5%	3.1%	6.1%	18.2%	33.8%	37.3%

Jadual 9: Gejala sosial di Felda)

Fenomena ini bukan sahaja menjejaskan kehidupan serta merendahkan martabat diri dan masyarakat, tetapi boleh memudaratkan akal, kesihatan dan membawa maut. Lebih memudaratkan lagi, gejala kurang sihat ini boleh meruntuhkan martabat agama, bangsa dan negara jika ia tidak dibendung secara efisien.

2.4 MASALAH PENYALAHGUNAAN DADAH.

Pengenalan dan Pengertian Dadah.

Dadah adalah satu-satunya masalah kesihatan dan sosial paling rumit yang sedang dihadapi oleh negara. Masalah ini mula diperkatakan di negara ini sejak tahun 70-an hingga ke hari ini.

Maklumat daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) menunjukkan pada tahun 1999 sahaja seramai 35 359 telah dikenal pasti terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah yang mana seramai 17 444 orang adalah penagih berulang. Daripada keseluruhan jumlah tersebut seramai 26 554 orang merupakan penagih yang berada di bawah peringkat umur 19 hingga 35 tahun. (Agence France Presse; 26 Jun 2000). Manakala bermula Januari hingga Julai 2006 statistik penagih dadah yang dikesan menunjukkan terdapat 14 214 orang yang didapati terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah yang mana seramai 6420 orang merupakan penagih baru dan 7 794 orang merupakan penagih berulang (NADI AADK; 2006).

Menurut A. Ghafar Taib dalam bukunya "Dadah dan Pencegahannya di Malaysia" mentakrifkan dadah sebagai bahan kimia psikoaktif yang digunakan bukan untuk tujuan perubatan yang mana penggunaannya adalah dilarang, diperolehi secara haram, menimbulkan ciri-ciri ketagihan seperti penggunaan kepada diri sendiri pergantungan terhadap dadah secara psikik dan/atau fizikal serta gejala-gejala tarikan apabila putus dadah peningkatan daya tahan (*tolerance*) terhadap sesetengah jenis dadah dan menimbulkan kesan yang buruk dan bahaya ke atas kesihatan dan fungsi sosial. Dengan kata lain, dadah ialah apa-apa bahan kimia samada asli atau tiruan apabila ia digunakan dengan cara disuntik atau dihidu atau dihisap atau dimakan ianya boleh mengubah fungsi tubuh badan, perasaan atau kelakuan seseorang pengguna (A. Ghafar Taib: 1989). Penggunaan dadah demi tujuan yang salah boleh menjejaskan sistem urat saraf seseorang penagih tersebut. Seseorang penagih itu akan bergantung kepada akibat untuk mencuba berkali-kali kerana lazimnya mereka akan merasa senang dan khayal atau gembira

disebabkan oleh pengambilan dadah. Seseorang yang amat bergantung kepada dadah semakin lama semakin bergantung secara psikologi kepada dadah.

Kajian juga menunjukkan dadah boleh mendatangkan dua kesan negatif kepada sesiapa yang mengambilnya secara berlebihan iaitu kesan kebergantungan fisiologi dan kesan kebergantungan psikologi. Kebergantungan fisiologi merujuk kepada keadaan ketagihan kepada dadah yang tidak dapat dikawal oleh penagih. Manakala kesan kebergantungan psikologi adalah lebih sukar dihuraikan kerana ia mempunyai kaitan dengan personaliti atau cara hidup seseorang penagih dadah. Kebergantungan psikologi ini berlaku apabila kesan pengambilan dadah itu mempengaruhi tingkah laku seseorang penagih itu sehingga sanggup melakukan tindakan jenayah semata-mata untuk mendapatkan bekalan dadah (M. Isa M. Nasir; 2005). Secara umumnya dadah boleh dibahagikan kepada empat jenis atau kumpulan yang mudah disalahgunakan iaitu peransang (*stimulant*), penekanan (*depressants*), dadah yang merosakkan jiwa (*hallucinogens*) dan narkotik (*opiat*).

Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia ke lima dalam ucapannya sempena perasmian Hari Anti Dadah Peringkat Kebangsaan mengatakan bahawa, "Hari ini dadah telah menjadi musuh nombor satu negara. Kita ingin menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas daripada masalah penyalahgunaan dadah. Kita perlu sedar bahawa penyalahgunaan dadah akan memusnahkan bangsa". Tambah beliau lagi, "Kita tidak boleh lagi bersenang lenang. Kita perlu membasmi dadah sehabis-habisnya. Semua parti-parti politik dan NGO perlu bekerjasama dengan kerajaan dalam usaha memastikan najis dadah ini dapat dibasmi dan dalam masa yang sama kita mencari jalan penyelesaiannya". (www.aegis.com; 2006).

Masalah penyalahgunaan dadah adalah merupakan masalah sejagat. Laporan menunjukkan aktiviti penghasilan pelbagai jenis dadah adalah sentiasa meningkat. Ini disokong pula dengan permintaan yang amat tinggi. Prof. Dr. Dzulkifli Abdul Razak dari Pusat Racun Negara, Universiti Sains Malaysia dalam artikelnya yang bertajuk "Musuh Utama Negara" menyatakan bahawa, berakhirnya perang dingin antara kuasa-kuasa besar

dunia telah membawa kesan negatif dalam usaha kerajaan membasmi dadah. Ini kerana dunia kini dianggap tidak mempunyai sempadan lagi dan semua orang bebas keluar masuk ke sesebuah negara tanpa banyak sekatan (Dzulkifli A. Razak ; 2006).

Dadah merupakan satu istilah khas kepada sejenis bahan yang mendatangkan kemudharatan kepada kesihatan seseorang dari segi jasmani, rohani serta tingkah laku pengguna apabila digunakan. Akibat dari kesan ini seseorang yang menggunakan dadah tersebut akan terus bergantung hidup kepada dadah tersebut dan akan menyebabkan ketagihan yang berpanjangan. Seseorang penagih dipercayai sanggup menggadai maruah serta memperhambakan diri kepada sesiapa sahaja walau dalam apa jua keadaan asalkan bekalan dadahnya terjamin. Akibatnya ramai yang sanggup mengemis dan melacurkan diri. Dadah juga tidak mengenal mangsanya. Rekod menunjukkan penagih dadah yang terdiri dari kalangan mereka yang ternama dan terkenal. Tidak terkecuali juga golongan akademik. Antaranya ialah Charles Dicksons, Paolo Picasso, Vincent Van Gogh, Thomas Edison dan ramai lagi (www.aadk.gov.my; 2006).

Kajian di Amerika Syarikat menunjukkan ketagihan dadah adalah enam kali ganda lebih tinggi kesannya berbanding orang yang mabuk cinta. Lebih teruk lagi kesan dadah boleh membinasakan dan memporak perandakan kehidupan penagih itu sendiri (Berita Harian; 26 Jun 2006). Secara keseluruhannya dadah boleh menjadikan seseorang itu musnah masa hadapannya.

Kemasukan Dadah ke Malaysia

Masalah dadah yang melanda negara ini bukanlah fenomena baru. Ini kerana ketika Perang Dunia Kedua berlaku dadah pernah digunakan sebagai ubat penahan sakit kepada tentera yang mengalami kecederaan (M. Isa M. Nasir; 2005).

Di Malaysia gejala ini, wujud sejak zaman penjajahan Inggeris lagi terutamanya di kalangan buruh berbangsa Cina yang dibawa masuk ke negara ini untuk bekerja di dalam bidang perlombongan. Kebanyakan mereka ini terdiri daripada penagih candu. Menyedari

perlunya gejala penagihan dadah ini dibendung, penjajah Inggeris telah menggubal Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk mengawal dan mencegah masalah penagihan dadah hingga menjadi satu wabak yang sukar di kawal. Meskipun akta yang bertujuan mengawal masalah dadah telah wujud sejak tahun 1950-an, namun gejala penyalahgunaan dadah ini masih sukar untuk dibendung malah ianya dilihat semakin meruncing apabila semakin ramai golongan muda yang terlibat dengan masalah penagihan dadah jenis heroin yang dibawa nasuk ke negara ini oleh golongan *Hippies*. Golongan ini dikatakan mempengaruhi minda muda mudi di negara ini untuk menggunakan dadah jenis heroin ketika pesta *Woodstock*.

Berdasarkan artikel yang dipetik daripada laman web rasmi Polis diRaja Malaysia mengatakan bahawa antara sebab kemasukan pelbagai jenis dadah ke negara ini adalah disebabkan kedudukan Malaysia yang terlalu dekat dengan *Golden Triangle* iaitu kawasan terbesar di dunia yang mengeluarkan pelbagai jenis dadah. Pengedaran dadah jenis candu, heroin dan ganja adalah dari kawasan *Golden Triangle* masuk ke Malaysia melalui Thailand, manakala pengaliran dadah sintetik seperti dadah syabu adalah daripada negara Filipina dan ecstasy pula dari negara-negara Eropah. A. Ghafar Taib dalam hasil tulisannya mengatakan bahawa kawasan *Golden Triangle* ini dikatakan berupaya menghasilkan kira-kira 600 hingga 700 tan candu setiap tahun dan sebahagian besarnya diproses dan dipasarkan ke Amerika, Eropah dan Asia (A. Ghafar Taib; 1989).



Gambar 1: Peta Aliran Dadah ke Malaysia (Sumber: Polis di Raja Malaysia. 2006).

Berdasarkan buletin keluaran khas AADK sempena Sambutan Hari Anti Dadah Peringkat Kebangsaan 2006 menyatakan meningkatnya pembabitan muda-mudi dalam penyalahgunaan dadah jenis heroin pada akhir tahun 1960-an dan 1970-an menyebabkan kerajaan terpaksa menyediakan perkhidmatan rawatan dan pemulihan secara cepat untuk memulihkan penagih dadah tersebut. Dari tahun 1975 hingga 1983 perkhidmatan rawatan dan pemulihan dadah diletakkan Kementerian Kebajikan Masyarakat kerana masalah penagihan dadah pada masa itu dikenali sebagai penyakit sosial. Kemuncaknya pada 19 Februari 1983, masalah penyalahgunaan dadah diisytihar sebagai masalah yang mengancam keselamatan negara. Ekoran itu pada 1 Mei tahun yang sama menyaksikan tanggungjawab merawat penagih dadah dipindahkan ke Kementerian Dalam Negeri dan dalam masa yang sama Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 digubal dan dikuatkuasakan. Hari ini kerajaan terpaksa membelanjakan RM 20 juta setahun untuk menguruskan pusat-pusat pemulihan (M. Isa M. Nasir; 2005).

Dalam konteks negara Malaysia hari ini, perangkaan yang dikeluarkan oleh AADK pada Januari hingga Jun 2006 menunjukkan jumlah penagih yang dikesan adalah seramai 13 058 orang. Selaras dengan itu kerajaan telah meletakkan sasaran untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas daripada masalah penyalahgunaan dadah pada tahun 2015. Penyalahgunaan dadah adalah masalah rumit dan kompleks, walaupun usaha membanteras dan memerangi masalah penyalahgunaan dadah tersebut terus dipergiat dan dimantapkan dengan ditubuhkan Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Ianya dapat dilihat dari aspek jaringan pengeluaran, pembuatan dan pengedaran dadah yang lebih luas dan kompleks serta melibatkan pelbagai peringkat hubungan antarabangsa sehingga ianya kelihatan sukar untuk dihapuskan secara total. Di dalam ucapan yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan sempena Persidangan "*International Counseling Symposium on Drug Prevention and Rehabilitation 2006*" mengatakan bahawa kemunculan dadah jenis baru yang tergolong di dalam kumpulan *Amphetamine Type Stimulant (ATS)* telah mengakibatkan masalah penyalahgunaan dadah di negara ini semakin sukar untuk dibanteras. Peningkatan penggunaan dadah tiruan ini semakin ketara apabila kita merujuk statistik yang dikeluarkan oleh AADK yang mana bagi Bulan Januari hingga Jun 2006 sebanyak 1 655 kes pengguna ATS telah dikesan.

Kebelakangan ini telah banyak kes-kes jenayah yang dilaporkan di media-media massa yang mana ianya seringkali dikaitkan dengan mereka yang terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah. Antara jenayah-jenayah yang sering dikaitkan dengan masalah penagihan dadah ini adalah seperti seperti jenayah bunuh, rompakan, samun dan peras ugut (www.jakim.gov.my; 2006). Penagih-penagih dadah tiruan (*Disigner Drugs*) dikatakan telah menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah yang ada di negara ini. Ianya disebabkan kesan daripada ransangan ATS yang menyebabkan mereka tidak takut kepada sesiapa dan bersedia untuk membunuh tanpa mengira siapa, tempat dan waktu (INCOSYM; 2006). Berikutan kemunculan budaya *Hippies* dan penagihan dadah di negara ini suatu ketika dahulu, perangkaan yang menunjukkan keterlibatan remaja dengan masalah penagihan dadah seterusnya aktiviti-aktiviti jenayah yang merosakkan dan membimbangkan semakin meningkat. Dr. Siti Hawa Kasim ketika membentangkan kertas kerja bertajuk "Gejala Sosial Sebagai Satu Ancaman Terhadap Keselamatan Ummah" mengatakan bahawa menjelang abad ke 21, keruntuhan akhlak di kalangan remaja akan semakin ketara dan membimbangkan walaupun terdapat banyak peraturan-peraturan yang telah diwujudkan bagi mengekang permasalahan tersebut (W. Roslili A. Majid; 2004).

Tun Dr. Mahathir Mohamed dalam ucapannya sempena Majlis Pelancaran Kempen Anti Dadah Peringkat Kebangsaan 2002 pernah mengatakan bahawa "Masyarakat yang dikuasai oleh dadah akan dilanda oleh pelbagai kegiatan jenayah dan tidak akan mempunyai maruah dan peradaban. Sudah tentu masyarakat ini tidak akan berupaya mempertahankan atau membangunkan negara, samada dalam bidang material atau spiritual. Lambat laun masyarakat ini akan hancur atau dikuasai oleh orang lain. Peranan undang-undang dalam menghalang merebaknya penyalahgunaan dadah memang tepat, tetapi akhirnya yang betul-betul berkesan ialah kesedaran masyarakat tentang buruknya akibat penagihan dadah" (www.pmpproject.doublekay.com; 2006). Disebabkan itulah maka kerajaan telah mengambil langkah penguatkuasaan bagi mengekang masalah ini dari terus menjadi wabak yang merosakkan negara. Datuk Seri Anwar Ibrahim sewaktu memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri, Malaysia pernah berkata "Semua usaha

kerajaan untuk memerangi ancaman dadah didapati tidak berkesan walaupun kerajaan sudah membelanjakan banyak wang untuk tujuan itu” (Berita Harian; 12 Februari 2006).

Perkara yang sama tidak hanya dikeluhkan pada ketika itu sahaja, bahkan Perdana Menteri Kelima Malaysia Dato’ Seri Abdullah Badawi juga mengulangi kenyataan yang sama “Satu pendekatan baru perlu dibuat untuk menangani wabak penagihan dadah selepas usaha-usaha menangani wabak penagihan dadah dadah dalam masa dua puluh tahun lepas gagal untuk mendatangkan hasil yang diharapkan (New Sunday Times; 30 Mac 2003). Kesan penyalahgunaan dadah di Malaysia pada hari ini dapat di rasai apabila generasi muda hari ini tidak lagi menyumbang tenaga untuk memajukan negara malah mereka ini telah digelar sebagai golongan perosak. Dari sini timbul pertanyaan adakah golongan muda ini sanggup kehilangan negara dan menjadi seperti negara China yang terbabit dalam Perang Candu (1840 – 1842) serta musnah akibat penyalahgunaan dadah?. Ini berikutan pada tahun 1838, China telah mencatatkan 12 juta penagih candu yang memberi peluang kepada barat mengubah idea politik dan struktur sosial negara itu. Bayangkan jika ianya berlaku di negara Malaysia (Wan Roslili A. Majid; 2004). Sejarah juga membuktikan bahawa kekalahan yang di alami oleh tentera negara besar Amerika Syarikat sewaktu peperangan di negara Vietnam adalah disebabkan angkatan tentera negara tersebut menjadikan dadah sebagai teman perjuangan mereka (M. Isa M. Nasir; 2005).

Menyedari kesan buruk yang wujud akibat masalah penyalahgunaan dadah ini kerajaan telah meningkatkan penguatkuasaan dalam negara ini melalui akta-akta yang digubal dan dipinda bagi memastikan usaha membasmi dadah di negara ini dapat diselesaikan hingga ke akar umbi.

Gejala Penyalahgunaan Dadah di Malaysia

Dadah telah menjadi satu masalah yang dihadapi oleh seluruh negara di dunia ini . Masalah ini telah menjejaskan keadaan ekonomi, politik dan juga sosial beberapa buah negara yang terlibat terutamanya negara-negara yang senang membangun.

Malaysia tidak terkecuali dari masalah dadah ini dan merupakan sebuah negara yang berada di barisan hadapan dalam menghadapi masalah ini. Keadaan ini menjadi bertambah runcing dan serius apabila penagihan dadah ini mula merebak pula kepada golongan muda-mudi dari golongan muda-mudi dari semua kaum yang terdapat di negara ini. Jika melihat kepada statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan sepanjang Januari dan Februari 2005 menunjukkan bahawa daripada 4050 orang penagih yang ditangkap dalam tempoh tersebut 2.5% daripadanya terdiri daripada remaja yang berusia 13 hingga 18 tahun manakala 73.9% terdiri daripada belia yang berusia di antara 19 hingga 39 tahun. Berdasarkan laporan rasmi yang dipetik melalui laman web rasmi Polis di-Raja Malaysia berkaitan dengan isu dadah didapati bahawa masalah penyalahgunaan dadah di Malaysia telah mencapai tahap serius dan dianggap sebagai ancaman utama negara mengambil alih ancaman komunis yang telah meletak senjata.

Berdasarkan laporan ini juga didapati bahawa di antara faktor-faktor yang meletakkan penyalahgunaan dadah sebagai ancaman utama negara ialah, peningkatan terhadap peruntukan kewangan disebabkan penyediaan kos yang tinggi bagi tujuan pemulihan, kos rawatan, perubatan, tenaga kerja yang hilang serta kesan kerugian dari segi ekonomi, sosial dan jenayah. Selain itu berdasarkan laporan tersebut juga didapati terdapat lebih kurang 200 000 orang penagih yang berdaftar di negara ini. (www.rmp.gov.my; 2006). Jika disorot kembali bermula pada tahun 1997 hingga april 1999, pihak Polis diRaja Malaysia telah berhadapan dengan seramai 87 868 orang penagih dadah terdiri daripada 45 869 penagih baru dan 41 999 penagih tegar. Pada tahun 2005 masalah penyalahgunaan dadah ini juga telah didapati menular ke kawasan Felda iaitu dengan jumlah 3 551 orang peneroka dikenalpasti terlibat dengan penyalahgunaan dadah, 2 189 sektor perkilangan dan 2 620 nelayan telah terlibat. Daripada jumlah 2 620 orang nelayan

tersebut, seramai 384 orang dihidapi HIV dengan mencatatkan 20 kematian (Harian Metro; September 2005).

Statistik dari Jabatan Narkotik Polis di Raja Malaysia menunjukkan bahawa saban tahun jumlah tangkapan yang dilakukan oleh pihak polis di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 saban tahun berlaku peningkatan. Jumlah ini boleh dilihat berdasarkan jadual di bawah:

Tangkapan di Bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 Dari Tahun 1998 Hingga Mac 2006.

Kategori Tangkapan	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	*2006
Seksyen 39B ADB 1952	1,794	1,397	1,430	1,858	2,156	1,678	1,823	1,894	440
Seksyen 39A(2) ADB 1952	1,119	897	949	1,468	1,475	1,064	1,173	1,067	265
Seksyen 39A(1)ADB 1952	1,719	1,658	1,991	2,600	3,163	2,335	2,438	2,525	441
Lain-Lain Sek ADB 1952	10,374	10,492	11,550	15,012	17,018	19,738	27,753	37,607	8,651
JUMLAH	16,007	14,444	15,920	20,938	22,972	24,794	33,187	43,093	9,797

Jadual 10: Jumlah tangkapan (Sumber: Jabatan Narkotik Polis diRaja Malaysia. 2006)

Manakala tangkapan yang dibuat oleh pihak Polis diRaja Malaysia di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) juga di dapati meningkat saban tahun.

Tangkapan di Bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 Dari Tahun 1998 Hingga Mac 2006

Kategori Tangkapan	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	*2006
Akta Dadah Berbahaya (LLPK) 1985	1,746	1,375	1,637	1,820	2,055	2,110	2,036	2,530	653

Jadual 11: Jumlah Tangkapan (Sumber: Jabatan Narkotik Polis diRaja Malaysia. 2006).

Selain dari itu juga saban tahun pihak Polis diRaja Malaysia juga telah mengadakan beberapa operasi yang bertujuan menangkap penagih-penagih dadah yang melata di seluruh negara, antaranya melalui Ops. Tapis. Daripada statistik yang dikeluarkan oleh

pihak Polis diRaja Malaysia ini kita dapat mengetahui bahawa peningkatan bilangan penagih dadah yang dapat ditangkap oleh pihak polis setiap tahun.

Tangkapan Penagih Dadah (Ops. Tapis) Dari Tahun 1998 Hingga Mac 2006.

Kategori Tangkapan	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	*2006
Ops Tapis (Tang. Penagih Dadah)	74,452	80,453	80,893	90,488	98,345	137,159	136,805	133,982	34,634

Jadual 12: Jumlah tangkapan (Sumber: Jabatan Narkotik Polis diRaja Malaysia, 2006).


Manakala berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) sepanjang suku pertama tahun ini (Januari hingga Mac 2006), seramai 7 001 orang penagih telah dikesan. Mereka ini terdiri daripada 2 933 orang (41.89%) penagih baru dan 4 068 orang (58.11%) penagih berulang. Keseluruhannya berlaku peningkatan sebanyak 1.32% berbanding tempoh masa yang sama pada tahun 2005 iaitu seramai 6 910 orang. Manakala jumlah penagih terkumpul yang direkodkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) sejak tahun 1998 hingga Mac 2006 adalah seramai 292 696 orang iaitu kira-kira 1.10% daripada jumlah penduduk Malaysia (Buletin AADK: 2006). Manakala berdasarkan sumber *World Drug Report 2005, United Nation Office on Drugs Crime (UNODC)* telah meletakkan Malaysia di tangga ke empat selepas Indonesia, Thailand dan Jepun dalam penyalahgunaan dadah (Ecstasy) mengikut peratusan umur 15 hingga 64 tahun negara Asia Timur dan Asia Tenggara.

Penyalahgunaan dadah (Ecstasy) mengikut peratusan umur 15 hingga 64 tahun negara Asia Timur dan Asia Tenggara.

NEGARA	PERATUS
Indonesia	0.1
Thailand	0.1
Jepun	0.1
MALAYSIA	0.1
Hong Kong SAR / China	0.02
Filipina	0.02
Singapura	0.01

Jadual 13: Penggunaan Ecstasy: (Sumber: World Drug Report 2005, United Nation Office on Drugs Crime (UNODC))


Berdasarkan ucapan Timbalan Menteri Sumber Manusia bersempena Seminar Pencegahan Dadah di Tempat Kerja pada 10 Mei 2005 mengatakan bahawa berdasarkan statistik Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) bagi tempoh Januari dan Februari 2005 purata 68 orang penagih telah dapat dikesan setiap hari dan 32 penagih baru dikesan setiap hari yang mana meletakkan bangsa Melayu sebagai bangsa yang paling ramai didapati menagih dengan 1 122 orang atau bersamaan 64.4%. Statistik tersebut juga menunjukkan bahawa mereka yang bekerja sebagai Buruh Am menjadi golongan yang paling ramai di kesan terlibat dengan penagihan dadah iaitu sebanyak 30.6% diikuti sektor perkhidmatan dengan 12.9% dan mereka yang tidak bekerja dengan jumlah 12.1%. Beliau juga mengatakan bahawa tempat kerja boleh menjadi tempat yang paling selamat untuk menjalankan aktiviti penagihan dadah (www.mohr.gov.my; 2005).



Graf 1: Sumber: (Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI) 2005).

Pada hari ini, trend pengambilan dadah di kalangan penagih telah berubah apabila mereka lebih menggemari dadah campuran atau *polydrug* yang jauh lebih berbahaya berbanding dengan dadah tradisional seperti ganja, mophine dan heroin. Setiausaha Agung DIC Homes, Abdullah Khalid Hashim menyatakan bahawa, dadah campuran ini didapati lebih berbahaya kerana ianya boleh mengakibatkan penagihnya berhalusinasi serta bertindak ganas tanpa dijangka, berbanding dengan kesan pengambilan dadah tradisional yang hanya akan merasa khayal. Antara contoh dadah campuran yang menjadi ikutan generasi muda hari ini ialah seperti campuran subutex dengan pil dadah yang dikenali sebagai domi, pil kuda atau syabu dengan pil psikotropik lain seperti domicum dan erami. Kesan pengambilan *polydrug* ini akan datang secara tiba-tiba dan mereka boleh menjadi gila dalam masa yang pantas tanpa mereka sedari (www.idesa.net.my - KTAK- 2006). Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI), pada tahun 2005 dadah jenis heroin menjadi dadah yang paling diminati oleh penagih-penagih dadah dengan 13 914 orang penagih daripada 32 808 orang penagih dikesan telah mengambil dadah jenis ini. Ianya diikuti oleh morphine dengan 8 047 orang, cannabis dengan 5 044 orang dan selebihnya iaitu 5803 orang mengambil dadah jenis Amphetamine Type Stimulants (ATS) (AADK; 2006).

Jenis-jenis Dadah Yang Diambil Oleh Penagih Dadah - 2005 -



Graf 2: Sumber : (Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan)

Dari sini, sebagai rakyat Malaysia kita perlu sedar bahawa penyalahgunaan dadah adalah satu masalah yang besar dalam masyarakat dan negara kita hari ini. Kehadiran dadah dan penagih dadah merupakan ancaman kepada diri, keluarga dan masyarakat tanpa mengira peringkat umur mahupun kedudukan.

Kemasukan Dadah ke Tanah Rancangan Felda dan Keterlibatan Belia Serta Remaja dengan Penyalahgunaan Dadah.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) ditubuhkan di bawah Akta Kemajuan Tanah 1956 bertujuan untuk memajukan tanah baru bagi dijadikan kawasan pertanian yang produktif dan sempurna melalui amalan pengurusan pertanian yang berkesan, di samping menggalakkan pertumbuhan masyarakat yang maju dan produktif demi meningkatkan taraf hidup dan menjamin kehidupan yang lebih sempurna pada masa akan datang (BPPDP; 2004).

Gejala sosial di tanah rancangan Felda memang sudah lama wujud dan pembabitan generasi muda dalam masalah penyalahgunaan dadah samada berbentuk penagihan atau pengedaran dadah serta jenayah lain tidak dapat disangkal lagi (Berta Harian; 23 Oktober 2001). Berucap di Majlis Program Bersama Pemimpin, Ahli Parlimen dan ADUN

Kawasan Tanah Rancangan Felda pada April 2006, Dato' Seri Mohd Najib Abd Razak berkata terdapat 278 buah kawasan tanah rancangan berpeneroka di 55 kawasan Parlimen dan 93 DUN di 12 negeri kecuali Wilayah dan Pulau Pinang yang mempunyai tanah rancangan Felda.

Utusan Malaysia bertarikh 8 Mac 2006 melaporkan hampir kesemua 278 buah tanah rancangan Felda di negara ini menghadapi masalah pengedaran dan penagihan dadah. Perkara ini diakui oleh Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob yang mana beliau sendiri telah mendedahkan bahawa hampir kesemua tanah rancangan Felda di negeri Pahang berhadapan dengan masalah penagihan dadah yang serius dan berada di luar kawalan walaupun kerajaan telah berusaha sebaik mungkin menangani masalah tersebut. Tambah beliau lagi "Kerajaan negeri seperti mati akal untuk menyelesaikan masalah berkenaan". Keluhan ini dikeluarkan beliau selepas sesi pagi Persidangan Dewan Undangan Negeri di Wisma Seri Pahang (Utusan Malaysia; 13 April 2006). Kenyataan beliau ini merupakan ulasan mengenai kenyataan yang dikeluarkan oleh beberapa akhbar utama negara berkaitan masalah penagihan dadah yang melampau di kawasan Tanah Rancangan Felda Wilayah Jengka dan sekitar bandar Kuantan. Negeri Pahang mempunyai jumlah keluasan tanah rancangan yang terbesar iaitu seluas 179 837 hektar di 110 tanah rancangan Felda dengan jumlah peneroka seramai 7 344 orang. Beliau juga berpendapat bahawa penyalahgunaan dadah secara berterusan di kawasan tanah rancangan Felda adalah disebabkan kemampuan para pengeluar dan pengedar dadah yang sentiasa berada selangkah di hadapan berbanding pihak berkuasa.

Statistik daripada Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI) menunjukkan bahawa jumlah penagih yang dikesan mengikut negeri pada setengah tahun pertama iaitu bermula Januari 2006 Hingga Julai 2006 meletakkan negeri Pahang sebagai antara Sembilan negeri yang mempunyai jumlah penagih teramai dengan 501 orang bersamaan dengan 3.52% dikesan menjadi penagih dadah. Jumlah itu adalah sebahagian daripada jumlah kesesluruhan 14 214 orang yang di kesan terlibat dengan masalah penagihan dadah di seluruh negara dalam tempoh masa yang sama. Daripada keseluruhan jumlah tersebut, Pulau Pinang mempunyai rekod paling ramai penagih yang dikesan dalam

tempoh yang sama, diikuti Kedah, Perak, Kelantan, Selangor dan diikuti dengan negeri-negeri lain seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Sabah, Melaka, Sarawak, Negeri Sembilan, Perlis dan Terengganu. Manakala bagi Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya tiada jumlah yang direkodkan.

Jumlah Penagih Dikesan Mengikut Negeri Januari – Julai 2006

BIL	NEGERI	BARU	ULANG	BIL (ORANG)
1	Pulau Pinang	752	1 789	2 541
2	Kedah	754	1 138	1 892
3	Perak	651	1 136	1 787
4	Kelantan	902	751	1 653
5	Selangor	675	685	1 360
6	W/P Kuala Lumpur	360	827	1 187
7	Johor	730	428	1 158
8	Sabah	384	171	555
9	Pahang	276	25	501
10	Melaka	179	295	474
11	Sarawak	394	61	455
12	Negeri sembilan	191	156	347
13	Perlis	98	67	165
14	Terengganu	74	65	139
15	W/P Labuan	0	0	0
16	W/P Putrajaya	0	0	0
JUMLAH		6 420	7 794	14 214

Jadual 14 : (Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI))

Menurut Ketua Turus Operasi dan Siasatan Jabatan Narkotik Negeri Pahang, masalah penagihan dadah di kawasan tanah rancangan Felda adalah amat rumit. Ini kerana sebahagian aktiviti pengedaran dilakukan oleh peneroka Felda itu sendiri. Jelas beliau lagi, generasi peneroka kedua dan ketiga merupakan mereka yang paling ramai terbabit dengan aktiviti penagihan dan pengedaran dadah (Utusan Malaysia; 13 April 2006). Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan bilangan mereka yang dikesan menjadi penagih di keseluruhan 110 tanah rancangan Felda yang terdapat di negeri Pahang, seramai 952 orang warga tanah rancangan Felda telah dikenal pasti terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah yang mana daripada jumlah tersebut seramai 799 orang berada di bawah pengawasan dan 153 orang di tahan di Pusat Serenti seluruh negara.

**Maklumat Asas Penagih Dadah Di Kawasan Felda Seluruh Negeri Pahang Bagi
Bulan Januari Hingga Julai 2006**

Bil	WILAYAH FELDA	BIL. TANAH RANCANGAN	BIL. PENEROKA / BIL. RUMAH	BIL. PENAGIH DADAH		
				Pengawasan	Pusat Serenti	Jumlah
1	Kuantan	37	6 709	125	20	145
2	Jengka	37	1 782	401	77	478
3	Mempaga	36	7 344	273	56	329
JUMLAH		110	15 835	799	153	952

Jadual 15 : Agensi Anti Dadah Kebangsaan Negeri Pahang

Menjelaskan mengenai situasi ini Menteri Besar Pahang mengatakan bahawa “Gejala penagihan dadah di tanah rancangan Felda itu dipengaruhi oleh faktor ekonomi, iaitu apabila keadaan peneroka yang semakin tua dan pokok sawit atau getah juga tidak mengeluarkan hasil yang memberansangkan, menyebabkan ramai di kalangan peneroka tanah rancangan tersebut yang tidak mempunyai pekerjaan. Maka pilihan untuk melakukan aktiviti tambahan menyebabkan mereka ini memilih jalan yang silap”. Sehubungan dengan itu beliau melontarkan cadangan agar institusi kekeluargaan dan taraf ekonomi warga tanah rancangan Felda perlu ditingkatkan (Utusan Malaysia; 13 April 2006). Tun Dr. Mahathir Mohamed pernah menyatakan dalam ucapannya sempena Pelancaran Kempen Anti Dadah Peringkat Kebangsaan bahawa “peperangan melawan penyalahgunaan dadah perlulah ditumpukan kepada pencegahan lebih dari yang biasa dibuat dahulu. Segala badan sukarela dan jabatan kerajaan yang terlibat mestilah menyusun satu strategi baru yang bertujuan menyekat perkembangan tabiat ini. Selain daripada usaha untuk menyekat kemasukan dadah dan pengedarannya, orang ramai mesti dikejutkan berkenaan bahaya dadah dan di dorong supaya mengambil bahagian yang aktif dalam kempen pencegahan yang perlu diteruskan sepanjang masa” (www.pmproject.doublekay.com; 2006).

Berdasarkan hasil analisis terhadap kajian penyalahgunaan dadah di kalangan remaja di Felda Kota Tinggi, Hussin et.al (2003) menggariskan empat faktor utama yang menyebabkan penagihan dadah remaja di Felda iaitu perasaan ingin mencuba, mudah

untuk mendapatkan dadah, kesunyian dan rasa jemu serta tiada aktiviti yang disukai di kawasan tersebut. Daripada maklumat dan statistik yang telah dibincangkan sebelum ini, tidak dapat tidak untuk kita membenarkan bahawa terdapat juga kes-kes penyalahgunaan dadah merangkumi pengedaran dan penagihan dadah yang berlaku di kawasan tanah rancangan Felda.

BAB 3

KAEDAH KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan mengenai kaedah kajian ini dijalankan seperti bentuk kajian, sampel kajian, instrumentasi dan kaedah menganalisis data juga dibincangkan.

3.2 BENTUK KAJIAN

Kajian ini berbentuk etnografi yang menggunakan kaedah *Participant Observation* dalam mengumpul data. Kaedah ini melibatkan beberapa langkah dalam melaksanakannya. Antaranya :

1. Menentukan skop kajian iaitu menerangkan dan memperihalkan budaya sesebuah masyarakat yang kompleks iaitu masyarakat Felda di sebuah tanah rancangan Felda di negeri Pahang.
2. Kajian telah memilih '*Topic Oriented*' yang menjurus kepada beberapa aspek kehidupan yang telah dipilih dan terdapat dalam masyarakat Felda tersebut. Dalam kajian ini tajuk yang diutamakan ialah masalah sosial, terutamanya penyalahgunaan dadah dan juga kegiatan dakwah tempatan.

Participant Observation ialah satu strategi yang penting, bertujuan untuk menjalinkan hubungan yang rapat dan mesra dengan sekumpulan individu yang dipilih untuk memahami gaya hidup mereka dengan melibatkan diri secara intensif dalam persekitaran yang neutral.

3.3 LOKASI KAJIAN

Sebuah tanah rancangan Felda di negeri Pahang telah dipilih sebagai lokasi kajian ini memandangkan Negeri Pahang mempunyai tanah rancangan Felda yang paling banyak di negara kita ini. Di negeri Pahang ini juga terdapat tanah rancangan Felda yang tertua dan yang baru dibuka. Dengan itu ia membawa gambaran yang menyeluruh kepada kajian yang dijalankan. Tanah rancangan ini juga dipilih kerana ia agak mudah dilawati. Manakala penduduk tempatan juga bersedia untuk menerima penyelidik dengan baik. Seramai tiga orang penyelidik telah ditempatkan di tanah rancangan ini secara berasingan. Penyelidik berada di lokasi kajian ini selama dua bulan.

Seorang penyelidik telah ditempatkan di sebuah kedai makan, di mana lokasi ini merupakan tempat penduduk tempatan berkumpul terutama di masa rehat selepas bekerja dan pada waktu malam. Penyelidik ini juga menginap di salah sebuah rumah peneroka tempatan. Manakala seorang lagi penyelidik telah ditempatkan di sebuah bengkel kimpalan yang mana lokasi ini juga merupakan tempat penduduk tempatan berkumpul terutamanya anak-anak muda. Kebanyakan daripada pekerja di bengkel itu terdiri dari kalangan belia tempatan dan lokasi bengkel tersebut berdekatan dengan pusat perniagaan di mana ianya menjadi tempat tarikan penduduk tempatan untuk berkumpul. Sepanjang kajian ini di jalankan, penyelidik ini telah menginap di rumah yang disediakan oleh pemilik bengkel untuk pekerja-pekerjanya.

Seorang lagi penyelidik telah ditempatkan di sebuah rumah Perbadanan Niaga Felda dan bekerja di Koperasi D'Mart. Lokasi ini terletak berhampiran dengan masjid yang menjadi pusat aktiviti keagamaan dan sosial bagi penduduk tempatan. Penempatan penyelidik secara berasingan ini bermatlamat untuk memudahkan penyelidik menyesuaikan diri dengan penduduk tempatan dalam masa yang singkat dan memudahkan mereka memahami struktur budaya penduduk di sana.

3.4 SAMPEL KAJIAN

Kajian ini bertujuan memerhatikan gaya hidup dan masalah sosial terutamanya yang berkaitan dengan masalah penyalahgunaan dadah yang melibatkan keseluruhan penduduk di kawasan tanah rancangan Felda yang dipilih. Mereka ini mungkin terdiri daripada penagih itu sendiri, keluarga, pemimpin masyarakat dan penguasa atau individu yang terlibat dengan kawalan keselamatan. Dalam kata lain seluruh penduduk dan struktur kehidupan masyarakat tanah rancangan Felda tersebut menjadi sampel kepada kajian ini.

3.5 PENGUMPULAN DATA

Data kajian ini dikumpul menggunakan kaedah '*Participant Observation*' yang bermaksud penyelidik memerhatikan aktiviti kumpulan sasaran yang dipilih, tingkahlaku mereka dan memahami apakah perasaan mereka berada dalam situasi masyarakat tersebut. Kajian ini akan bermula dengan pemerhatian secara menyeluruh *broad descriptive observation* yang cuba mendapatkan pandangan menyeluruh terhadap satu fenomena dan situasi. Setelah data situasi menyeluruh itu didapati dan difahami, kajian ini pula akan diteruskan dengan membuat pemerhatian yang lebih fokus (*Focused Observation*). Setelah analisis awal dibuat pemerhatian secara terpilih pula dilaksanakan (*Selective Observation*).

Proses pengumpulan data ini bermula dengan menggunakan pemerhatian dan soalan-soalan yang berbentuk pemerihalhan. Data-data yang dikumpul adalah berbentuk :

- Nota lapangan
- Gambar-gambar / video / peta
- Pita rakaman
- Data sekunder
- Hasil temu bual pakar dan
- Hasil temu bual *key personnel*.

descriptive observation -----> *focused observation* -----> *selective observation*

Dalam kajian ini penyelidik merupakan alat dalam proses pengumpulan data. Penyelidik mengumpul data ini dengan berhubung secara aktif di dalam kelompok sosial (tanah rancangan Felda yang dipilih), tinggal bersama mereka dan mencatatkan pengalaman mereka dalam proses pemerhatian ini.

3.6 ANALISIS DATA

Data yang telah dikumpulkan akan dianalisis mengikut tema. Tema yang dipilih berpandukan persoalan kajian dan hasil daripada dapatan yang dilihat melalui pemerhatian yang telah dibuat.

Sesuatu fenomena akan dianalisis secara triangulasi bagi memastikan tahap kesahihan dapat dipertingkatkan. Makluman dari pelbagai pihak dalam memperihalkan satu fenomena tersebut akan dapat meningkatkan keyakinan dan kesahihan data. Data tersebut ditulis mengikut tema dan bagi data yang memerlukan pemerhatian atau pengukuhan ulangan kepada pemerhatian yang dijalankan.

Data dari dapatan pemerhatian digunakan untuk membentuk modul gerakan dakwah yang dirasakan perlu dan boleh digunakan di kalangan masyarakat tanah rancangan Felda. Modul ini akan diuji dan diubahsuai mengikut keperluan masyarakat tempatan.

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGEDARAN DAN PENAGIHAN DADAH

Persoalan 1 :Permasalahan

Masalah pengedaran dan penagihan dadah di kalangan belia dan remaja di kawasan tanah rancangan Felda telah dikenalpasti bermula dari peringkat sekolah lagi. Ini dibuktikan daripada hasil temubual yang dilakukan oleh penyelidik dengan beberapa orang bekas penagih, pihak pentadbiran sekolah, pihak polis dan melalui pemerhatian dan perbualan penyelidik dengan masyarakat setempat. Setelah diteliti, penyelidik mendapati bahawa dadah jenis ganja, morphine, heroin, gam dan pelbagai jenis pil-pil khayal sering disalahgunakan oleh penagih-penagih yang mendapatkan bekalan dadah dari pengedar-pengedar tempatan mahupun luar.

Berdasarkan maklumat yang diterima hasil daripada temubual bersama Ketua Polis Balai kawasan sampel, mengatakan bahawa, statistik penjenayah dan penagih berdasarkan peringkat umur di kawasan penempatan Felda di bawah pentadbiran balai polis tersebut menunjukkan bahawa ianya boleh dibahagikan kepada 3 peringkat umur iaitu, mereka yang berumur di bawah 17 tahun, 18 hingga 35 tahun dan 36 tahun ke atas. Beliau mengkategorikan peringkat umur di antara 18 hingga 35 tahun sebagai kategori umur yang selalu terlibat dengan kegiatan jenayah. Manakala mereka yang berumur 25 tahun dan ke atas sebagai peringkat umur bagi mereka yang aktif dengan kegiatan penagihan dadah. Ini berikutan tiada kes-kes penagih yang berumur di bawah 15 tahun yang direkodkan.

Manakala hasil temubual yang dilakukan bersama Pengetua, Guru Penolong Kanan dan Hal Ehwal Murid serta Kaunselor sebuah sekolah menengah berhampiran kawasan sampel menggambarkan bahawa terdapat juga kes-kes penagihan dan pengedaran dadah serta pengambilan pil-pil khayal yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah ini. Ini dibuktikan apabila Pengetua sekolah tersebut mengakui bahawa pada 11 Julai 2006 pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah dengan kerjasama pihak sekolah telah menyenaraikan 30 orang pelajar sekolah tersebut untuk dilakukan pemeriksaan air kencing ke atas mereka kerana disyaki terlibat dengan pengambilan dan pengedaran dadah atau pil-pil khayal. Pemilihan pelajar-pelajar tersebut adalah berdasarkan kes-kes yang pernah direkodkan mengenai salah laku disiplin seperti merokok, ponteng sekolah dan sebagainya. Paling memeranjatkan apabila hasil daripada ujian air kencing yang telah dijalankan mendapati bahawa hampir 5 orang pelajar perempuan yang didapati terlibat dengan kes penagihan dan pengedaran pil-pil khayal. Situasi ini menyangkal dakwaan yang dibuat oleh Ketua Polis Balai sebelum ini yang menyatakan bahawa tidak wujud penagih yang di bawah umur 15 tahun di kawasan penempatan Felda di bawah pentadbiran balai polis tersebut. Ianya jelas mengelirukan jika kita hanya merujuk kepada rekod yang disimpan pihak polis tanpa merujuk kepada pihak berwajib yang lain seperti pihak sekolah.

Seorang anak peneroka yang merupakan pekerja di sebuah restoran yang terdapat di Felda ini menyatakan bahawa memang tidak dapat dinafikan bahawa wujud di tanah rancangan Felda tersebut aktiviti pengedaran dadah yang mana kebanyakan pengedar-pengedar yang ada di kawasan tanah rancangan ini terdiri daripada orang luar malahan adakalanya ianya dilakukan oleh golongan peneroka juga. Kenyataan ini disokong oleh Pengurus Felda dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Menurut mereka yang terlibat dengan penagihan dadah ini boleh dikenalpasti berdasarkan kehidupan mereka yang kelihatan mewah walaupun mereka tidak mempunyai sebarang pekerjaan yang membolehkan mereka berkeadaan sedemikian. Mereka ini mampu untuk bergaya dengan kereta-kereta mewah seperti Perdana V6, BMW dan sebagainya.

Jika disorot kembali pengalaman yang telah dilalui penyelidik sewaktu menjalankan penyelidikan ini, terdapat seorang pelajar tingkatan lima dari sebuah sekolah Menengah Teknik di daerah ini, yang berasal daripada sebuah tanah rancangan FELDA telah membuat pengakuan kepada penyelidik bahawa beliau telah terlibat dengan masalah hidu gam, minum arak dan pergaduhan. Beliau yang hanya dikenali sebagai 'Apek' menyewa sebuah rumah di sebuah taman perumahan bersama beberapa orang rakan yang lain setelah dikenakan tindakan buang sekolah oleh pihak sekolah kerana terbabit dengan pelbagai masalah disiplin. Walaubagaimanapun hasil rayuan daripada kedua ibu bapa beliau, hukuman tersebut telah diringkaskan kepada hanya tindakan buang asrama. Beberapa sesi temuramah dan perbincangan penyelidikan telah diadakan di antara penyelidik dengan beberapa orang bekas penagih dan pihak pengurusan Persatuan Bekas-bekas Penagih (PENGASIH) Bakti Kasih, berkaitan dengan permasalahan dadah di kalangan remaja dan belia rancangan penempatan FELDA. Hasil daripada temubual dan perbincangan yang dilakukan dapat dilihat daripada kes-kes berikut:

Kes 1: Azman (Bukan nama sebenar) (29 tahun).

Beliau merupakan anak jati sebuah tanah rancangan FELDA yang menjadi sampel kawasan. Beliau mengakui bahawa beliau mula terlibat dengan aktiviti penagihan dadah sejak berumur 14 tahun lagi dan merupakan penagih dadah yang paling muda di kalangan penagih-penagih yang terdapat di tanah rancangan tersebut pada ketika itu. Beliau yang telah berkahwin mengakui bahawa ketika mula terlibat dengan penagihan dadah ini, beliau mempunyai ramai rakan-rakan yang lebih berumur jika dibandingkan dengan umur beliau ketika itu. Berdasarkan pengakuan yang dibuat, beliau telah bertukar sekolah hampir 4 buah sekolah sepanjang beliau belajar di tingkatan satu dan dua kerana masalah sikap negatif yang dimilikinya. Beliau yang pernah dihantar ke Sekolah Henry Gurney dan dimasukkan ke Pusat Serenti Batu Kurau mengakui bahawa beliau pernah mengambil dadah jenis ganja dan heroin sepanjang beliau terlibat dengan penagihan dadah. Mengakui bahawa ahli keluarga dan tekad yang berterusan banyak mempengaruhinya untuk mengubah haluan hidup daripada seorang penagih yang melarat kepada seorang anak, suami dan belia yang baik.

Kes 2: Anuar (bukan nama sebenar) (44 Tahun).

Melalui pertolongan Penolong Pengurus Bakti Kasih satu temubual telah diadakan bersama seorang bekas penagih yang menghidapi HIV Positif di Hospital Sultan Ahmad Shah, Temerloh Pahang. Mengakui mula terlibat dengan penagihan dadah ketika berumur 17 tahun. Pengaruh rakan-rakan yang lebih berumur dari beliau untuk terlibat dengan gejala negatif ini telah menggelapkan laluan hidup beliau yang telah beliau lalui. Beliau yang berasal dari sebuah tanah rancangan Felda yang terletak di daerah Jerantut, Pahang mengakui bahawa sepanjang tempoh beliau menagih dadah, pelbagai jenis dadah yang telah beliau cuba antaranya ganja dan roche. Beliau juga menggunakan jarum suntikan untuk mengambil dadah iaitu pada sekitar tahun 1980. Beliau juga mengakui bahawa beliau pernah dikenakan hukuman penjara sebanyak 4 kali, 4 kali ditahan di pusat serenti dan 1 kali dibuang daerah. Beliau yang disahkan mengidap HIV Positif pada tahun 1990 telah kembali ke Rahmatullah pada 31 Julai 2006.

Kes 3: Hisham (bukan nama sebenar) (37 tahun).

Beliau yang berasal dari sebuah tanah rancangan Felda yang terletak di daerah Bera, Pahang mengakui bahawa beliau mula terlibat dengan dadah setelah beliau berhenti sekolah ketika masih di tingkatan tiga. Beliau telah dikenakan hukuman sekali penjara dan tiga kali dimasukkan ke pusat serenti. Beliau mengakui bahawa beliau pernah mengambil dadah jenis ganja dan heroin. Beliau juga mengakui bahawa apabila beliau terlibat dengan penagihan dadah ia telah mengubah jalan dan cara hidup beliau dari sudut kasih sayang ibu bapa dan keluarga, dipinggirkan masyarakat, kejatuhan ekonomi dan tidak mempunyai halatuju masa depan dalam kehidupan. Mengakui bahawa pengaruh rakan sebaya dan persekitaran banyak memberikan kesan kepada beliau untuk terlibat dengan najis dadah ini. Mengumpamakan tanah rancangan yang didiaminya itu satu ketika dahulu seperti Chow Kit dalam kes penjualan dan pengedaran dadah, menggambarkan bahawa persekitaran juga memainkan peranan dalam melambakkan lagi penagih-penagih dadah di negara ini dengan menjadikan remaja dan belia dari tanah rancangan Felda sebagai mangsanya. Beliau juga menyuarakan rasa hati mengenai ketiadaan hasrat untuk mendirikan rumah tangga kerana ingin memperbaiki matlamat dan cara hidup beliau ke arah yang lebih baik.

Kes 4: Edie (bukan nama sebenar) (31 tahun).

Sejarah hitam mengenai masa lampau yang telah beliau lalui dikongsi bersama penyelidik dalam satu temubual yang telah dilakukan. Beliau yang berasal dari sebuah tanah rancangan Felda di daerah Bera, Pahang mengakui bahawa beliau mula menagih ketika berumur 26 tahun. Ketika itu beliau sedang bekerja di Shah Alam. Menyuarakan pengalaman yang telah dilalui, beliau percaya bahawa pengaruh rakan-rakan serta didorong sikap ingin mencuba telah menyebabkan beliau memilih untuk melalui lorong-lorong gelap yang telah mengubah cara hidup dan masa depan beliau. Namun, cahaya petunjuk dari Allah tidak dapat di halang oleh sesuatu apapun. Beliau kini telah mula mengubah haluan hidup ke arah yang lebih baik. Beliau yang menagih dadah jenis ganja dan pelbagai jenis dadah yang lain mengakui bahawa beliau tidak pernah dikenakan sebarang hukuman samada dipenjarakan atau ditahan di pusat serenti.

Kes 5: Hamid (bukan nama sebenar)(47 Tahun).

Sebagai menambah maklumat penyelidikan ini satu temubual yang menghuraikan mengenai pengalaman hidup yang dilalui sebagai seorang penagih "Hard Core" diceritakan secara tulus dari seorang pemilik bengkel motosikal, di sebuah kampung yang terletak berhampiran bandar Temerloh, Pahang. Beliau menceritakan sejarah hitam beliau yang mula terlibat dengan masalah penagihan dadah selepas kematian ibunya pada ketika umur beliau 10 tahun. Hubungan yang tidak mesra dengan bapa dan adik beradik yang lain, menyebabkan beliau membawa haluan hidup sendiri. Kini beliau merupakan seorang duda dan mempunyai 2 orang anak yang berumur 8 dan 14 tahun. Beliau yang pernah mensasarkan matlamat untuk berhenti menagih apabila mencapai umur 35 tahun telah gagal mencapai sasaran tersebut. Beliau pernah dikenakan tindakan 8 kali dipenjarakan dan 4 kali ditahan di pusat serenti mengakui bahawa antara jenis dadah yang pernah diambil beliau ialah dadah jenis candu, heroin, morphine, shabu, pil kuda dan ice baby. Kini zaman kelamnya sudah berlalu pergi. Beliau kini menjadi ahli sokong bantu Persatuan Bekas-bekas Penagih (PENGASIH) Pahang yang berperanan membantu mereka yang masih menagih dadah untuk kembali ke pangkal jalan.

Kes 6: Riza (bukan nama sebenar) (32 tahun).

Situasi dan keadaan yang berlaku telah menunjukkan hakikat sebenarnya, bahaya penagihan dadah itu tidak mengenal usia, jantina, agama dan bangsa. Perjalanan pencarian maklumat untuk penyelidikan ini bertambah menarik apabila penyelidik berpeluang untuk menemubual seorang bekas penagih wanita yang berasal dari sebuah kampung yang terletak di Mentakab, Pahang. Beliau yang merupakan seorang surirumah tangga dan mempunyai seorang anak lelaki berusia 10 tahun mengakui bahawa suami beliau juga merupakan bekas penagih dan pengedar dadah. Mengakui bahawa beliau mula terlibat dengan penagihan dadah ketika berusia 14 tahun. Sejarah silamnya berpunca daripada rasa ingin tahu dan ingin mencuba yang membuak-buak telah menyebabkan beliau tersalah memilih haluan. Beliau mula menagih ganja ketika berusia 14 tahun dan telah mula mengambil dadah jenis heroin ketika berumur 16 tahun. Selain itu beliau juga pernah menagih dadah jenis candu, morphine, syabu, pil kuda dan ice baby. Tiga kali dimasukkan ke dalam penjara dengan sekali ditahan di pusat serenti dan selepas pemergian ibu tersayang menyebabkan beliau bertekad untuk mengubah haluan hidup yang telah dilaluinya.

Kes 7: Man (Bukan nama sebenar) (29 tahun)

Pemerhatian dan temubual juga dilakukan terhadap seorang penagih yang merupakan anak jati Felda yang dijadikan sebagai sampel penyelidikan ini dijalankan. Beliau yang dikenali sebagai Man (29 tahun) mengakui bahawa beliau mula terlibat dengan penagihan dadah jenis ganja ketika masih bersekolah di sekolah menengah. Beliau juga mengakui bahawa di antara tempat yang menjadi 'markas' untuk melakukan aktiviti tidak sihat ini ialah di rumah beliau ketika ketiadaan ibu bapanya dan juga di ladang. Malah menjadi suatu perkara yang amat memeranjatkan penyelidik apabila beliau mengakui bahawa kadang-kadang beliau melakukan aktiviti tidak sihat itu bersama-sama dengan adik kandung beliau sendiri. Walaubagaimanapun beliau pernah menyatakan hasrat kepada penyelidik untuk berhenti daripada terlibat dengan penagihan dadah tersebut. Cuma beliau masih belum menang dengan godaan daripada rakan-rakan yang sama-sama terlibat seperti beliau.

Perkenalan bermula pada satu malam ketika penyelidik baru sahaja beberapa hari tiba di kawasan sampel penyelidikan. Pada ketika itu, penyelidik masih tidak mengetahui bahawa Man adalah seorang penagih dadah. Tanpa dipinta Man menceritakan bahawa dia terlibat dengan dadah ketika masih remaja. Tambahan pula ketika itu, kawasan Felda tersebut memang sudah menjadi sarang pengedaran dan penagihan dadah yang aktif. Aktiviti penagihannya semakin berkembang apabila dia mengambil keputusan untuk berhijrah ke luar kawasan. Menurut Man, dia pernah bekerja di Kuala Lumpur dan Kuantan. Situasi ini lebih memudahkannya untuk meneruskan aktiviti penagihan memandangkan tinggal berjauhan daripada keluarga.

Di kampung, Man membantu keluarganya menguruskan ladang sawit dan kadangkala mengambil upah menoreh di ladang seorang peneroka. Pada suatu malam, kira-kira jam 11 malam, penyelidik pernah diajak olehnya untuk melepak di kawasan lebuhraya berhampiran. Ketika sedang berbual-bual, dua buah kenderaan polis berhenti dan menghampiri kami. Daripada fizikal dan gerak-geri Man, pegawai polis tersebut mengesyaki Man seorang penagih dadah. Ketika itu, penyelidik hanya mendinginkan diri. Setelah disoal siasat dan didesak, akhirnya Man mengakuinya. Walaubagaimanapun, Man bernasib baik kerana tidak ditahan dan pegawai polis tersebut meminta kami pulang ke rumah. Selepas itu, Man mengajak penyelidik beredar dari kawasan tersebut dan kami hanya melepak di kawasan kampung sahaja.

Menurut pernyataan yang telah dikeluarkan oleh pejabat Felda ini, setakat bulan Julai 2006 terdapat 42 kes yang melibatkan penagih-penagih dadah yang terdiri daripada anak-anak peneroka Felda ini. Jumlah ini termasuklah 15 orang yang diisytihar sebagai penagih tegar, 4 orang berada di pusat serenti, 6 orang yang disyaki oleh pengurus Felda ini, 11 orang berada di bawah seliaan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan polis manakala 6 orang telah meninggal dunia kerana mengidap HIV Positif. Menurut seorang pegawai Felda ini, jumlah sebenar mereka yang didapati atau disyaki terlibat dengan penagihan dadah di Felda ini adalah lebih besar namun tidak diketahui kenapa pihak pengurusan pejabat Felda mengecilkan angka tersebut. Mengulas mengenai situasi dan permasalahan sosial dan penagihan dadah di kalangan belia dan remaja di Felda ini,

Pengurus Bengkel Genfel Supply and Engeneering menyatakan bahawa perkara seperti ini sudah tidak asing lagi di kawasan tanah rancangan FELDA ini. Beliau yang merupakan anak jati Felda ini juga mengatakan bahawa beliau buntu untuk memikirkan bagaimana cara bagi menyelesaikan masalah ini.

Manakala menurut Ketua Polis Balai kawasan sampel, berdasarkan perkiraan yang telah direkodkan, jumlah keseluruhan tangkapan di bawah bidang kuasa Balai Polis tersebut pada tahun 2005 adalah melibatkan seramai 125 orang. Kesemua mereka ditangkap kerana disyaki terlibat dengan masalah penagihan dan pengedaran dadah. Mungkin peristiwa yang ingin dinyatakan ini tiada di dalam rekod pihak polis dari Balai Polis tersebut. Namun hakikatnya ia pernah terjadi. Kisah kejam mengenai seorang suami yang sanggup menggadaikan maruah isterinya kepada seorang pengedar dadah semata-mata untuk mendapatkan bekalan najis dadah tersebut. Kisah ini diceritakan oleh Penolong Pengurus Bakti Kasih, melalui pengalaman yang dilalui beliau dalam berhadapan dengan bekas-bekas penagih. Mungkin sukar untuk dipercayai, namun cerita ini bukannya cerita pelik, dan ia tidak mustahil untuk berlaku. Persoalannya kenapa ia masih berlaku hingga ke hari ini?.

Jadi, jelaslah di sini bahawa hakikat sebenarnya kawasan penempatan Felda masih lagi berada di bawah keadaan merunsingkan jika ia dikaitkan dengan gejala pengedaran dan penagihan dadah di kalangan remaja dan belia di tanah rancangan Felda. Usaha untuk menjadikan tanah rancangan Felda sebagai bebas dari ancaman dadah pada tahun 2010 perlu digiatkan bermula dari sekarang.

Persoalan 2: Punca.

Apabila kita membicarakan tentang sesuatu permasalahan, tidak boleh tidak untuk kita membincangkan mengenai punca sesuatu masalah itu berlaku. Ini termasuklah permasalahan mengenai gejala dadah yang melibatkan remaja dan belia dari tanah rancangan Felda.

Felda yang kini telah menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-50, masih tidak terlepas dengan permasalahan yang melibatkan remaja dan belianya. Tidak tahu di mana silapnya, masalah ini mengalami peningkatan dari tahun ke tahun. Maka sepatutnya perkara pertama yang perlu kita sedar dan fikirkan ialah bagaimana seseorang itu boleh mengenali najis dadah ini. Daripada temubual yang dibuat dengan beberapa orang bekas-bekas penagih mengatakan bahawa mereka mula mengenali rokok, sebelum mereka mengenali dan terlibat dengan pelbagai jenis dadah termasuklah pil-pil khayal. Masalah merokok di kalangan remaja dan belia tanah rancangan Felda ini akan dibincangkan di dalam tema akan datang. Setelah penyelidik ditempatkan dan membuat pemerhatian di kawasan tanah rancangan Felda yang telah di pilih, penyelidik berpendapat bahawa ada beberapa punca yang dirasakan mempunyai pengaruh dan impak yang sangat besar dan boleh menyumbang ke arah peningkatan jumlah remaja dan belia di kawasan tanah rancangan Felda untuk terjerumus ke kancah penagihan dadah. Berdasarkan perbincangan dan pengalaman yang dilalui oleh Pengurus Bakti Kasih, tiada sebab utama yang menyumbang seseorang itu untuk terlibat dengan masalah penagihan dadah, ini kerana ada pelbagai punca yang menyumbang ke arah permasalahan itu. Ia berbeza mengikut keadaan dan situasi tertentu.

Di dalam penyelidikan ini penyelidik mendapati ada beberapa sebab dan punca yang patut diberikan perhatian berkaitan dengan gejala dan permasalahan yang melibatkan penagihan dadah ini. Antaranya ialah:-

Punca 1: Pengangguran atau Tiada Pekerjaan

Menurut seorang peneroka yang dikenali hanya sebagai Pak Man, “Anak-anak muda di Felda ini bukannya tidak mempunyai kerja yang boleh dibuat, cuma mereka ini pemalas dan tidak tahu memanfaatkan kudrat yang mereka miliki. Apa yang mereka tahu hanyalah membuang masa dengan melepak dan ‘merambu’ tanpa tujuan”. Luahan hati Pak Man ini ada benarnya. Ini kerana, daripada pemerhatian penyelidik sendiri, bermula dari umur belasan tahun hinggalah kepada umur dewasa, malah mereka yang bergelar peneroka sendiri banyak membuang masa dengan aktiviti yang tidak mendatangkan faedah dan manfaat pada mereka samada melepak di tepi-tepi jalan atau simpang, di kedai kopi, berkaraoke ataupun ‘meronda kawasan’.

Masalah pengangguran yang ketara dapat dilihat penyelidik sepanjang berada di sampel penyelidikan ini ialah berlaku di kalangan belia lelaki berbanding belia wanita. Pengerusi JKKK Felda ini mengakui bahawa situasi di tanah rancangan ini menampilkan golongan belia wanita lebih banyak bekerja daripada belia lelaki. Menurut beliau lagi kebanyakan belia-belia wanita Felda ini bekerja di bandar-bandar berhampiran samada di sektor perkilangan ataupun perkhidmatan seperti pekerja kedai dan sebagainya. Penyelidik sendiri memerhatikan bahawa dalam pukul 6.30 hingga 7.00 pagi dan 7.00 hingga 7.30 malam kelihatan ramai belia-belia wanita yang berkumpul di beberapa tempat untuk menunggu bas untuk pergi ke tempat kerja.

Secara keseluruhannya penyelidik berpendapat, keadaan remaja dan belia di kawasan tanah rancangan Felda yang tidak mempunyai pekerjaan, mempunyai ruang yang besar untuk terjerumus ke dalam perkara yang negatif termasuklah mengenai penagihan dadah.

Punca 2: Pengaruh Rakan

Daripada beberapa orang bekas penagih yang ditemubual, penyelidik mendapati bahawa pengaruh daripada rakan-rakan memang memberikan impak yang besar dalam mendorong seseorang itu untuk terlibat dengan masalah penagihan dadah. Antara yang mengakui mengenai perkara tersebut ialah, Azman, Hisham dan Anuar. Mereka yang

mengakui mempunyai ramai rakan-rakan yang lebih berumur dari mereka menyatakan mudah terpengaruh dengan rakan-rakan mereka tersebut. Menurut Penolong Pengurus Bakti Kasih, sebagai golongan berpendidikan sepatutnya kita memahami bahawa apabila seseorang remaja itu dapat bergaul dengan mereka yang lebih berumur dari mereka, mereka akan merasa bangga, dewasa dan gah apabila mereka bersama-sama seperti rakan-rakan mereka yang lebih berusia dari mereka. Mereka mengambil pengalaman dari orang yang lebih berusia dari mereka.

Punca 3: Sifat ingin mencuba

Menurut beberapa orang bekas-bekas penagih yang ditemuramah, ketika mereka mula terlibat dengan najis dadah, bukannya mereka tidak mengetahui bahawa dadah itu membahayakan, tetapi pada ketika itu hanya perasaan ingin mencuba najis dadah itu lebih mengatasi segala-galanya. Hisham yang mengumpamakan diri beliau pada ketika itu seperti “ikan masuk lukah” kini mula menyedari bahawa hakikat sebenarnya dadah itu merubah gaya hidup dan membunuh masa depan beliau.

Punca 4: Tiada maklumat tentang tahap bahaya dadah.

Hakikat sebenarnya inilah persoalan utama yang sentiasa berlegar di dalam fikiran kita semua, tidakkah mereka mengetahui bahawa dadah yang mereka ambil itu boleh membunuh mereka?. Ditanya mengenai perkara tersebut, secara keseluruhannya mereka mengakui bahawa mereka mengetahui bahawa dadah itu merbahaya tetapi mereka tidak tahu mengenai tahap bahayanya dadah itu sehingga tahap mana. Menurut Azman, sewaktu beliau berada pada zaman persekolahan dahulu terdapat juga pameran-pameran yang berkaitan dengan dadah ini. Pada ketika itu beliau hanya menganggap bahayanya dadah itu hanya seperti bahaya racun. Apa yang nak ditakutkan dengan racun?. Hakikatnya pada ketika itu beliau tidak tahu tentang tahap bahaya tentang penyalahgunaan dadah. Daripada pengalaman yang diceritakan oleh Hamid, ketika beliau mula mengambil dadah, beliau memang tidak mengetahui mengenai kesan dan bahaya dadah, walaupun beliau mengakui bahawa pada ketika itu sudah ada kempen-kempen yang dibuat untuk menerangkan mengenai bahaya dadah. Setelah sepuluh tahun terlibat dengan najis itu barulah beliau diberitahu oleh rakan beliau bahawa apabila beliau

mengambil dadah, kelak ia akan mereputkan tulang dan akhirnya membunuh diri dan masa depan beliau.

Walaupun bagaimanapun alasan yang diwujudkan ini telah disangkal oleh Guru Penolong Kanan dan Hal Ehwal Murid Sebuah sekolah menengah berhampiran kawasan sampel, kerana pada pendapat beliau pendedahan mengenai bahaya dadah telah dilakukan bermula di peringkat sekolah lagi yang mana turut diadakan ceramah dan pameran berkenaan dadah. Malah di media elektronik turut menerangkan tentang kesan dadah kepada manusia. Ini menunjukkan mereka tidak mempunyai ketahanan diri yang mantap untuk menentang keinginan terhadap najis dadah. Pada pandangan beliau ini semua bergantung kepada sikap dan tahap kematangan yang dimiliki oleh seseorang individu itu sendiri.

Punca 5: Disisihkan keluarga dan masyarakat.

Tanggapan buruk yang berterusan daripada masyarakat dan keluarga terhadap penagih atau bekas penagih dadah menyebabkan mereka ini akan merasa kecewa dan berputus asa untuk mengubah haluan hidup mereka. Dianggap sebagai sampah masyarakat dan akan menjadi penagih dadah seumur hidup menyebabkan mereka terus menerus di dalam gelombang bahaya najis dadah. Ini kerana mereka ini merasakan seolah-olah sudah tiada harapan dan selamanya akan merasa tersisih kerana tiada siapa yang ingin menjadi tempat untuk mereka menggantung harapan dan dan memberikan dorongan. Penyelidik bukan berkata kosong, kerana ianya terbukti apabila ianya diakui oleh Hisham, Hamid dan Anuar. Mereka ini bukannya tidak mempunyai keluarga dan saudara mara. Mereka ini bukannya tidak pernah serik di penjara dan di masukkan ke pusat serenti, cuma mereka ini kehilangan sokongan daripada ibu bapa, keluarga dan masyarakat. Hamid sudah lama menagih, namun beliau mempunyai pekerjaan dan pendapatan sendiri. Suatu ketika beliau kecewa apabila disisihkan keluarga. Duit hasil kerjanya ingin diberikan kepada keluarganya di tolak mentah-mentah oleh bapa dan adik beradiknya kerana merasakan duit itu datang dari hasil yang tidak halal.

Hisham tidak berhasrat untuk menagih dadah sepanjang hayatnya, namun beliau terus menerus dipinggirkan ibu bapa dan keluarga. Ini yang menyebabkan beliau kecewa. Sewaktu temubual dibuat bersama beliau, baru beberapa minggu sebelum beliau di terima semula oleh ibu bapa dan keluarga sedangkan sudah bertahun-tahun beliau berhenti menagih. Penerimaan semula beliau ke dalam keluarga dibantu oleh Persatuan Bekas-bekas Penagih (PENGASIH) Bakti Kasih, yang bertemu dengan kedua ibu bapa beliau untuk menyatakan bahawa anak beliau memang betul-betul sudah berubah. Nasib malang menimpa Anuar apabila beliau terus menerus disisih dan dipinggir keluarga dan masyarakat, melainkan seorang doktor dari Hospital Jerantut yang dikenali sebagai Doktor Chan dan beberapa rakan-rakan. Hatta sehingga nyawa beliau terpisah dari jasad kerana mengidap HIV positif, tiada dari kalangan ahli keluarga beliau yang mempedulikannya. Mujur ada Persatuan Bekas-bekas Penagih (PENGASIH) Bakti Kasih, yang membantu menguruskan jenazah beliau. Beliau bukannya tidak pernah berubah atau berusaha ke arah itu. Selama dua tahun beliau cuba berhenti menagih dadah dengan menyertai jemaah Tabligh. Namun beliau kembali semula menagih apabila terpengaruh dengan pujukan rakan-rakan yang masih menagih dadah.

Begitu juga apa yang dilalui oleh Riza, beliau sudah lama berhenti daripada menagih dadah. Namun hingga kini beliau terus dipandang serong oleh masyarakat. Nasib yang baik menyebelahi beliau apabila ibu bapanya masih menerima dan memberi sokongan kepada beliau. Seinggalah di saat ibu beliau menghembuskan nafas terakhir, beliau bertekad dan berjanji dengan diri sendiri bahawa beliau tidak akan sekali-kali kembali ke lorong hitam yang pernah beliau lalui sebelum ini. Azman yang tidak pernah mempedulikan pandangan masyarakat terhadap beliau kerana beranggapan setiap yang buruk itu akan selamanya dianggap buruk oleh masyarakat walaupun jika dihias yang buruk itu pasti akan menjadi indah. Namun beliau tidak pernah menyalahkan masyarakat dan keluarga, kerana jalan yang dilalui sebelum ini adalah jalan yang dipilih beliau sendiri. Walaupun dilabel dengan pelbagai nama-nama yang buruk, beliau akan terus meneruskan kehidupan. Beliau yakin bahawa beliau tidak akan boleh berubah sekiranya sepanjang masa mengharap sokongan orang lain. Yang paling penting pada beliau ialah hati.

Dari sini jelas sekali menggambarkan bahawa sokongan ahli keluarga dan masyarakat amat diperlukan dalam usaha memastikan penagih-penagih dadah dan bekas-bekas penagih dadah ini tidak terus hanyut dalam gelombang najis dadah atau kembali semula ke jalan yang salah.

Punca 6: Ibu bapa yang tidak prihatin / tidak ambil kisah.

Permasalahan ini adalah perkara biasa yang terjadi di mana-mana. Menurut seorang peneroka Felda yang menjadi sampel penyelidikan ini, ramai ibu bapa sekarang ini yang tidak mempedulikan atau mengambil kisah dengan aktiviti atau pekerjaan anak mereka. Apa yang mereka tahu mereka akan menerima duit belanja dari anak-anak mereka setiap bulan. Perkara ini memang jelas berlaku, apabila semua masyarakat di tanah rancangan ini mengetahui tentang aktiviti dan pekerjaan seorang anak peneroka Felda ini yang terlibat dengan aktiviti penjualan dan pengedaran dadah. Malah ketika menyelidik bertemu dengan peneroka tersebut yang dikenali sebagai Pak Arip, beliau menyalahkan pihak polis apabila melakukan tangkapan terhadap anak beliau. Beliau dengan penuh semangat mengatakan bahawa anak beliau tidak bersalah dan tidak pernah terlibat dengan aktiviti salah tersebut. Tetapi menurut Ketua Polis Balai, kawasan sampel, penangkapan anak peneroka tersebut bukannya dibuat dengan sewenang-wenangnya. Pihak polis telah melakukan intipan dan mengambil masa yang lama untuk mendapatkan maklumat sebelum membuat tangkapan tersebut. Namun, anak peneroka tersebut telah dibebaskan dengan ikat jamin yang dibuat oleh bapanya.

Punca kepada masalah ibu bapa yang tidak prihatin terhadap aktiviti anak-anak mereka juga boleh dilihat apabila kita kembali merenung sejarah kemasukan peneroka ke tanah rancangan Felda. Ini dinyatakan oleh Guru Penolong Kanan dan Hal Ehwal Murid Sebuah sekolah menengah berhampiran kawasan sampel. Beliau berpendapat, ketika mula-mula peneroka masuk ke tanah rancangan FELDA dahulu, mereka ini berada di dalam keadaan serba dhaif, mereka betul-betul berjuang demi keluarga dengan memberikan pengawasan dan perhatian yang sewajarnya terhadap anak-anak. Namun, setelah lama berada di tanah rancangan ini dan menikmati hasil yang telah mengubah

status ekonomi mereka, perhatian terhadap anak-anak mula berkurangan. Tambahan pula, apabila anak-anak mereka telah meningkat dewasa. Mereka mula mengenali pelbagai bentuk perwatakan manusia samada yang baik ataupun jahat. Semua ini akan mempengaruhi mereka dengan pelbagai cara walaupun individu itu baru sahaja dikenalnya dan tidak mustahil untuk anak-anak mereka terjebak dengan masalah penagihan dadah.

Punca 7: Latar belakang keluarga.

Daripada pengalaman sepanjang mengendalikan kes-kes pelajar bermasalah yang diceritakan oleh Guru Penolong Kanan dan Hal Ehwal Murid sebuah sekolah menengah berhampiran kawasan sampel, kebanyakan pelajar-pelajar yang terlibat dengan permasalahan disiplin dan sosial seperti masalah penagihan dan pengedaran dadah adalah disebabkan mereka mempunyai masalah dengan keluarga mereka, di antaranya ialah ibu atau bapa atau kedua-duanya sudah meninggal dunia, anak yang terlalu dimanjakan, ibu atau bapa yang malas bekerja, ibu bapa tidak memberi perhatian dan kasih sayang serta kehilangan orang yang dihormati mereka. Namun ia tidak boleh diguna pakai secara total kerana terdapat juga di kalangan mereka ini yang berasal dari keluarga yang dihormati dan terpelajar.

Apabila ditanya mengenai adakah berkemungkinan meningkatnya kes-kes penagihan dan pengedaran dadah di kalangan remaja dan belia tanah rancangan Felda ini disebabkan oleh desakan hidup, beliau telah menafikan telahan yang dibuat penyelidik. Ini kerana kita boleh melihat secara fizikalnya taraf hidup dan ekonomi peneroka tanah rancangan Felda ini semakin meningkat dari hari ke hari dengan pembesaran rumah yang dilakukan, perkakasan rumah yang tinggi nilai harganya malah mereka ini akan menerima gaji bulanan daripada pengurusan Felda hasil daripada tanaman yang diusahakan peneroka tanah rancangan ini. Tambahan pula apabila berlaku peningkatan harga terhadap hasil ladang seperti getah atau kelapa sawit. Secara rasionalnya tidak akan wujud alasan untuk seseorang warga peneroka tanah rancangan Felda ini terjebak dengan masalah penagihan dadah disebabkan oleh desakan hidup. Cuma mungkin mereka itu gagal untuk menguruskan kewangan mereka dengan cara yang baik.

Punca 8: Persekitaran.

Daripada temubual yang dilakukan terhadap bekas-bekas penagih yang berasal dari tanah rancangan Felda. Kesemuanya bersetuju bahawa persekitaran memainkan peranan dalam menjebakkan diri mereka ke dalam dunia penagihan dadah.

Menurut mereka situasi penempatan di tanah rancangan Felda yang tersusun dan berpusat menyebabkan aktiviti pengedaran dan penagihan dadah di kalangan remaja dan belia di tanah rancangan Felda ini mudah untuk menular. Ianya bertambah mudah jika ianya di sokong oleh rakan sebaya, kurang penguatkuasaan, kurang bimbingan dan kasih sayang, kurang kesedaran tentang bahaya dadah dan dipinggirkan orang terdekat seperti keluarga dan masyarakat. Berdasarkan pengakuan yang dibuat oleh Azman di tempat asal beliau dan isteri beliau, aktiviti perjudian atau bermain daun terup dan mengumpan rokok apabila ada majlis kenduri kendara menjadi seolah-olah perkara biasa. Tambahnya lagi, walaupun ianya tidak melibatkan pertaruhan, sepatutnya perkara sebegini tidak berlaku di dalam masyarakat tanah rancangan Felda. Tambahan pula nilai-nilai kasih sayang di dalam masyarakat tanah rancangan Felda sudah semakin ampuh. Mengulas mengenai konsep masyarakat penyayang yang semakin pupus di kalangan masyarakat tanah rancangan Felda, Pegawai Pembangunan Masyarakat Pejabat Felda Wilayah kawasan sampel mengatakan bahawa perkara itu ada benarnya jika ia dilihat setelah sistem blok sudah tidak diamalkan apabila berlaku penyerahan hak milik tanah kepada peneroka tanah rancangan Felda. Disebabkan itu pihak Felda kini cuba menerapkan kembali budaya kasih sayang dalam masyarakat di kalangan masyarakat dari tanah rancangan Felda melalui aktiviti kemasyarakatan, sukan dan budaya.

Persoalan 3: Bagaimana Mendapatkan Bekalan?.

Sebenarnya ada banyak sebab yang boleh memberikan pengaruh yang besar terhadap seseorang itu terlibat dengan masalah penagihan dadah. Namun apa yang selalu berlegar-legar dalam fikiran kita sekarang ini ialah, persoalan bagaimanakah caranya mereka ini mendapatkan bekalan dadah sedangkan jika kita sorot kembali kebanyakan dari mereka tidak mempunyai pekerjaan malah ada yang masih bersekolah.

Maka dari sini kita perlu sedar bahawa berbagai-bagai aktiviti jenayah yang boleh mereka lakukan apabila mereka terlibat dengan gejala dadah antaranya merompak, mencuri, meragut, menggadaikan anak isteri, maruah dan sebagainya. Menurut Azman, sepanjang beliau terlibat dengan penagihan dadah sudah beberapa kali beliau melakukan jenayah pecah kedai dan rumah berikutan ketiadaan wang untuk membeli bekalan dadah. Beliau juga mengakui bahawa ketika umur beliau 15 tahun beliau pernah tidur di dalam stor burger dan di bawah jambatan. Apabila ditanya dari mana beliau mendapatkan bekalan dadah tersebut, beliau berkata bahawa ianya boleh didapati dari sumber yang banyak. Beliau juga akan membuat perbandingan harga dari satu tempat dengan satu tempat yang lain bagi mendapatkan bekalan dadah yang rendah harganya.

Begitu juga dengan apa yang diakui oleh Hisham yang mengatakan pelbagai jenis jenayah yang telah beliau lakukan demi mendapatkan wang untuk membeli bekalan dadah. Menurut beliau hanya jenayah bunuh sahaja yang tidak pernah beliau lakukan. Begitu juga dengan apa yang dikatakan oleh Anuar dan Riza. Pelbagai jenis jenayah yang pernah mereka lakukan semata-mata untuk menyara hidup mereka dalam usaha memastikan mereka tidak terputus dari mendapat bekalan dadah. Menurut Hamid, beliau telah mempelajari teknik-teknik mendapatkan wang dengan cara mudah melalui pengalaman yang beliau lalui apabila pada suatu hari beliau memerhatikan gelagat seorang lelaki menyeluk saku di kawasan awam. Daripada situ beliau mula menjebakkan diri beliau dengan pelbagai aktiviti jenayah yang lain. Manakala menurut Edie beliau menggunakan wang gaji beliau untuk mendapatkan bekalan dadah.

Daripada pemerhatian dan pergaulan penyelidik dengan masyarakat Felda ini banyak keluhan yang di buat oleh peneroka Felda mengenai masalah kecurian hasil getah dan kelapa sawit. Berdasarkan pandangan yang diberikan oleh seorang pekerja di Pusat Pengumpulan Getah mengenai masalah kehilangan hasil ladang yang diusahakan peneroka ini sebagai sesuatu perkara yang biasa terjadi di mana-mana kawasan tanah rancangan Felda. Beliau membuat andaian punca berlakunya kes-kes kecurian hasil ladang ini berpunca dari dua sebab utama iaitu; sekiranya kecurian ini melibatkan penagih, maka hasil ladang yang dicuri biasanya sedikit kerana tujuan utamanya ialah untuk menampung sara hidup mereka termasuk untuk mendapatkan bekalan dadah. Manakala jika ianya dilakukan oleh mereka yang bukan dikategorikan sebagai penagih dadah, maka sewajarnya kita tahu bahawa ianya disebabkan kenaikan harga hasil ladang tersebut di dalam pasaran.

Manakala menurut seorang anak peneroka Felda ini, waktu yang biasanya pencuri-pencuri hasil ladang ini membuat aktiviti jenayah mereka ini ialah dalam sekitar jam 11.00 pagi hingga 3.00 petang, yang mana kebanyakan dari peneroka-peneroka Felda sedang berehat apabila pulang dari ladang. Beliau yang masih bersekolah di tingkatan lima, terpaksa meronda di kawasan ladang milik ayah beliau setelah beliau pulang dari sekolah bagi memastikan hasil ladang ayah beliau tidak dicuri. Setakat mana yang diperolehi penyelidik ialah pada suatu ketika sekitar jam 2.00 pagi, terdapat beberapa buah kereta berulang alik melalui kawasan simpang di warung Mak Long. Namun tidak dapat dipastikan ke mana mereka pergi. Namun, di antara kelibat yang dapat dikenalpasti ialah sebuah kereta jenis proton Wira Aeroback milik anak seorang peneroka yang dikatakan terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah.

Persoalan 4: Kempen dan Penguatkuasaan Undang-undang.

Persoalannya di sini adakah kempen-kempen yang dijalankan kerajaan mengenai bahaya dadah dan akta-akta yang diwujudkan oleh kerajaan tidak berjaya untuk mencegah dan menakutkan mereka yang belum terlibat dengan penagihan dadah ini ataupun penagih dan pengedar dadah itu sendiri?. Daripada temubual yang dilakukan penyelidik, ini adalah jawapan mereka.

Temubual 1: Penolong Pengurus Bakti Kasih (PENGASIH) Temerloh .

Beliau yang merupakan seorang bekas penagih dadah 'Hardcore', berpendapat bahawa masalah penagihan dadah ini tidak akan selesai dengan sendirinya. Tindakan yang dikenakan oleh pihak berkuasa dengan mengenakan hukuman penjara, pusat serenti dan pusat pemulihan akhlak kepada penagih-penagih ini tidak berjaya menampakkan kesan. Pada pandangan beliau sistem pemulihan di dalam penjara yang ada sekarang perlu diperbetulkan bagi memastikan mereka ini tidak terus hanyut dalam dunia yang mereka cipta sendiri. Beliau juga mengatakan bahawa tidak wujud kesungguhan kerajaan dalam usaha menangani masalah penagihan dadah yang melanda rakyat Malaysia ketika ini khususnya yang melibatkan remaja dan belia yang berasal daripada tanah rancangan Felda, terutamanya dari segi penguatkuasaan undang-undang.

Temubual 2: Pengetua sebuah sekolah menengah berhampiran kawasan sampel.

Kempen mengenai bahaya dadah mesti diteruskan, kaedahnya mesti dipelbagaikan dan pendekatan agama mesti diutamakan. Hiburan mesti di bawah kawalan supaya tidak melampaui batasan. Pada pandangan beliau kebebasan yang melampau sepatutnya dikawal. Selaku pengetua sekolah beliau berpendapat program dalaman (di sekolah) mesti diteruskan walaupun keadaan di luar sana terdapat pelbagai program hiburan yang boleh menjerumuskan remaja dan belia Felda ke arah perkara-perkara negatif. Secara peribadi beliau mengatakan bahawa undang-undang di Malaysia itu ada dan ianya dilaksanakan, tetapi keberkesannya itu tiada kerana ianya melibatkan manusia yang tidak amanah dengan undang-undang yang telah diwujudkan. Hal ini menyebabkan ianya longgar dan nampak seperti tidak berfungsi.

Temubual 3: Anuar (Bekas Penagih)

Sikap ingin mencuba yang wujud dalam diri beliau ketika mula terlibat dengan penagihan dadah lebih banyak mendorong beliau daripada takut kepada penguatkuasaan undang-undang yang telah diwujudkan kerajaan. Pada beliau kempen bahaya dadah yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan selama ini tidak memberikan banyak kesan kepada beliau untuk menjauhkan diri dari najis dadah.

Temubual 4: Riza (Bekas Penagih)

Pada pandangan beliau, hukuman dan kempen yang dijalankan di negara Malaysia pada hari ini tidak akan memberikan kesan yang maksimum kepada penagih-penagih dadah ini sekiranya tidak wujud di dalam hati dan fikiran mereka keazaman yang kuat untuk berhenti dari penagihan dadah. Berdasarkan pengalaman beliau apabila beliau keluar dari penjara atau pusat serenti tidak pernah wujud rasa keinsafan dan keinginan untuk berubah mahupun merasa menyesal dengan kesalahan yang telah dilakukan selama ini. Dari beberapa temubual yang dibuat oleh penyelidik ini, ianya jelas menggambarkan bahawa kempen dan penguatkuasaan undang-undang yang dilaksanakan kerajaan gagal mencapai matlamat yang telah ditetapkan samada pada diri seorang yang bergelar penagih dadah ataupun pada mereka yang masih belum mengenali mengenai apakah itu dadah. Mungkin ianya perlu diperkukuhkan lagi ataupun cara perlaksanaannya perlu diubah berdasarkan keadaan dan kehendak semasa.

Persoalan 5: Peranan FELDA.

Persoalannya adalah adakah pihak pentadbiran Felda tidak menyedari mengenai hakikat masalah penagihan dadah yang melanda masyarakat di tanah rancangan Felda, ataupun mereka sengaja lepas pandang dan apakah peranan yang dimainkan oleh mereka untuk membanteras gejala ini?.

Penyelidik berpeluang untuk menemuramah 2 orang pegawai Pejabat Felda Wilayah kawasan sampel iaitu Pegawai Pembangunan Masyarakat dan Pegawai Tadbir

Pembangunan Masyarakat. Berdasarkan temubual yang dijalankan penyelidik mendapati bahawa tanah rancangan Felda yang menjadi sampel penyelidikan ini terletak di bawah pentadbiran Pejabat Felda Wilayah kawasan sampel bersama dengan 36 buah tanah rancangan Felda yang lain. Menurut mereka Felda sentiasa mengambil berat mengenai isu-isu gejala sosial yang sering dikaitkan dengan remaja dan belia dari tanah rancangan Felda. Atas dasar itulah maka Felda mengambil inisiatif dengan menubuhkan Jawatankuasa Menangani Isu di setiap rancangan. Ia merangkumi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK), Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Rancangan (JKKR), Gerakan Pembangunan Wanita (GPW), Persatuan Belia, RELA dan Jawatankuasa Masjid. Jawatankuasa-jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti bagi menangani gejala sosial yang melanda anak-anak peneroka tanah rancangan Felda pada hari ini. Sehingga pertengahan 2006 sebanyak 58 aktiviti telah dilaksanakan antaranya aktiviti yang berbentuk kepimpinan, ceramah, motivasi, sukan dan pelbagai aktiviti lain yang mendapat kerjasama daripada organisasi dan institusi kerajaan seperti polis, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Penjara dan Pusat Serenti.

Ditanya mengenai permasalahan merokok di kalangan anak-anak muda tanah rancangan Felda yang masih belajar, penyelidik telah mendapat jawapan yang menggambarkan seolah-olah perkara itu bukan lagi masalah besar yang perlu diambil berat. Menurut mereka masalah merokok di kalangan pelajar sekolah merupakan satu masalah yang biasa berlaku di mana-mana. Walaubagaimanapun pihak Pejabat Felda Wilayah kawasan sampel dan pihak pengurusan di setiap rancangan Felda mempunyai rekod-rekod pelajar yang terlibat dengan gejala seperti ini. Pihak PFW juga meminta setiap pengurus rancangan Felda, JKKK dan JKKR untuk membantu dalam menyelesaikan masalah seperti ini. Dalam temubual ini, penyelidik telah mengaitkan masalah pengangguran yang melibatkan 876 orang belia di seluruh tanah rancangan Felda Wilayah tersebut dengan masalah penagihan dadah. Bagi menjawab persoalan tersebut Pegawai Tadbir Pembangunan Masyarakat Pejabat Felda Wilayah kawasan sampel telah menjelaskan mengenai tindakan yang telah diambil oleh pihak pengurusan Felda untuk mengani masalah tersebut antaranya ialah peruntukan RM 5 000.00 untuk setiap anak

peneroka yang kurang cemerlang dalam pelajaran untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang latihan kemahiran. Melalui Skim Intensif Usahawan Felda (SIUF) pihak pengurusan Felda telah menyediakan pinjaman untuk anak-anak peneroka Felda terlibat dalam bidang keusahawanan dan perniagaan. Namun amat menyedihkan apabila hanya 30% sahaja daripada golongan peneroka dan anak-anak peneroka yang telah memohon untuk mendapatkan peruntukkan tersebut.

Berdasarkan temubual yang telah dilakukan, penyelidik mendapat maklumat bahawa pihak pengurusan Felda sentiasa berusaha membantu bekas-bekas penagih dadah mengubah cara hidup mereka. Malah adakalanya pihak pengurusan Felda sendiri meminta bekas penagih tersebut untuk memberi kesedaran kepada belia dan masyarakat di rancangan Felda mengenai bahaya dan keburukan dadah. Pihak pengurusan Felda juga sentiasa menjalin kerjasama yang erat dengan pihak polis dalam segala hal yang berkaitan dengan masalah sosial yang melibatkan masyarakatnya. Perkara ini disokong oleh Ketua Polis Balai, kawasan sampel. Sebagai makluman sehingga pertengahan tahun 2006, 2 buah tanah rancangan Felda telah diisytiharkan sebagai tanah rancangan Felda yang bebas daripada masalah dadah. Menurut Pegawai Pambangunan Masyarakat PFW tersebut yang dimaksudkan dengan bebas dadah ialah jumlah penagih dadah yang terdapat di tanah rancangan Felda tersebut kurang daripada 0.5%. Pihak pengurusan Felda juga telah mensasarkan matlamat tahun 2010 sebagai tahun Felda bebas dari dadah.

4.2 MELEPAK, MEROKOK DAN PONTENG SEKOLAH

Persoalan 1: Permasalahan

Menurut Pengurus Felda ini, antara aktiviti kurang sihat yang berlaku di kawasan penyelidikan ialah aktiviti lepak. Aktiviti ini melibatkan semua golongan samada warga peneroka, belia, remaja dan wanita. Daripada pemerhatian penyelidik, mendapati bahawa terdapat segelintir golongan peneroka yang lebih gemar menghabiskan masa di kedai-kedai kopi dan warung-warung di sekitar kawasan penempatan Felda. Masa yang terluang dibazirkan dengan berbual-bual kosong, merokok atau berkaraoke. Manakala aktiviti ponteng sekolah yang melibatkan remaja dari tanah rancangan ini memang berlaku yang mana kebiasaannya melibatkan pelajar dari peringkat sekolah menengah. Secara keseluruhannya, lokasi yang dikenalpasti menjadi tempat utama untuk aktiviti-aktiviti ini ialah warung-warung, kedai runcit, kedai makan, ladang-ladang, pusat-pusat bandar dan kawasan lapang.

Bagi masalah melepak dan merokok, di sampel penyelidikan ini dapat dilihat terdapat warung yang dibuka seawal jam 6:00 pagi. Suasana menjadi semakin rancak apabila jam menunjukkan jam 10:00 pagi dan ke atas. Ketika ini, kelihatan ramai dari mereka ini pulang daripada menoreh getah di ladang. Mereka berhenti seketika untuk melepaskan lelah sambil memesan minuman dan makanan terutamanya teh tarik dan roti canai sambil merokok. Sekiranya pada hari itu, ada di kalangan mereka yang baru sahaja menjual getah, mereka dengan bermurah hati akan membayar harga makanan dan minuman pelanggan warung yang lain. Pada ketika penyelidikan ini dijalankan, para peneroka getah sedang menikmati harga yang lumayan untuk hasil getah mereka.

Terdapat juga sebilangan peneroka ini yang bergelar "orang kaya baru" setelah kawasan ladang mereka dibeli untuk pembinaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT). Menurut seorang peneroka yang dikenali sebagai Pak Mail, antara jumlah yang pernah diterima oleh salah seorang peneroka di situ ialah RM300,000.00 yang mana ianya melibatkan sebahagian besar kawasan ladangnya. Menurutnya, ada yang semakin baik kehidupan

mereka setelah menerima pampasan tersebut tetapi tidak kurang juga yang semakin menderita. Katanya lagi "Bila duit sudah banyak, ramai orang ingin mengaku saudara dan mula ingin menumpang sekaki". Sepanjang pemerhatian penyelidik, sambil mereka ini minum dan merokok, mereka akan membincangkan mengenai pelbagai topik samada berkenaan isu semasa, harga sawit dan getah serta tidak terlepas juga berkenaan perkahwinan Siti Nurhaliza dan Datuk K. Golongan peneroka ini memang hebat dalam memberi pendapat dan pandangan terhadap isu semasa, malangnya luahan mereka itu hanya setakat di kedai-kedai kopi sahaja dan tidak dibawa ke pihak yang sepatutnya. Malah ada individu yang menceritakan masalah rumahtangga kepada rakan-rakan yang lain secara terbuka.

Sepanjang penyelidik menjalankan penyelidikan di Felda ini, memang ada kelihatan individu di kalangan peneroka yang langsung tidak bekerja. Individu ini, hanya melepak daripada pagi hingga ke malam. Setelah puas melepak dia akan berjalan dan merayau-rayau di sekeliling kampung. Peneroka tersebut dikenali sebagai Pak Omar. Menurut seorang peneroka lain yang dikenali sebagai Pak Mail, kehidupan Pak Omar menjadi begitu setelah bercerai dengan isterinya. Isterinya pula enggan keluar daripada rumah dan tidak mahu kembali ke rumah ibubapanya. Malah, anak dan menantu Pak Omar turut tinggal bersamanya. Apabila ditanya kepada Pak Omar mengapa dia selalu berjalan kaki. Katanya, anak lelakinya yang kerja di Bukit Aman tidak benarkan dia menunggang motosikal. Takut berlaku kemalangan sekali lagi. Inilah salah satu senario yang berlaku di Felda ini. Ini pula cerita tentang peneroka kelapa sawit. Mereka juga tergolong juga antara peneroka yang terlibat dengan aktiviti melepak di warung. Golongan ini lebih ramai berbanding peneroka getah. Mereka memang tak perlu bersusah payah lagi sekarang. Segala urusan berkenaan ladang semua sudah diserahkan kepada pihak pengurusan Felda sepenuhnya dan diusahakan oleh buruh-buruh Indonesia yang dibawa masuk melalui Felda. Apa yang mereka tahu, setiap bulan mereka akan menerima gaji lebih kurang RM 1 000.00 hasil daripada ladang yang dikerjakan oleh buruh-buruh Indonesia tersebut.

Pada waktu petang, keadaan bertambah meriah dengan aktivi melepak dan bermotosikal. Terdapat juga golongan belia yang bertumpu di kawasan tepi padang. Di kawasan itu, mereka berbual-bual kosong sesama rakan yang lain sambil memerhatikan rakan-rakan belia yang lain bermain bola. Permainan bola sepak dilihat antara aktiviti kegemaran belia di sini selain permainan sepak raga. Malah, pasukan belia Felda ini turut menghantar wakil untuk menyertai pertandingan yang dianjurkan di kawasan berhampiran. Pada waktu itu aktiviti melepak dan merokok turut melibatkan golongan buruh asing. Kebiasaannya mereka melepak di suatu kawasan lapang berhampiran pejabat Felda di Blok N. Di kawasan ini turut dibina sebuah penempatan untuk kelompok mereka. Menurut Pengerusi JKKK Felda ini, buruh-buruh ladang ini dikawal dan diarahkan supaya tidak sesuka-hati keluar daripada kawasan mereka. Ini bertujuan untuk mengawal aktiviti mereka dan mengelakkan daripada menjadi mangsa tuduhan penduduk setempat jika berlaku jenayah seperti kecurian dan sebagainya. Mereka hanya dibenarkan keluar daripada kawasan penempatan untuk mendapatkan barang keperluan dan makan di kawasan yang berhampiran sahaja.

Pada waktu malam pula, suasana Felda ini menjadi semakin meriah dengan golongan remaja lelaki bermotosikal ke hulu ke hilir tanpa arah tujuan sambil merokok. Ada sebahagian daripada mereka merupakan pelajar sekolah. Setelah puas meronda-ronda di sekitar kampung, mereka akan berhenti di simpang empat berhampiran warung Mak Long. Warung Mak Long memang menjadi tempat lepak mereka pada waktu malam. Tambahan pula di situ, ada seorang peneroka yang dikenali sebagai Pak Meran yang menjual kad prabayar. Pak Meran memang mempunyai ramai pelanggan. Walaupun kedai lain ada menjual kad tersebut, tapi ramai penduduk lebih gemar membeli daripada Pak Meran. Tak tahulah apa yang istimewa sangat dengan dirinya. Malahan, "Mat-mat Indon" pun berurus niaga dengannya. Di hadapan warung Mak Long pula, terdapat sebuah gerai burger yang diuruskan oleh seorang pelajar sekolah yang dikenali sebagai "Kojan". Rakan-rakan sekolahnya bersama-sama melepak dan merokok di kawasan itu. Golongan peneroka dan belia pula lebih gemar melepak di sebuah kedai makan yang menyediakan khidmat karaoke. Tambahan pula di kedai itu, ada seorang gadis yang bijak menarik perhatian pelanggan-pelanggan lelaki di situ. Kadangkala, dia turut berkaraoke bersama

pelanggan-pelanggan yang lain. Namun, aktiviti karaoke hanya bermula pada jam 11.00 malam. Sebelum itu, para pelanggan yang memenuhi kedai tersebut hanya menonton televisyen.

Kebiasaannya aktiviti melepak pada setiap malam akan berakhir pada jam 11.00 malam. Selepas itu, jumlah pelanggan mula berkurangan dan masing-masing pulang ke rumah untuk berehat. Mereka yang ingin berkaraoke melanjutkan aktiviti malam mereka sehingga jam 1.00 pagi. Dengan bayaran RM0.50 satu lagu, mereka boleh memilih lagu-lagu kegemaran mereka dari era 60-an, 70-an, 80-an hingga kini. Terdapat sebuah lagi kedai yang menyediakan perkhidmatan karaoke. Kedai tersebut terletak berhampiran dengan simpang masuk utama ke tanah rancangan Felda ini. Walaubagaimanapun ianya hanya beroperasi pada waktu malam sahaja. Daripada pemerhatian yang dibuat penyelidik mendapati bahawa kedai tersebut dikunjungi oleh kebanyakan golongan remaja bermotor daripada luar kawasan Felda ini. Namun, tidak semua yang datang untuk tujuan karaoke, ada juga yang datang untuk minum dan berbual-bual kosong bersama rakan-rakan.

Selain daripada itu, golongan wanita juga turut terlibat dengan aktiviti lepak ini. Tetapi ia hanya berlaku di sekitar kawasan rumah sahaja. Manakala golongan remaja perempuan pula lebih gemar membonceng motosikal bersama rakan-rakan yang lain dan meronda di sekitar kawasan perumahan. Namun, golongan ini dilihat masih terkawal dan berlaku pada jumlah yang kecil. Sebuah lagi lokasi yang menjadi tumpuan untuk aktiviti lepak di Felda ini ialah di sebuah kedai yang menjual peralatan memancing. Kedai ini menjadi tempat lepak bagi golongan peneroka dan belia pada waktu petang dan malam. Tambahan pula, kedai ini berhampiran dengan sebuah kedai yang menyediakan karaoke kepada penduduk. Pada waktu petang, kawasan lapang di hadapan kedai pancing ini menjadi tumpuan sekumpulan belia untuk bermain sepak raga. Manakala pada waktu malam pula, golongan belia akan melepak dan berbual-bual kosong. Sekali-sekala terdapat juga yang singgah sebentar bermain dart yang diletakkan di satu sudut kedai tersebut. Menurut Pengerusi JKKK Felda ini, kedai tersebut beroperasi di bawah Kelab Pancing yang ditubuhkan oleh pengurusan Felda setempat.

Manakala bagi masalah merokok pula, hasil daripada pemerhatian dan temubual yang dilakukan penyelidik dengan masyarakat tanah rancangan dan bekas-bekas penagih, kebanyakan mereka berpendapat kebiasaannya permulaan yang menyebabkan seseorang itu terlibat dengan penagihan dadah adalah disebabkan mereka telah mula mengenal rokok samada ketika itu mereka berada diperingkat umur kanak-kanak, remaja ataupun golongan tua. Buktinya, penyelidik telah menemuramah dengan salah seorang bekas penagih wanita yang dikenali sebagai Riza. Dalam temuramah itu beliau menceritakan detik permulaan beliau terlibat dengan penagihan dadah pada suatu ketika dahulu adalah dengan merokok. Beliau merokok sejak berumur 12 tahun. Pendapat ini juga disokong oleh bekas-bekas penagih yang lain seperti Hamid, En.Hashim Said, Anuar, Azman dan beberapa orang lagi bekas penagih. Menurut mereka, memang tidak dapat dinafikan amalan menghisap rokok akhirnya boleh membawa mereka kepada penagihan dadah dan seterusnya juga membawa kepada melakukan kesalahan jenayah yang lain seperti merompak, mencuri, menyamun, peras ugut, penzinaan, pembunuhan dan sebagainya. Penyelidik juga mendapati, kebanyakan daripada perokok ini adalah dikalangan lelaki, namun tidak dinafikan terdapat juga golongan wanita yang merokok, tetapi hanya sebilangan kecil sahaja.

Amalan merokok di kalangan masyarakat Felda ini seringkali dilihat penyelidik apabila mereka bekerja di ladang, ketika melepak di tepi jalan dan kedai-kedai makan dan runcit. Sepanjang pemerhatian, penyelidik mendapati ada juga pelajar sekolah yang mencuri masa untuk merokok ketika dalam perjalanan pergi dan pulang daripada sekolah. Penyelidik sendiri pernah memerhatikan gelagat sekumpulan pelajar lelaki yang turun dari bas sambil bergelak ketawa dan merokok sewaktu pulang dari sekolah. Hal ini juga pernah dialami oleh Pengetua Sebuah sekolah menengah berhampiran kawasan sampel ketika mana beliau dalam perjalanan ke sekolah, secara kebetulan beliau memandu kenderaan di belakang seorang pelajar sekolahnya yang mana ketika itu, pelajar tersebut sedang merokok. Perkara yang sama juga berlaku di kalangan jemaah yang datang menunaikan solat berjemaah di masjid. Mereka ini menggunakan masa terluang di antara

maghrib dan isya' serta sebelum menunaikan solat Jumaat untuk merokok walaupun kawasan masjid telah diwartakan sebagai kawasan larangan merokok.

Menceritakan mengenai perilaku anak didiknya, pengetua Sebuah sekolah menengah berhampiran kawasan sampel mengatakan sebahagian daripada 600 orang pelajarnya terdiri daripada generasi kedua dan ketiga peneroka di tanah rancangan Felda tersebut. Beliau mengakui bahawa beliau pernah beberapa kali berjaya menangkap sekumpulan pelajar yang didapati melakukan kesalahan ponteng sekolah ketika sedang berkumpul di dalam ladang sambil merokok dan dalam keadaan masih berpakaian seragam sekolah. Menurut beliau, kesemua daripada pelajar yang ditangkapnya itu mengakui bahawa setiap pagi ibu bapa mereka akan menghantar mereka ke simpang yang merupakan jalan masuk utama ke Felda tersebut. Di simpang itulah bas sekolah setiap pagi akan menunggu anak-anak peneroka ini untuk menjalankan amanat yang diberikan ibu bapa mereka untuk menuntut ilmu di sekolah. Malang buat ibu bapa mereka, kerana amanat yang diberikan kepada anak-anak mereka telah dikhianati saban hari tanpa mereka sedar.

Tidak diketahui apa sebabnya mereka ini lebih suka berkumpul bersama rakan-rakan di kawasan yang tersembunyi dari pandangan mata kasar orang ramai, seperti di sungai, ladang dan pondok-pondok buruk daripada memanfaatkan masa mereka dengan menuntut ilmu. Malah ada di kalangan mereka yang berani menonjolkan diri mereka dengan melepak di pusat bandar berdekatan, cybercafe, pusat-pusat membeli belah dan perhentian bas. Selain daripada mereka membuang masa mereka di sini dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah, mereka akan menghabiskan masa mereka dengan merokok, merayap ke sana sini malah mereka boleh tidur di mana tempat yang mereka rasakan sesuai. Guru Penolong Kanan dan Hal Ehwal Murid sekolah yang sama pula berpendapat kebiasaannya aktiviti ponteng sekolah ini dijalankan secara berkumpulan atau lebih daripada seorang. Mengulas mengenai tindak balas ibu bapa apabila pihak sekolah mengajukan mengenai kesalahan disiplin yang dilakukan oleh anak-anak mereka, seringkali pihak sekolah yang disalahkan semula.

Penyelidik telah mengambil peluang keluar ke bandar berdekatan kawasan sampel pada hari Khamis jam 10.00 pagi untuk memastikan adakah wujud fenomena ponteng sekolah di daerah ini. Benarlah telahan penyelidik bahawa budaya ponteng sekolah bukanlah perkara asing di setiap pelusuk negara, tanpa mengira ianya pelajar yang datang dari sekolah-sekolah di bandar ataupun sekolah-sekolah luar bandar. Sepanjang pemerhatian pada hari itu penulis melihat sekumpulan 5 orang pelajar lelaki dan 2 orang pelajar perempuan berkeliaran di tengah-tengah pusat bandar tersebut. Apa yang memelikkan penyelidik, pada waktu tersebut jam menunjukkan pukul 11.30 pagi. Mereka yang masih berpakaian seragam sekolah bermundar-mandir di sekitar pusat bandar tersebut sambil tercucuh rokok di mulut mereka.

Penyelidik cuba mendekati mereka untuk menyelami hati dan permasalahan mereka namun tidak mendapat kerjasama yang baik daripada mereka. Kemudian penyelidik menemubual seorang pelajar tahun satu sebuah politeknik di negeri Terengganu yang kebetulannya berada berhampiran dengan penyelidik. Jawapan pertama yang diberikan beliau mengenai permasalahan ponteng sekolah tersebut amat memeranjatkan penyelidik. Jawapan beliau yang berbunyi 'kalau hendak ponteng sekolah sekalipun, janganlah sampai orang nampak'. Ini bermakna pada beliau seolah-olah ponteng sekolah itu dibolehkan sekiranya tiada orang lain yang mengetahuinya. Beliau mula membetulkan kenyataannya sambil tersenyum apabila menyedari kesilapan pada jawapan yang diberikannya dengan mengatakan 'kalau orang tak nampak pun tak boleh juga'.

Secara keseluruhannya, setelah diamati ketiga-tiga masalah ini, penyelidik merasakan bahawa kesemuanya mempunyai perkaitan. Bagi masalah melepak dan merokok, tidak dapat dinafikan bahawa ianya melibatkan mereka yang bergelar peneroka, belia dan remaja tanpa mengira jantina, peringkat umur dan taraf pendidikan. Manakala bagi aktiviti ponteng sekolah yang berlaku di Felda ini pula, penyelidik mendapati bahawa kebanyakannya melibatkan pelajar sekolah di peringkat menengah.

Persoalan 2: Punca

Di antara sebab utama berlakunya masalah melepak, merokok dan ponteng sekolah di kalangan peneroka, belia serta remaja di Felda ini ialah disebabkan sikap segelintir daripada mereka yang tidak mahu bekerja atau belajar dan suka membuang masa dengan melakukan aktiviti yang tidak mendatangkan hasil yang berfaedah.

Pada pandangan penyelidik, warga peneroka perlu lebih produktif dan lebih berdaya maju. Walaupun ladang mereka telah diuruskan oleh Felda, mereka sepatutnya mencari inisiatif lain untuk menambah lagi pendapatan. Namun, kebanyakan mereka lebih gemar untuk goyang kaki sahaja. Terdapat seorang peneroka menyatakan pendapatnya bahawa, "dalam usia yang meniti senja ini, tidak perlulah mereka bekerja terlalu kuat. Lagipun pihak Felda telah menyediakan buruh asing untuk mengusahakan ladang kami. Apa yang dibayar oleh Felda dirasakan sudah cukup untuk menampung perbelanjaan harian. Tambahan pula anak-anak semuanya sudah bekerja dan berkeluarga". Mengulas mengenai pendapat tersebut Guru Penolong Kanan sebuah sekolah menengah berhampiran kawasan sampel berpendapat, sebenarnya inilah masalah yang sedang membelenggu golongan muda di tanah rancangan Felda sekarang. Perkara ini berlaku kerana sikap malas yang terlalu menebal di dalam diri mereka. Bagi golongan belia pula, mungkin setelah melihat pendapatan ibubapa daripada hasil ladang yang sudah mencukupi, maka mereka merasakan tidak perlu lagi untuk mereka bekerja. Malah mereka boleh bergantung harap dengan ibubapa masing-masing.

Suasana rumah yang membosankan juga boleh menyumbang kepada berlakunya gejala melepak di Felda ini. Daripada pengalaman penyelidik yang dibawa ke rumah seorang belia yang dikenali sebagai Man, menunjukkan suasana rumahnya yang sunyi sepi kerana ibu dan bapanya bekerja di ladang pada waktu pagi. Manakala di satu sudut pula, kelihatan adik lelakinya sedang tidur. Dengan suasana yang begitu, tidak mungkin dia sanggup tinggal lama di dalam rumah. Namun, kadangkala dia turut membantu ibubapanya di ladang. Manakala bagi golongan pelajar pula, selepas waktu sekolah mereka pasti menggunakan waktu tersebut untuk bertemu rakan-rakan dan berbincang

tentang aktiviti harian. Mereka akan bertemu di tempat-tempat tertentu seperti kawasan simpang, kedai atau rumah rakan-rakan tertentu.

Dalam pemerhatian penyelidik mereka ini lebih gemar berkumpul di kawasan yang jauh dari rumah bagi mengelakkan daripada diawasi oleh ibubapa. Apabila di luar kawasan, remaja ini mula menunjuk belang dengan menunggang motosikal dengan laju dan menunjukkan aksi yang merbahaya. Berbicara mengenai punca dan permasalahan ponteng sekolah di kalangan pelajar sekolah yang datang dari Felda ini, penyelidik tidak dapat memberikan secara terperinci mengenai punca dan sebabnya. Walaubagaimanapun hasil dari perbualan tidak formal dengan beberapa orang pelajar sekolah, penyelidik mendapati bahawa ada beberapa sebab yang menjadi punca kenapa pelajar malas ke sekolah, antaranya ialah, tiada minat untuk belajar, bosan dengan guru dan pengaruh rakan-rakan.

Itu adalah di antara punca bagi masalah melepak, merokok dan ponteng sekolah di kalangan peneroka, belia dan remaja Felda ini yang dikenal pasti penyelidik sepanjang membuat pemerhatian untuk penyelidikan ini di buat. Namun penyelidik yakin bahawa ada banyak lagi sebab yang mendorong untuk permasalahan ini berlaku.

4.3 PERJUDIAN

Persoalan 1: Permasalahan

Aktiviti perjudian adalah antara masalah sosial yang wujud di kawasan penyelidikan ini. Menurut maklumat daripada seorang peniaga kedai makan yang dikenali sebagai Abang Din, aktiviti perjudian yang aktif pada waktu ini ialah dalam bentuk pembelian nombor ekor.

Menurut beliau lagi, pada suatu ketika, wujud juga sekumpulan peneroka yang melakukan aktiviti perjudian dalam bentuk permainan kad. Namun berdasarkan maklumat seorang remaja, aktiviti itu kini sudah tiada. Daripada pemerhatian penyelidik, aktiviti pembelian nombor ekor dilihat begitu berleluasa malah ia dibicarakan secara terbuka di khalayak ramai. Aktiviti ini melibatkan golongan peneroka dan belia. Salah satu cara untuk mereka ini membuat tekaan sebelum membeli nombor ekor ialah dengan merujuk kepada nombor pendaftaran motosikal atau kereta yang keluar masuk di kawasan Felda tersebut. Masalah ini dilihat agak serius sehingga ada di kalangan peneroka yang menyimpan nombor yang telah keluar ke dalam telefon bimbit mereka.

Menurut Abang Din, ada seorang peneroka yang mampu membeli kereta Kelisa secara tunai hasil daripada hadiah yang diperolehi melalui pembelian nombor tersebut. Menurutnya lagi, peneroka tersebut begitu megah dengan kejayaannya itu dan menghebahkan kepada orang kampung. Akibatnya, dia dipandang serong oleh masyarakat dan hubungannya dengan penduduk yang lain mulai renggang. Sejak daripada itu, sikapnya mula berubah dan dia malu untuk bergaul, "kalau datang minum di sini pun, dia hanya duduk sekejap sahaja, selepas itu terus balik rumah". Daripada maklumat yang diperolehi, lokasi untuk melakukan aktiviti perjudian ialah di sebuah rumah kosong bersebelahan kedai D'mart Felda di mana ianya merupakan rumah salah seorang dari penyelidik ditempatkan. Maklumat ini diperolehi oleh penyelidik melalui seorang remaja yang dikenali sebagai Fauzi. Hal ini diperkukuhkan dengan penemuan satu set daun terup yang ditemui di dalam sebuah almari di dalam sebuah bilik di rumah tersebut. Lebih

memeranjatkan lagi, aktiviti ini turut disertai oleh pekerja D'mart Felda tersebut. Individu lain yang terlibat tidak dapat dipastikan kerana pada ketika itu penyelidik baru sahaja tiba di kawasan tersebut dan tidak lama kemudian Fauzi pula telah berhenti kerja dan sukar untuk ditemui.

Berdasarkan temubual yang dibuat bersama Azman iaitu anak jati Felda ini, memang boleh diperhatikan terdapat golongan peneroka yang bermain daun terup pada majlis kenduri kahwin di awal pagi. Walaupun ia tidak melibatkan pertaruhan, namun ia boleh membawa kepada bentuk-bentuk perjudian apabila golongan ini mula seronok dengan permainan ini. Selain itu penyelidik juga mendapat maklumat daripada seorang pengusaha kedai makan bahawa kebanyakan daripada remaja dan belia Felda ini membeli nombor ekor atau nombor ramalan itu di sebuah Felda bersebelahan dengan Felda ini. Menurut beliau lagi, aktiviti itu dijalankan di dalam ladang dan ianya didalangi oleh seorang yang berbangsa Cina. Menurut beliau lagi, ada juga di kalangan mereka ini yang membeli nombor ramalan itu di bandar-bandar berhampiran. Percaya atau tidak, penyelidik pernah terdengar perbualan belia Felda ini yang tidak mampu untuk berkahwin kerana ketiadaan wang disebabkan wangnya dilaburkan dengan aktiviti perjudian.

Dari sini adalah jelas untuk digambarkan bahawa hakikat sebenarnya masalah perjudian itu memang wujud di kalangan masyarakat dan belia Felda yang menjadi sampel penyelidikan ini dijalankan. Walaubagaimanapun ianya berada pada tahap berjaga-jaga kerana ianya tidak dilakukan secara terang-terangan.

Persoalan 2: Punca

Daripada perbualan secara tidak langsung bersama seorang pengusaha kedai makan yang dikenali sebagai Abang. Din, beliau mendedahkan antara sebab berlakunya aktiviti perjudian berbentuk pembelian nombor ramalan ialah didorong oleh keinginan individu tersebut untuk membeli kereta atau melangsaikan hutang kereta. Ini merupakan satu realiti yang berlaku di Felda ini. Malah, pernah pada suatu ketika seorang peneroka memenangi wang pertaruhan tersebut dalam jumlah yang besar menggunakannya untuk membeli sebuah kereta baru secara bayaran tunai. Menurut beliau lagi mungkin segelintir daripada mereka menganggap tidaklah menjadi satu kesalahan atau dosa bagi mereka selagi wang haram tersebut tidak digunakan untuk membeli makanan dan menjadi darah daging mereka. Hakikatnya, anggapan itu sama sekali tersasar kerana apa saja bentuk hasil daripada sumber yang tidak halal tidak akan diberkati dan mendatangkan bencana kepada pengamalnya.

Antara lain, sikap golongan peneroka ini yang ingin mengecap kemewahan dengan jalan mudah menyebabkan gejala ini tidak dapat dihalang. Situasi yang berlaku di Felda ini adalah, perkara berkenaan judi ini telah dibuahkan secara terbuka dan tanpa berselindung.

4.4 KECURIAN

Kecurian merupakan aktiviti utama yang dilakukan oleh kebanyakan penagih dadah. Antara subjek-subjek yang menjadi sasaran oleh golongan ini adalah hasil-hasil pertanian di ladang, haiwan ternakan, barang-barang milik peneroka samada di rumah mahupun kawasan sekitarnya dan seterusnya barang-barang kedai berhampiran.

Kebiasaannya kecurian yang berlaku adalah melibatkan hasil pertanian seperti getah dan kelapa sawit. Perkara ini telah dinyatakan sendiri oleh beberapa orang peneroka dan Ketua Polis Balai kawasan sampel. Malah haiwan ternakan seperti lembu dan kambing juga turut menjadi sasaran utama pencuri. Kes-kes seperti pecah kedai dan mencuri barang-barang kedai runcit yang berhampiran pernah juga berlaku. Salah seorang daripada bekas penagih dadah daripada Felda ini yang dikenali sebagai Azman mengakui bahawa beliau pernah melakukan aktiviti tersebut di Koperasi D'Mart dan beberapa buah kedai yang ada di Felda tersebut. Kejadian ini berlaku beberapa tahun yang lalu, segala tindakan yang dilakukannya adalah demi untuk mendapatkan bekalan dadah. Akhirnya kegiatan beliau berjaya dihidu oleh pihak koperasi hingga membawa kepada tangkapan ke atas dirinya.

Kegiatan mencuri ini adalah aktiviti yang menjadi pilihan oleh kebanyakan penagih dadah yang ingin mendapatkan sumber bagi memperolehi dadah itu. Hal yang sama juga turut dilakukan oleh beberapa bekas penagih yang lain ketika mana mereka ini ditemuramah, antaranya Hamid, Hisham dan Riza. Selain daripada itu juga, berlaku kes-kes kecurian yang melibatkan rumah milik peneroka yang. Masjid di tanah rancangan Felda ini turut sama menjadi sasaran golongan penagih ini. Suatu ketika dahulu, berlaku kes pecah tabung masjid yang mana melibatkan golongan yang sama. Perkara ini diakui sendiri oleh seorang pegawai masjid Felda tersebut. Menurut beliau lagi, kesemua kes-kes kecurian wang tabung masjid itu dilakukan pada waktu pagi iaitu ketika selepas subuh hingga masuk waktu zohor. Ini kerana pada waktu tersebut tiada jemaah yang berada di masjid, disebabkan pada waktu tersebut mereka bekerja di ladang.

Kebanyakan kes-kes kecurian yang berlaku di Felda ini berlaku pada waktu malam, dalam lingkungan jam 11 malam sehingga 6 pagi.. Klasifikasi waktu kes kecurian ini dinyatakan sendiri oleh Ketua Polis Balai, kawasan sampel, ianya berdasarkan kepada kes-kes yang dilaporkan kepada pihak polis. Berdasarkan kepada laporan polis juga, kebanyakan kes-kes kecurian yang dikenalpasti ini dilakukan oleh anak peneroka setempat yang boleh dikategorikan sebagai remaja (umur 12 – 18 tahun) dan belia (19 -40 tahun). Menurut Pengerusi JKKK Felda ini memang tidak dapat dinafikan terdapat pihak luar yang turut sama terlibat dengan kes-kes kecurian yang berlaku di Felda ini, akan tetapi wujud orang dalam sebagai dalang ataupun orang tengah bagi mengatur segala kegiatan tersebut. Ini kerana, hanya mereka sahaja yang mengetahui tentang selok belok Felda ini. Tanpa bantuan dan sokongan dari mereka ini, adalah sukar untuk kegiatan kecurian ini dilakukan.

Namun sepanjang penyidik menjalankan penyelidikan ini, tiada kes-kes kecurian samada pecah rumah atau kedai yang berlaku melainkan kes kehilangan hasil ladang. Seorang peneroka Felda ini ada menyatakan bahawa hasil torehan getahnyanya telah hilang, dan beliau tidak dapat mengecam pencurinya. Menurut peneroka tersebut, ini bukan kali pertama hasil torehan getahnya hilang, sudah banyak kali. Namun beberapa kali beliau berjaya menangkap pencuri terbabit. Peneroka tersebut ada menyebutkan nama pencuri terbabit namun penyidik tidak berapa pasti. Namun apa yang penyidik pasti ialah pencuri terbabit merupakan anak peneroka Felda ini, masih muda tetapi terlibat dengan penagihan dadah. Peneroka tersebut juga pernah berbincang terus dengan ibu bapa pencuri tersebut bagi menceritakan perihal yang berlaku, namun hanya keluhan tidak boleh berbuat apa-apa yang dibalas oleh ibu bapa pencuri tersebut kepada peneroka tersebut.

Dari sini adalah jelas menggambarkan bahawa masalah kecurian juga berlaku di dalam kawasan tanah rancangan Felda. Maka sewajarnya kita memikirkan berkenaan soal keselamatan masyarakat Felda dan hasil ladang sekiranya perkara ini tidak dapat dibanteras.

4.5 LUMBA HARAM

Aktiviti lumba haram adalah salah satu aktiviti kurang sihat dan gejala sosial yang dikatakan melibatkan remaja di tanah rancangan Felda ini. Masalah ini diperkatakan sendiri oleh Pengurus Felda ini. Malah ia telah dilaporkan kepada penyelidik sejak hari pertama penyelidik sampai ke Felda ini.

Namun sepanjang penyelidik berada di Felda ini, penyelidik tidak dapat mengesan aktiviti lumba haram yang berlaku di dalam kawasan penempatan. Apa yang dapat dilihat ialah terdapat golongan remaja dan belia yang berpelesenan dengan motosikal masing-masing. Mereka lebih cenderung untuk meronda-ronda di sekitar kawasan perumahan dan singgah dimana-mana kedai makan untuk minum bersama rakan-rakan. Selain daripada itu, terdapat juga golongan belia yang lebih gemar kepada kereta berbanding motosikal dan melakukan modifikasi terhadap sistem ekzosnya. Namun penyelidik tidak mendapat maklumat yang mereka terlibat dengan mana-mana aktiviti lumba haram. Selain itu, saban petang penyelidik akan melihat kelibat kanak-kanak kecil atau masih bersekolah rendah menaiki motosikal yang lebih besar dan berat dari mereka berlegar-legar sekitar kawasan penempatan tanah rancangan Felda tersebut. Malah dengan beraninya mereka ini membawa motosikal tersebut dengan kelajuan yang tidak di sangka-sangka.

Penyelidik juga dimaklumkan oleh seorang remaja Felda ini bahawa aktiviti lumba haram sudah lama tidak dilakukan oleh remaja dan belia Felda ini sejak Lebuhraya Pantai Timur dibina. Ini kerana, jika dahulu mereka boleh melakukan aktiviti lumba haram itu bermula dari simpang utama masuk ke Felda ini ke tanah rancangan Felda bersebelahan, namun hari ini aktiviti tersebut tidak berlaku lagi kerana jalan tersebut menjadi sedikit sibuk apabila semakin banyak kenderaan yang keluar masuk dari lebuhraya tersebut menuju ke kampung atau bandar berdekatan dan kereta polis peronda selalu berulang alik di kawasan tersebut.. Setakat mana yang diperolehi penyelidik ialah pada suatu ketika sekitar jam 2.00 pagi, terdapat beberapa buah kereta berulang alik melalui kawasan simpang di warung Mak Long. Namun tidak dapat dipastikan ke mana mereka pergi. Namun, di antara kelibat yang dapat dikenalpasti ialah sebuah kereta proton

Wira Aeroback milik anak seorang peneroka yang sering dikaitkan dengan aktiviti pengedaran dadah.

Walaupun bagaimanapun, reaksi yang diberikan oleh Kaunselor Sekolah Menengah Kampung Awah, adalah berbeza dari situasi sebenar. Menurutnya, memang wujud aktiviti lumba haram yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah. Namun pihak sekolah sentiasa menjalankan pemerhatian dan mengawasi agar masalah-masalah ini tidak terus berpanjangan. Situasi yang biasa berlaku di tanah rancangan Felda adalah pada mulanya kumpulan remaja atau pelajar ini hanya berkumpul untuk melepak dan bersiar-siar di sekitar kampung sahaja. Namun, lama-kelamaan mereka mula memikirkan bentuk keseronokan yang lain pula. Daripada hanya sekadar untuk "test power" motosikal masing-masing, aktiviti ini mula melarat kepada episod cabar-mencabar dan akan timbul persoalan 'siapa yang paling hebat?'. Jalan untuk menentukan siapa jaguh akan ditentukan dengan cara mereka. Maka timbullah idea yang kurang cerdas di kalangan mereka untuk berlumba sesama sendiri.

Masalah lumba haram sebenarnya telah merebak secara serius di mana-mana sahaja tidak kira samada di kawasan kampung atau bandar. Aktiviti ini telah banyak meragut nyawa remaja sebelum sampai waktunya. Yang lebih membimbangkan aktiviti ini sebenarnya turut meragut nyawa orang lain yang tidak berdosa.

4.6 VCD LUCAH / PORNOGRAFI

Pengedaran gambar porno di kalangan anak-anak Felda ini sudah lama berlaku. Sepanjang penyelidikan ditempatkan di Felda ini, hasilnya ialah penyelidik telah mendapati sebanyak 2 kes yang berkaitan pornografi:-

Kes 1

Pada suatu petang, dalam lingkungan jam 5-6 petang bertempat di Warung Mak Long berhadapan dengan kediaman Pengurus Felda, salah salah seorang daripada penyelidik seperti kebiasaannya akan menghabiskan masa di warung berkenaan. Dalam masa yang sama yang turut berada bersama beliau ialah Pak Meran yang dikenali oleh kebanyakan penduduk di situ sebagai seorang pembekal kad prabayar dan 'starter pack'. Penyelidik juga mendapati Pak Meran akan menghabiskan masanya berada di warung berkenaan dari jam 5.00 petang sehingga 7.00 malam dan daripada jam 8.00 hingga 10.00 malam. Pada suatu petang Pak Meran didatangi seorang remaja dalam lingkungan umur 20 tahun. Remaja berkenaan datang berborak dengan Pak Meran, dan di akhir perbualan mereka berdua tiba-tiba Pak Meran menghulurkan sebungkus beg plastik yang mengandungi sekeping cakera padat (compact disk). Daripada gaya percakapan Pak Meran yang menghalang remaja terbabit mengeluarkan CD tersebut dihadapan penyelidik, penyelidik percaya bahawa CD tersebut merupakan CD lucah. Sepanjang perkenalan penyelidik dengan Pak Meran, penyelidik mendapati bahawa Pak Meran adalah seorang yang suka bercerita mengenai perkara lucah. Walaubagaimanapun Pak Meran ini amat dikenali oleh penduduk setempat kerana beliau selalu menguruskan hal-hal peneroka dan masyarakat seperti dalam hal-hal kenduri kahwin, perkahwinan dan juga soal pengurusan kematian atau jenazah.

Kes 2

Hal ini berlaku di sebuah restoran. Pada suatu petang ketika penyelidik sedang bekerja di restoran berkenaan, seorang pemuda berusia 23 tahun yang turut sama bekerja di situ, mengakui telah menerima beberapa klip video yang berunsur lucah melalui telefon bimbitnya. Klip video berkenaan diterimanya daripada seorang rakannya dari

Felda yang sama. Seperti mana yang diketahui penyelidik, pemuda berkenaan memang memiliki dan menggunakan 2 buah telefon bimbit. Pada masa yang sama, beliau juga mengakui, sebuah lagi telefon bimbitnya turut memuatkan lebih banyak lagi klip video yang seumpamanya.

Berdasarkan kepada kedua-dua kes di atas, pasukan penyelidik memperoleohnya secara tidak langsung, tidak dinafikan tentang adanya gambar atau filem yang berunsur lucah di kalangan warga peneroka dan anak-anak peneroka setempat.

4.7 HIBURAN

Hiburan adalah salah satu aktiviti yang menjadi kehendak dalam hidup manusia. Manusia akan cuba mencipta pelbagai bentuk hiburan bagi mewujudkan suasana yang menyeronokkan. Begitu juga dengan apa yang berlaku di tanah rancangan Felda ini.

Sepanjang penyelidikan ditempatkan di Felda ini penyelidik mendapati bahawa masyarakat di Felda ini lebih cenderung kepada aktiviti hiburan berbentuk karaoke. Di Felda ini, terdapat dua buah kedai makan yang menyediakan khidmat karaoke. Sebuah kedai terletak berhampiran dengan kawasan penempatan penduduk manakala sebuah lagi kedai terletak berhampiran simpang masuk utama ke Felda ini. Kedai yang terletak di simpang utama itu dikunjungi oleh kebanyakan golongan remaja samada penduduk sg. Nerek sendiri ataupun golongan belia dari Felda yang berhampiran. Kedai ini hanya dibuka pada waktu malam sahaja. Tidak semua yang datang bertujuan untuk berkaraoke. Ada juga yang datang hanya untuk minum sambil mendengar pengunjung lain berkaraoke. Kedai ini dibuka khas untuk karaoke sahaja dan tidak menyediakan tontonan televisyen kepada umum.

Sebuah lagi kedai yang menyediakan khidmat karaoke terletak berhampiran dengan dewan orang ramai dan berada di kawasan penempatan penduduk. Kedai ini lebih diminati oleh golongan peneroka kerana kedudukannya yang berada di kawasan perumahan. Berbanding kedai yang terletak di luar simpang utama, kedai ini menyediakan pelbagai jenis masakan panas dan pengunjung boleh menonton rancangan-rancangan menarik di televisyen. Satu perkara lagi, di sini juga terdapat seorang gadis yang pandai mengambil hati dan melayan karenah pelanggan-pelanggannya. Pada awal malam, para pelanggan yang datang hanya menonton televisyen sahaja. Namun, selepas jam 11.00 malam, pelanggan akan mula berkurangan dan yang tinggal hanyalah mereka yang ingin berkaraoke. Kadangkala gadis yang menjadi pelayan di kedai tersebut turut sama menyanyi bersama pelanggan yang lain.

Antara bentuk hiburan yang lain dikenalpasti wujud di Felda ini ialah aktiviti bermain muzik ataupun diistilahkan sebagai “*jamming*”. Aktiviti ini dijalankan di sebuah bilik kecil yang terletak di bangunan dewan orang ramai dan di bawah kelolaan Kelab Kugiran. Menurut seorang penduduk yang di kenali sebagai Pak Meran, aktiviti ini disertai oleh golongan belia dan remaja Felda ini. Semua peralatan seperti gitar dan drum dan alatan audio adalah milik salah seorang peneroka yang turut bergiat aktif mengadakan persembahan muzik di majlis-majlis kenduri. Daripada pemerhatian yang dibuat, mereka hanya berlatih pada malam Sabtu dan Ahad sahaja. Ketika kumpulan penyelidik tiba di Sg. Nerek, acara sukan bola yang terbesar iaitu piala dunia baru sahaja berlangsung. Para kaki bola tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan perlawanan yang diadakan 4 tahun sekali. Untuk lebih menghangatkan lagi suasana, mereka lebih gemar menonton di kedai-kedai makan kerana di sana mereka boleh berkumpul bersama rakan-rakan yang lain. Malah, menurut seorang pengusaha kedai makan yang dikenali sebagai Abang Din, dia sanggup melanggan astro semata-mata untuk mengikuti perlawanan-perlawanan yang ditayangkan atas permintaan penduduk setempat.

Situasi itu nyata memberikan keuntungan yang lebih berbanding pada hari-hari sebelumnya. Malah kedainya masih penuh pada awal pagi. Setelah perlawanan Piala Dunia melabuhkan tirainya, maka didapati pelanggan mula berkurangan dan mereka sudah pulang ke rumah seawal jam 11.00 malam. Dalam masa yang sama penyelidik mendapat maklumat bahawa satu Kempen Anti Dadah akan dianjurkan di Bandar Pusat Jengka. Daripada iklan yang ditampal di sekitar kawasan Felda, mendapati bahawa antara aktiviti yang dijalankan adalah konsert yang disertai artis-artis rock tempatan. Penyelidik lalu terfikir, apakah rasionalnya konsert itu diadakan walhal konsert ini pasti disertai oleh ramai golongan remaja yang akan menimbulkan pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan. Jadi, bagaimana ia dapat membantu kepada pengurangan gejala sosial sedangkan aktiviti hiburan menjadi salah satu agenda utama remaja masa kini.

Selain daripada itu, hiburan seperti majlis nyanyian di kenduri kahwin sudah menjadi suatu kebiasaan bagi sesetengah individu sebagai memeriahkan lagi suasana pada hari perkahwinan. Kesempatan ini diambil oleh golongan muda untuk berkumpul

bersama rakan-rakan dan menyanyi sambil diiringi oleh pemuzik yang dijemput. Kecenderungan penduduk terhadap suatu jenis hiburan juga memberi kesempatan kepada pihak yang lain untuk mengaut keuntungan dan menjadikannya sebagai satu sumber pendapatan.

Secara keseluruhannya aktiviti hiburan yang melibatkan masyarakat di Felda ini perlu di nilai kembali agar hiburan ini tidak terus menghanyutkan mereka ke arah yang lebih buruk.

4.8 MASJID

Masjid adalah sebuah institusi yang bukan sahaja berperanan sebagai tempat untuk melakukan ibadah atau menyebarkan dakwah Islam, bahkan ianya sepatutnya menjadi markas titik tumbang dalam menjadi penghubung untuk melahirkan masyarakat yang harmoni dan berpendidikan. Berikut adalah pandangan beberapa orang yang ditemubual mengenai kegiatan dan peranan yang telah dimainkan oleh institusi masjid di kawasan mereka:

Temubual 1: Azman-29 tahun (Bekas Peangih).

Beliau yang merupakan anak jati sebuah Felda di Maran, Pahang, dan merupakan bekas penagih dadah, mengakui bahawa beliau tidak berapa ambil tahu mengenai aktiviti dan perancangan yang telah disusun atur oleh Jawatankuasa Pengurusan Masjid. Pada pendapat beliau masjid pada hari ini telah gagal menarik minat beliau dan mungkin beliau-belia yang lain kerana banyak permasalahan yang berlaku di dalamnya. Antara alasan yang diberikan oleh beliau perbezaan fahaman politik di antara peneroka Felda tersebut telah menyebabkan perpecahan ikatan persaudaraan di kalangan mereka. Walaupun permasalahan ini masih berada di dalam keadaan terkawal, tetapi sekurang-kurangnya ia menjurus ke arah kegagalan pihak pengurusan masjid memainkan peranannya. Perbezaan cara hidup dengan jemaah yang kebanyakannya lebih tua dari beliau juga menjadi alasan untuk beliau menjauhkan diri dengan masjid. Pandangan 'pelik' jemaah masjid apabila beliau yang merupakan seorang bekas penagih dadah hadir ke masjid menyebabkan beliau merasa tidak selesa. Faktor-faktor tersebut telah memberikan kesan kepada beliau untuk menjauhkan dirinya untuk hadir ke masjid.

Temubual 2: Anuar-44 tahun (Bekas Penagih).

Beliau yang merupakan seorang bekas penagih dadah yang berasal dari sebuah Felda di Jerantut, Pahang berpendapat bahawa institusi masjid itu hanya hidup pada waktu tertentu sahaja seperti pada setiap waktu solat dan jika ada majlis bacaan *Yaasin* dan tahlil. Pada waktu lain, ianya kembali sunyi sepi.

Temubual 3: Penolong Pengurus Bakti Kasih (PENGASIH) .

Boleh dikatakan bahawa hari ini, dimana-mana sahaja samada di kampung, bandar ataupun di tanah rancangan Felda, masjid telah gagal memainkan peranannya dengan baik. Generasi muda hari ini sudah tidak berminat dengan aktiviti masjid. Pada pendapat beliau, sepatutnya hari ini, perlu ada di setiap masjid wakil pemuda ataupun belia yang bertindak sebagai jawatankuasa masjid untuk mempengaruhi remaja dan belia-belia yang lain untuk sama menyertai dan memeriahkan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak pengurusan masjid.

Temubual 4: Pengetua sebuah sekolah menengah berhampiran kawasan sampel.

Dari sudut pihak sekolah, kami telah mewajibkan semua pelajar untuk menunaikan solat zohor secara berjemaah di masjid bersebelahan dengan sekolah pada setiap hari persekolahan. Namun masih wujud pelajar yang tidak mengikut arahan yang telah ditetapkan.

Tidak diketahui apa punca terkhusus yang menyebabkan institusi masjid hari ini kelihatan seperti seolah-olah mati dan sepi dari pokok pangkal atau tujuan utama penubuhannya. Tidak terkecuali Masjid Ubudiah Felda yang menjadi sampel penyelidikan ini dijalankan. Dari sudut pengalaman penyelidik yang ditempatkan selama 2 bulan di Felda tersebut telah menggambarkan bahawa dibangunkan masjid di tanah rancangan Felda tersebut seolah-olah hanya untuk mengumpul jemaah yang hanya sedang membilang hari ataupun dengan kata mudahnya jemaah-jemaah dari kalangan orang yang sudah berumur. Pincangnya pengurusan masjid di tanah rancangan Felda ini dapat dilihat apabila seorang daripada pekerja Bengkel Generasi Felda (GENFEL) yang tinggal menetap di Felda tersebut mengakui bahawa beliau selalunya akan menunaikan solat Jumaat di masjid kampung berdekatan melainkan dalam keadaan terpaksa seperti terlewat dan sebagainya. Apabila ditanya mengenai puncanya, beliau mengatakan bahawa khutbah yang dibaca oleh khatib masjid Felda ini tidak menarik kerana ianya hanya berkisar kepada topik-topik yang sudah lapuk dan ketinggalan zaman.

Itu alasan bagi mereka yang hanya sesekali menunaikan solat Jumaat di masjid tersebut. Daripada pengalaman penyelidik, penyelidik mendapati bahawa tidak banyak aktiviti yang dijalankan oleh pihak pengurusan masjid Felda ini melainkan hanya tiga kali seminggu aktiviti tazkirah yang disampaikan anak tempatan tanah rancangan tersebut dan juga sekali dalam tempoh sebulan aktiviti tazkirah yang disampaikan oleh seorang pensyarah yang merupakan anak tempatan tetapi bekerja di luar. Bukan sahaja masalah ketiadaan jemaah daripada golongan muda yang menarik perhatian penyelidik, bahkan gelagat jemaah-jemaah yang hadir ke masjid tersebut juga telah berjaya membuatkan untuk penyelidik merasa hairan dan berfikir sejenak. Sudahlah jemaahnya tidak begitu ramai, tetapi gelak ketawa dan suara manusia memenuhi segenap ruang masjid tersebut. Topik yang dibicarakan bukannya soal keagamaan tetapi ianya berkisar tentang ladang, umpat keji dan kadang-kadang mereka menjadikan ruang solat di dalam masjid tersebut sebagai tempat tidur mereka. Bukan itu sahaja, malahan ada di kalangan mereka ini sempat lagi merokok sementara menunggu azan Isya' dikumandangkan.

Di dalam memahami situasi kerohanian masyarakat tanah rancangan Felda ini, penyelidik berharap agar kita dapat memahaminya dengan hati dan fikiran yang terbuka. Daripada perbualan dan pemerhatian yang dilakukan penyelidik dengan beberapa orang peneroka Felda ini, kebanyakan dari mereka mengatakan bahawa di Felda ini terdapat dua puak masyarakat. Mereka ini terpisah kerana terdapat perbezaan fahaman politik. Penyelidik telah bertanya mengenai status pentadbiran masjid dan surau tersebut kepada beberapa orang peneroka, Pegawai Felda dan Pengerusi JKKK merangkap Pengerusi Jawatankuasa Masjid dan Imam Masjid Felda ini. Daripada keterangan mereka, penyelidik mendapati bahawa pentadbiran masjid Felda ini di dominasi oleh mereka yang berlatar belakangkan fahaman politik kerajaan. Sebuah surau yang terdapat di blok D pula didominasi oleh mereka yang berlatar belakangkan fahaman politik pembangkang. Manakala sebuah lagi surau yang terdapat di blok G pula penyelidik kurang pasti mengenai keadaan atau status pentadbiran surau tersebut. Secara berterus terang penyelidik mengatakan surau yang terdapat di blok G ini bolehlah diumpamakan sebagai "hidup segan mati tak mahu". Amalan bersolat jemaah di surau ini bukannya tiada, tetapi bilangan jemaah yang ada boleh dibilang dengan jari. Walaubagaimanapun surau ini tidak

sepi terlalu lama dari aktiviti yang dirancang samada yang melibatkan jemaah lelaki mahupun wanita.

Penyelidik juga pernah beberapa kali berjemaah Maghrib dan Isya' di surau blok D. Penyelidik mendapati bahawa susun atur aktiviti di surau tersebut disusun dengan baik. Ini kerana terdapat aktiviti tazkirah selepas Maghrib lebih kurang tiga kali seminggu disamping aktiviti Tahsin al-Quran yang diadakan hampir setiap malam. Malahan di surau ini juga terdapat beberapa jemaah dari golongan muda yang menjadi jemaah tetap di sini. Dari sudut fizikal bangunan Masjid Ubudiah Felda ini, memang tidak dapat dinafikan kedudukan masjid yang terletak di atas bukit memang berada pada kedudukan yang strategik. Cuma pemilihan warna dalaman dan luaran masjid samada dinding atau karpet dinilai penyelidik sebagai kelam dan tidak menarik. Selain daripada itu penyelidik juga mendapati bahawa suasana masjid di kebanyakan tanah rancangan Felda yang pernah penyelidik pergi dilihat hanya 'bernyawa' apabila tiba waktu solat sahaja. Tetapi pada waktu lain ianya seolah-olah telah kehilangan nadinya.

Penyelidik pernah berbual bersama seorang peneroka Felda ini bahawa suatu ketika dahulu ada cadangan dibuat untuk membina tapak permainan badminton dan takraw di tanah lapang berhampiran dengan kawasan masjid bagi mendekatkan lagi belia-belia Felda tersebut dengan masjid. Dari sini pihak masjid bukan sahaja berperanan dalam menjana gaya hidup sihat bagi belia-belia tanah rancangan Felda ini tetapi juga dapat menjana perkembangan rohani belia-belia tersebut. Walaubagaimanapun cadangan itu hanya dipandang sepi. Sehingga sekarang penyelidik melihat bahawa cadangan sebegitu memang tidak diambil endah. Apa yang penyelidik perhatikan tanah lapang yang dikatakan peneroka terbabit terus lapang tanpa ada usaha untuk membangunkan seperti apa yang pernah dicadangkan. Tanah tersebut hanya dibiarkan kosong dan kekeringan kerana tiada usaha untuk memanfaatkan tanah tersebut samada untuk dibuat tempat permainan, taman ataupun tempat letak kereta.

4.9 HUBUNGAN DI ANTARA PENGURUSAN FELDA DAN MASYARAKAT

Daripada maklumat yang diperolehi melalui temubual dengan Pengerusi JKKK Felda ini, beliau menyatakan bahawa hubungan antara golongan peneroka dan pengurusan Felda berjalan dengan baik.

Apa yang menjadi masalah adalah hubungan di antara belia-belia di Felda tersebut. Menurutny lagi, kesan daripada ketiadaan persefahaman antara mereka menyebabkan banyak program kemasyarakatan tidak dapat dijayakan. Masalah ini timbul sejak daripada awal lagi apabila golongan ini amat sukar untuk duduk semeja bagi membincangkan bentuk-bentuk program yang akan dilaksanakan. Sikap mereka yang suka berpuak-puak dengan mewujudkan kumpulan-kumpulan tertentu dan sering berselisih pendapat di antara satu sama lain. Jika berjaya dikumpulkan sekalipun, kata sepakat tidak dapat dicapai kerana masing-masing inginkan supaya idea mereka diterima dan menolak pendapat pihak yang lain. Kesannya dapat dilihat dengan jelas apabila kebanyakan kelab yang ditubuhkan oleh pengurusan Felda tidak dapat dilaksanakan sehingga kini kecuali Kelab Kugiran dan Kelab Pancing. Aktiviti Kelab Kugiran dijalankan di sebuah bilik kecil yang terletak di bangunan dewan orang ramai manakala Kelab Pancing pula memulakan aktivitinya dengan penubuhan kedai yang menjual kelengkapan alatan memancing. Kedai ini dipertanggungjawabkan ke atas seorang belia Felda tersebut.

Maklumbalas yang diperolehi ketika temuramah yang dibuat bersama pengurusan Felda peringkat wilayah pula menyatakan mereka mempunyai hubungan yang baik dengan pengurusan Felda di setiap kawasan. Mereka turut merancang pelbagai aktiviti dan menyediakan kemudahan untuk semua golongan peneroka, belia dan remaja di setiap Felda. Tapi realiti yang berlaku di Felda yang menjadi sampel penyelidikan ini, kelihatan aktiviti yang diperkatakan di peringkat wilayah itu tidak dijalankan di peringkat pengurusan Felda. Pendapat yang diutarakan oleh Pengerusi JKKK Felda ini turut dikongsi bersama saudara Azman. Selaku generasi kedua Felda ini, beliau mendedahkan hubungan antara belia dan pengurusan Felda berada dalam keadaan yang tegang. Ini kerana pihak belia sukar untuk bekerjasama dalam aktiviti kemasyarakatan terutamanya

gotong-royong. Dalam hal yang lain pula, pihak pengurusan Felda mempunyai hubungan yang amat baik dengan pihak sekolah bagi bersama-sama mengekang masalah sosial para pelajar di sekitar Felda. Pegawai Sosial di setiap Felda sentiasa mewujudkan komunikasi yang baik dengan pihak sekolah bagi mengawasi pergerakan pelajar-pelajar di luar waktu sekolah.

Daripada pengalaman penyelidik yang ditempatkan di Koperasi D'mart Felda, penyelidik mendapati wujud beberapa masalah di antara pengurusan D'mart dan penduduk setempat. Di antaranya ialah perbezaan jumlah potongan bagi bayaran barangan runcit yang dikreditkan ke akaun peneroka. Apabila dilakukan semakan semula, didapati pihak pengurusan membuat pemotongan melebihi jumlah yang dikreditkan di dalam akaun di Koperasi D'mart. Perkara ini menimbulkan kemarahan penduduk setempat dan mereka beranggapan pihak pengurusan cuai dalam menjalankan tugas mereka. Situasi menjadi semakin buruk apabila hal ini dihebohkan kepada rakan-rakan yang lain. Kesannya, ia menjadi bualan hangat di sekitar kawasan penempatan dan merenggangkan hubungan pihak pengurusan Felda dan penduduk setempat.

Selain daripada itu, wujud sikap penduduk yang tidak memahami masalah yang dihadapi oleh pengurusan Koperasi D'mart dan hanya mementingkan diri sendiri. Daripada pengalaman penyelidik, Felda ini juga tidak terlepas daripada masalah kekurangan bekalan gula. Terdapat penduduk yang 'naik angin' apabila bekalan gula di koperasi sudah habis atau diberitahu mereka hanya dibenarkan membeli gula pada kadar yang tertentu. Mereka mula menuduh pengurusan Koperasi D'mart yang tidak cekap dalam menyelesaikan masalah. Masalah lain pula melibatkan golongan peneroka yang terlibat dengan perniagaan. Golongan ini turut menimbulkan masalah apabila pihak Koperasi D'mart tidak bersedia untuk membekalkan gula dalam kuantiti yang besar. Mereka ini pula menuduh yang pihak pengurusan koperasi tidak memahami situasi mereka sebagai seorang peniaga. Pengurus Koperasi D'mart ini tidak dapat berbuat apa-apa dan hanya mampu bersabar atas setiap tuduhan yang dilemparkan.

Perbezaan umur yang ketara di antara golongan belia dan petugas-petugas pengurusan boleh juga diambil kira menjadi punca kepada kurangnya kerjasama di antara satu sama lain. Menurut Azman juga ada sesetengah golongan belia merasakan diri mereka terpinggir. Namun, dia tidak dapat menghuraikan secara panjang lebar memandangkan dia sendiri sudah tinggal di luar kawasan Felda itu dan jarang bertemu dengan rakan-rakannya dahulu. Menurut Guru Penolong Kanan dan Hal Ehwal Murid dari sebuah sekolah menengah berhampiran dengan kawasan sampel, antara punca hubungan yang renggang di antara sesama penduduk ialah kerana sikap mengambil berat sesama jiran sudah lenyap dalam kehidupan bermasyarakat. Kadangkala wujud kelompok kecil individu yang cuba menjernihkan keadaan apabila berlaku kekusutan tetapi situasi akan menjadi semakin sukar dan menimbulkan pertelingkahan yang semakin besar. Masyarakat perlu membuka sedikit ruang supaya mereka dapat bekerjasama dalam menjaga kebajikan dan keselamatan keluarga masing-masing.

Dari sini jelas menggambarkan bahawa terdapat masalah yang membelenggu penduduk tanah rancangan ini. Perihal hubungan yang tidak mesra di antara pihak pengurusan Felda dengan masyarakat setempat bukannya perkara asing lagi. Maka tidak mustahil ada sebahagian daripada masyarakat Felda ini yang tidak dihiraukan oleh pihak pengurusan Felda. Malah tidak mustahil juga jika ada di kalangan penduduk setempat yang tidak mahu berurusan dengan pihak pengurusan Felda disebabkan masalah ini.

4.10 PENGUATKUASAAN

Berdasarkan temubual yang dilakukan penyelidik bersama dengan Ketua Polis Balai, kawasan sampel mengatakan bahawa pihak polis sentiasa membuat pantauan dan rondaan di tanah-tanah rancangan Felda terutamanya di kawasan penempatan. Pada waktu malam, kebiasaannya pihak polis akan membuat rondaan sekitar jam 11.00 malam dan ke atas. Ini bagi memastikan keselamatan nyawa dan harta benda peneroka terjamin. Pihak polis juga ada membuat rondaan di sekitar ladang-ladang milik peneroka bagi memastikan tidak berlaku kes-kes kecurian hasil ladang. Walaubagaimanapun beliau mengakui bahawa kekurangan anggota dan kelengkapan menyebabkan rondaan yang dibuat tidak menjangkau seluruh kawasan penempatan dan ladang. Selain daripada itu terdapat juga pasukan RELA yang mengawal keadaan tanah rancangan ini. Namun ianya berada pada kadar yang sedikit.

Sepanjang pemerhatian dan pengalaman penyelidik selama dua bulan berada di tanah rancangan ini, penyelidik hanya pernah bertembung dengan rondaan yang dibuat pihak polis hanya dua kali dalam tempoh tersebut. Adakalanya penyelidik juga mengambil peluang berjaga malam hingga awal pagi untuk melihat aktiviti yang berlaku di tanah rancangan ini. Walaubagaimanapun penyelidik mendapati hanya ada sekumpulan dua remaja dan belia yang berkumpul di hadapan rumah dan juga simpang-simpang jalan samping merokok dan melakukan aktiviti yang tidak diketahui penyelidik. Namun rondaan pihak polis yang dikatakan tersebut masih tidak penyelidik temui. Pada malam-malam yang lain penyelidik juga ada bertemu dengan beberapa orang RELA yang sedang bertugas di kedai makan sambil membawa selaras senapang. Namun apa yang penyelidik lihat mereka itu terdiri daripada orang yang sama dan mereka yang boleh penyelidik gelarkannya sebagai 'atuk'. Terfikir di benak penyelidik, ke mana hilangnya anak-anak muda yang ingin menggantikan 'atuk RELA' ini?.

Seorang pengusaha kedai makan memaklumkan kepada penyelidik bahawa suatu ketika dahulu memang tidak dinafikan bahawa pihak polis akan membuat rondaan pada setiap malam bermula jam 11.00 malam. Pihak polis tersebut akan mengarahkan belia-

belia yang masih lagi melepak di hadapan rumah dan simpang-simpang pada ketika itu supaya pulang ke rumah. Jadi, pada waktu tersebut kita tidak akan lihat keadaan anak-anak muda yang melepak sehingga awal pagi kerana takut dihalau oleh pihak polis. Namun hari ini rondaan sebegitu sudah tidak kerap dilakukan. Disebabkan itulah aktiviti melepak sehingga awal pagi di kalangan belia Felda ini sudah kembali wujud. Selain daripada itu juga, beliau juga mengakui bahawa terdapat operasi-operasi yang dilakukan oleh pihak polis bertujuan untuk menangkap penagih-penagih dadah yang berada di Felda ini. Sewaktu penyelidik berada di Felda ini sekumpulan 9 orang belia Felda ini telah ditangkap oleh pihak polis dalam operasi yang dijalankan dari jam 2.00 hingga 5.00 pagi. Mereka ini disyaki terlibat dengan pengedaran dan penagihan dadah.

Berbicara soal disiplin, Pengetua Sebuah sekolah menengah berhampiran kawasan sampel berpandangan “dalam konsep pendidikan, disiplin itu perlu bermula dari rumah”. Ibu bapa mestilah bertanggungjawab untuk membentuk anak-anak mereka supaya lebih berdisiplin, dalam masa yang sama sokongan daripada masyarakat sekeliling untuk turut sama membentuk peribadi seseorang individu itu. Hasil temubual yang dilakukan dengan Ketua Polis Balai, kawasan sampel mengatakan bahawa pihak polis tidak mempunyai kuasa untuk menangkap pelajar-pelajar yang terlibat dengan aktiviti ponteng sekolah. Pihak polis hanya boleh menyerahkan kes tersebut untuk diselesaikan oleh pihak sekolah.

Daripada maklumat tersebut, penyelidik merasakan penguatkuasaan yang dilakukan oleh pihak yang berwajib masih berada pada kadar yang tidak memuaskan. Walaupun tidak dinafikan wujudnya beberapa aktiviti penguatkuasaan yang dilakukan di Felda ini seperti rondaan dan tangkapan, namun ianya tidak bersifat berterusan dan menyebabkan ianya masih boleh dipertikaikan.

4.11 SEKOLAH

Apabila kita bercakap soal peranan, kita tidak dapat lari dari membicarakan soal kuasa, dan apabila kita membicarakan soal kuasa, kita tidak dapat lari dari membincangkan mengenai persoalan berikut iaitu, apakah itu kuasa, apakah peranannya dan siapakah pemilik kuasa itu?. Dalam hal ini, penyelidik hanya ingin menyentuh mengenai permasalahan kuasa yang melibatkan pihak sekolah.

Pengetua sebuah sekolah menengah berhampiran kawasan sampel, menyuarakan rasa hatinya mengenai kuasa yang dimiliki oleh pihak sekolah pada sesi temuramah yang telah diadakan bersama beliau bagi menambah variasi maklumat penyelidikan ini. Menurut beliau guru-guru pada zaman sekarang tidak boleh menghukum pelajar di atas kesalahan yang dilakukan mereka secara sesuka hati, ini kerana ibu bapa zaman sekarang sebahagiannya tidak dapat menerima hakikat jika dikaitkan anak-anak mereka dengan permasalahan disiplin sekolah. Ada di kalangan mereka yang datang ke sekolah untuk menyerang dan memaki hamun guru-guru dan pihak pentadbiran sekolah walaupun hakikatnya memang jelas bahawa anak-anak mereka ini memang terbabit dengan masalah disiplin sekolah.

Kepercayaan ibu bapa terhadap amanah yang diberikan mereka kepada pihak sekolah semakin hari semakin merosot. Ada juga di kalangan ibu bapa pelajar ini yang tidak hadir ke sekolah apabila mereka dipanggil untuk hadir ke sesi perbincangan di antara mereka dan pihak sekolah mengenai permasalahan disiplin yang melibatkan anak-anak mereka. Tidak dapat dinafikan ada juga ibu bapa yang bertanggungjawab menyerahkan kuasa mendidik anak-anak mereka kepada pihak sekolah. Namun mereka ini di dalam kalangan yang sedikit kerana lebih ramai ibu bapa pelajar-pelajar hari ini yang tidak mengambil kisah dengan kemajuan akademik dan permasalahan disiplin yang melibatkan anak-anak mereka. Bagi mereka sudah terlepas tanggungjawab mereka ke atas anak-anak dengan hanya menghantar mereka ke sekolah. Soal mereka ingin belajar sehingga berjaya atau tidak, itu terserah kepada keinginan anak-anak mereka.

Manakala menurut Kaunselor sekolah ini pada peringkat permulaan terdapat 10%-15% ibu bapa yang memberikan reaksi negatif apabila diberitahu bahawa anak-anak mereka terlibat dengan masalah disiplin di sekolah. Namun setelah diberikan penerangan oleh pihak sekolah dan pengakuan daripada anak mereka barulah mereka ini memberikan tindak balas yang positif mengenai dakwaan pihak sekolah tersebut. Menurut Pengetua sekolah ini lagi di dalam keadaan kecanggihan dunia zaman sekarang, pihak sekolah hanya boleh melakukan kawalan di kalangan pelajar-pelajar sekolah ini hanya di peringkat dalaman sahaja. Ini kerana, faktor masa yang terbatas menyebabkan pihak sekolah tidak dapat menepis perkara-perkara negatif yang mempengaruhi mereka, seperti pengaruh internet, media massa dan hiburan dalam kehidupan harian mereka. Ianya termasuklah juga pengedaran pil-pil khayal dan dadah yang disalurkan oleh pihak luar kepada mereka.

Dengan membezakan tempoh waktu yang lama pelajar berada di luar waktu persekolahan dengan tempoh waktu persekolahan pelajar selama 6 jam sehari di kawasan sekolah, memungkinan mereka ini lebih banyak terdedah kepada perkara-perkara negatif dan merosakkan. Ini kerana pada waktu itu mereka ini sudah tiada kawalan daripada sesiapa melainkan diri sendiri, ibu bapa, keluarga dan masyarakat sekeliling. Pada pandangan beliau pihak sekolah hanya boleh berusaha memastikan para pelajar ini diberikan ilmu pengetahuan yang akan memberikan manfaat yang besar pada mereka di kemudian hari disamping menyediakan dan membantu mereka dengan perkara-perkara asas lain seperti kursus fardhu ain, bimbingan kaunseling dan penguatkuasaan peraturan sekolah. Namun persoalannya sejauhmanakah usaha ini telah mencapai matlamatnya?

Dengan hanya bergantung kepada pekeling yang dikeluarkan Kementerian Pelajaran bagi mengenakan tindakan terhadap para pelajar yang didapati terlibat dengan permasalahan disiplin di sekolah menyebabkan pihak sekolah terutama, guru disiplin dan guru hal ehwal murid lebih berhati-hati dalam mengenakan tindakan kepada pelajar-pelajar terbabit. Contohnya bagi kesalahan merokok, pekeling yang dikeluarkan Kementerian Pelajaran hanya membenarkan tindakan 1 kali rotan untuk kesalahan pertama, 2 atau 3 kali rotan untuk kesalahan kedua atau ketiga seterusnya dikenakan

tindakan digantung persekolahan bagi kesalahan kali keempat dan akhirnya tindakan buang sekolah akan dikenakan sekiranya berlaku lagi kesalahan yang sama jika ianya dilakukan untuk kali kelima. Namun persolannya adakah tindakan sebegini berjaya memberikan kesan terhadap pembinaan personaliti pelajar-pelajar terbabit?

Pada pandangan penyelidik pihak sekolah sepatutnya diberikan kuasa secukupnya dalam usaha menangani pelbagai masalah disiplin yang melibatkan pelajar-pelajarnya. Malah sepatutnya ibu bapa memulakan pendidikan disiplin anak-anak mereka itu ketika di rumah lagi seterusnya memberikan kepercayaan kepada pihak sekolah dalam usaha membentuk personaliti anak-anak mereka.

BAB LIMA

PENEMUAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN PENYELIDIKAN

5.1 PENEMUAN PENYELIDIKAN

Masalah Sosial Yang Melibatkan Remaja Dan Belia Tanah Rancangan Felda.

Daripada penyelidikan yang dijalankan ini kajian ini mendapati bahawa antara masalah sosial yang wujud di tanah rancangan Felda yang menjadi lokasi penyelidikan ini dan kawasan sekitarnya ialah, penyalahgunaan dadah, melepak, merokok, ponteng sekolah, perjudian, kecurian, lumba haram dan vcd lucah dan pornografi. Semua aktiviti ini didapati menyumbang ke arah peningkatan statistik jenayah yang melibatkan remaja dan belia tanah rancangan Felda.

Dapatan ini menyokong kajian Rokiah et.al (2000) yang telah mengenalpasti enam masalah serius yang terjadi di kalangan remaja dan belia tanah rancangan Felda iaitu masalah penyalahgunaan dadah, merokok di kalangan pelajar sekolah, melepak, ponteng sekolah, lumba haram dan pengangguran di kalangan belia. Rokiah juga menyatakan bahawa pada dasarnya masalah-masalah sosial tersebut boleh dikategorikan kepada masalah ekonomi, jenayah, hubungan sosial, latar belakang keluarga dan pegangan agama. Fenomena ini juga telah banyak diperkatakan menerusi penyelidikan lain yang telah dilaporkan melalui penerbitan akhbar-akhbar seperti "959 belia rancangan Felda terbabit pelbagai kesalahan jenayah, (Berita Harian: 10 Mei 1997)", "Pelajar Felda: Salah laku masih berlaku, (Utusan Malaysia: 12 Ogos 1998)", "Masalah sosial remaja Felda membimbangkan, (Utusan Melayu, 14 Mac 1998)", "Std One girl killed by 10-year old..., (The Star, 27 Ogos 1997)" dan banyak lagi kes-kes yang melibatkan masalah sosial remaja dan belia tanah rancangan Felda yang telah di laporkan.

Zaleha Kamarudin, Sahari Nordin et. al. (2002) juga telah mengkaji masalah sosial di kalangan remaja dan belia tanah rancangan Felda menemui dapatan yang sama. Walaubagaimanapun mereka berpendapat bahawa isu-isu ini tidak pernah diambil peduli. Mereka juga berpendapat pada hakikatnya kewujudan masalah sosial yang melibatkan remaja dan belia dari tanah rancangan Felda adalah suatu realiti yang wajar dihadapi dan ditangani secara serius. Dengan itu kajian ini jelas menunjukkan masalah penyalahgunaan dadah, melepak, merokok, ponteng sekolah, perjudian, kecurian, lumba haram dan vcd lucah sebenarnya telah wujud di tanah rancangan Felda.

Daripada penyelidikan ini juga didapati bahawa antara perkara yang menjadi faktor yang menyumbang ke arah peningkatan masalah sosial yang melibatkan remaja dan belia tanah rancangan Felda ialah, faktor sikap dan pemikiran peneroka dan generasi baru, latar belakang keluarga, tiada aktiviti dan kelemahan penguatkuasaan undang-undang. Dapatan ini bersesuaian dengan dapatan Zaleha Kamarudin dan Sahari Nordin et. al. (Mac 2002) yang menyatakan bahawa hampir semua masalah-masalah sosial yang sering dikaitkan dengan masyarakat tanah rancangan Felda didasari oleh faktor kelemahan institusi keluarga dan diikuti oleh faktor-faktor lain seperti ekonomi dan ketidaktentuan harga komoditi (getah atau kelapa sawit) di pasaran. Selain daripada itu mereka juga menyatakan bahawa antara faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi kewujudan masalah sosial ini ialah kegagalan badan-badan sosial dan penguatkuasa undang-undang untuk berfungsi dengan baik.

Di samping itu Kementerian Pelajaran Malaysia (2004), juga turut menggariskan antara punca utama penglibatan remaja atau belia tanah rancangan Felda terutamanya pelajar sekolah dalam masalah sosial ialah faktor diri sendiri iaitu sikap ingin mencuba, ingin memberontak, krisis identiti / tekanan dan sikap tidak mahu mematuhi undang-undang. Selain daripada itu, antara faktor lain yang digariskan ialah, pengaruh rakan sebaya, latar belakang keluarga, pengetahuan agama yang rendah, faktor masyarakat atau persekitaran, pengaruh media massa dan faktor sosio ekonomi (BPPDP: 2004). Kajian daripada Yahaya Ibrahim (1998), menyatakan bahawa berdasarkan pandangan yang telah

diberikan oleh responden yang terdiri daripada golongan remaja mengenai keadaan remaja masa kini, kebanyakan mereka bersetuju dengan pendapat bahawa remaja masa kini lebih banyak membuang masa, suka melepak dan tiada matlamat hidup serta memerlukan bimbingan. Walaubagaimanapun mereka sendiri masih melakukan amalan yang sama walaupun mereka menyedari akan hakikat pembaziran masa dan gaya hidup yang negatif itu.

Daripada penyelidikan ini juga didapati bahawa peringkat umur yang banyak terlibat dalam masalah sosial ini ialah mereka yang berumur dari 15 hingga 40 tahun. Ianya adalah berdasarkan rekod yang didedahkan oleh pihak berkuasa seperti pihak pengurusan tanah rancangan Felda dan pihak polis di kawasan tanah rancangan Felda yang menjadi sampel kajian ini. Nor Fazilah Abdullah (1999) berpendapat bahawa selain daripada gaya hidup bebas remaja hari ini, kegagalan ibu bapa mengawal pergerakan dan aktiviti anak-anak mereka menjadi faktor mengapa masalah sosial ini berlaku di kalangan remaja dan belia yang berada dalam lingkungan umur tersebut. Maka jelaslah di sini bahawa wujudnya masalah penyalahgunaan dadah dan masalah sosial lain yang melibatkan remaja dan belia tanah rancangan Felda.

Dalam hal ini Felda perlu mengambil inisiatif dan usaha yang berterusan serta bergandingan dengan pelbagai institusi dan organisasi lain dalam usaha mencegah dan membanteras masalah-masalah sosial yang menghantui remaja dan belia tanah rancangan Felda ini.

Penyalahgunaan Dadah Di Kalangan Remaja Dan Belia Tanah Rancangan Felda.

Dapatan penyelidikan ini menunjukkan bahawa penyalahgunaan dadah di kalangan remaja dan belia tanah rancangan Felda yang dikaji dan kawasan sekitarnya sememangnya wujud.

Masalah ini dikenalpasti telah bermula daripada peringkat sekolah lagi. Dadah jenis ganja, morphine, heroin dan pelbagai jenis pil-pil khayal adalah jenis-jenis dadah yang mendapat permintaan yang tinggi daripada remaja dan belia tanah rancangan Felda. Perkara ini diakui oleh seorang pengetua sekolah yang bertugas di sebuah sekolah menengah berhampiran dengan lokasi penyelidikan ini. Menurut beliau masalah penagihan dan pengedaran dadah di kawasan tanah rancangan Felda ini telah dikenalpasti turut melibatkan pelajar sekolah. Statistik yang dikeluarkan oleh pejabat Felda yang menjadi sampel penyelidikan ini dan pejabat Agensi Anti Dadah Kebangsaan Negeri juga menunjukkan bahawa terdapatnya kes-kes penyalahgunaan dadah di kalangan generasi tanah rancangan Felda. Kewujudan masalah penagihan dan pengedaran dadah di kawasan tanah rancangan Felda memang sudah lama wujud dan tidak dapat disangkal lagi (Berita Harian :23 Oktober 2001, Utusan Malaysia: 8 Mac 2006, Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI) :2006).

Perkara yang sama juga turut diakui oleh Menteri Besar Pahang, Dato' Seri Haji Adnan Yaakob dan Ketua Turus Operasi dan Siasatan Jabatan Narkotik Negeri, Asisten Superintenden Muhammad Sakri Ariffin. Menurut mereka, Negeri Pahang adalah sebuah negeri yang mempunyai bilangan tanah rancangan Felda yang terbanyak di Malaysia dan gugusan Felda Jengka menjadi antara kawasan yang menghadapi masalah penyalahgunaan dadah yang paling rumit dan kritikal. Manakala mereka yang terlibat terdiri daripada generasi baru peneroka tanah rancangan Felda (Utusan Malaysia :14hb April 2005). Di negeri Pahang sahaja terdapat seramai 952 orang warga tanah rancangan Felda terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah di mana 799 orang berada di bawah program pengawasan dan 153 orang telah menjalani proses rawatan dan pemulihan di Pusat Serenti seluruh negara. Daripada jumlah ini 15 orang adalah penagih yang terdapat

di tanah rancangan Felda yang menjadi lokasi penyelidikan ini (Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI): 2006). Laporan penyelidikan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan mengenai Masalah Sosial Pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Rancangan Tanah FELDA turut meletakkan masalah penyalahgunaan dadah sebagai satu masalah sosial yang melibatkan generasi peneroka tanah rancangan Felda (BPPDP: 2004).

Penyelidikan ini juga mendapati bahawa terdapat banyak faktor yang mendasari masalah penyalahgunaan dadah di kalangan remaja dan belia tanah rancangan Felda antaranya ialah, pengangguran, pengangguran tidak ketara (*disguise unemployment*), tiada pekerjaan, merasa selesa dengan keadaan, pengaruh rakan sebaya, sifat ingin mencuba, tiada pengetahuan tentang bahaya dadah, disisihkan keluarga dan masyarakat, ibu bapa yang tidak prihatin, latar belakang keluarga, tahap pendidikan ibu bapa yang rendah dan persekitaran. Manakala Hussin et.al (2003) yang menjalankan kajian di Felda Kota Tinggi menggariskan empat faktor utama yang menyebabkan penagihan dadah di kalangan remaja dan belia tanah rancangan Felda iaitu perasaan ingin mencuba, mudah untuk mendapatkan bekalan dadah, kesunyian dan rasa jemu serta tiada aktiviti yang disukai di kawasan tersebut.

Selain daripada itu penyelidikan ini juga mendapati bahawa, kempen-kempen yang dijalankan oleh pihak kerajaan juga tidak berjaya memberikan kesan kepada golongan remaja dan belia tanah rancangan Felda untuk menjauhkan diri dari penyalahgunaan dadah. Ini berikutan seramai 2993 orang penagih baru dikesan sepanjang suku tahun pertama 2006 menjadikan purata 33 orang penagih baru dikesan dalam tempoh sehari di negara ini (Berita Harian, Keluaran Khas AADK: 26 Jun 2006). Jumlah ini adalah termasuk golongan remaja dan belia tanah rancangan Felda. Ini diakui sendiri oleh bekas-bekas penagih yang ditemubual penyelidik. Selain daripada itu mereka juga mengakui bahawa kekurangan aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan di sesebuah tanah rancangan Felda menjadikan alternatif lain untuk memenuhi masa lapang mereka. Akhirnya penglibatan dengan penyalahgunaan dadah menjadi titik tolak kepada usaha mereka memenuhi masa lapang mereka (Hussin: 2003).

Penyelidikan ini juga mendapati bahawa mereka yang terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah adalah berkemungkinan besar untuk terlibat atau melakukan jenayah-jenayah lain seperti mencuri, meragut, pecah rumah, menggadai maruah malah hingga sampai tahap membunuh. Penemuan yang sama juga telah ditemui oleh Zaleha Kamarudin dan Sahari Nordin et. al. et. al. (2002) dalam penyelidikan yang telah mereka jalankan mendapati bahawa masalah penyalahgunaan dadah terutamanya penagihan dadah adalah merupakan masalah utama di tanah rancangan Felda. Rentetan daripada masalah itu timbullah masalah-masalah lain seperti pecah rumah dan kecurian disebabkan penagih dadah tersebut memerlukan wang untuk mendapatkan bekalan. Di dalam hal ini juga penyelidikan ini mendapati bahawa sokongan dan penerimaan masyarakat terhadap golongan penagih yang berhasrat untuk berhenti menagih adalah amat penting bagi memastikan agar mereka ini tidak kembali menagih dan mempengaruhi orang lain untuk terlibat dengan penagihan dadah.

Penyelidikan ini kajian ini mendapati bahawa masalah penyalahgunaan dadah samada pengedaran atau penagihan dadah di kalangan remaja dan belia tanah rancangan Felda memang wujud dan menjadi satu krisis sosial yang melanda tanah rancangan tersebut dan negara ini. Ianya juga perlu dipandang serius dan usaha untuk membanterasnya perlu dilakukan secara berterusan.

Pengangguran Dan Pengangguran Tidak Ketara (Disguise Unemployment) Faktor Utama Peningkatan Kadar Gejala Sosial Dan Dadah Di Tanah Rancangan Felda.

Penyelidikan ini mendapati bahawa pengangguran dan Pengangguran Tidak Ketara (*Disguise Unemployment*) di kalangan remaja dan belia tanah rancangan Felda adalah menjadi faktor utama yang menyumbang kepada masalah penyalahgunaan dadah dan masalah sosial yang lain di kalangan remaja dan belia tanah rancangan Felda yang menjadi lokasi penyelidikan ini.

Dari perspektif ekonomi, pengangguran telah ditakrifkan sebagai mempunyai tenaga buruh tetapi tidak menyumbang kepada keluaran negara. Oleh itu pengangguran boleh di definisikan sebagai tenaga buruh yang tidak melakukan sebarang aktiviti ekonomi tetapi sedang giat mencari pekerjaan dalam ekonomi. Pengangguran juga boleh dikategorikan kepada beberapa kategori dan antaranya ialah pengangguran tersembunyi ataupun pengangguran tidak ketara. Pengangguran jenis ini berlaku apabila terdapatnya lebihan penggunaan tenaga buruh dalam sesuatu ekonomi. Pengangguran ini kebanyakannya berlaku dalam sektor pertanian. Kehadiran tenaga buruh yang berlebihan ini tidak akan menambahkan pengeluaran dan ketiadaan tenaga buruh ini juga tidak akan menjejaskan pengeluaran. (www.tutor.com.my/tutor/: 08 November 2006). Situasi remaja dan belia tanah rancangan Felda hari ini menampakkan bahawa mereka ini bukannya tidak mempunyai sebarang kerja, namun tempoh waktu mereka bekerja dalam tempoh sehari hanya melibatkan beberapa jam sahaja iaitu bermula daripada pagi hingga waktu tengahari. Manakala pada waktu petang pula tiada pekerjaan khusus atau tambahan yang mereka lakukan bagi mengisi masa terluang mereka.

Ini berdasarkan kepada kenyataan dan keluhan yang telah dikeluarkan oleh pihak pengurusan tanah rancangan Felda dan masyarakat setempat yang menjadi sampel bagi penyelidikan ini. Penyelidik juga mendapati bahawa golongan belia adalah golongan yang banyak menganggur di kawasan sampel penyelidikan ini dijalankan. Ini kerana mereka inilah yang seringkali dilihat melepak di kedai-kedai atau persimpangan, bermotor tanpa hala tujuan, berjaga malam tanpa sebab dan dikaitkan dengan masala-

masalah sosial atau jenayah yang terjadi di tanah rancangan Felda yang menjadi sampel kajian ini. Sedangkan dalam masa yang sama kajian ini mendapati bahawa kebanyakan daripada beliawanis tanah rancangan Felda tersebut bekerja di kilang-kilang berdekatan. Secara logiknya apabila seseorang itu tidak mempunyai sebarang aktiviti khusus seperti bekerja, maka mereka ini akan meluangkan masa mereka ke arah perkara lain termasuklah dengan melakukan perkara yang sia-sia seperti melepak, merokok, mencuri dan terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah.

Berdasarkan bancian yang dibuat oleh Pejabat Felda Wilayah pada tahun 2005 mengenai pekerjaan belia di tanah rancangan Felda bagi wilayah tersebut, kajian ini mendapati bahawa daripada keseluruhan 5800 belia yang terdapat di tanah rancangan wilayah tersebut, seramai 1146 orang daripada mereka bekerja kerajaan, 2373 orang bekerja swasta, 559 orang berniaga, 1052 orang bekerja di ladang, sejumlah 876 belia tidak bekerja dan selebihnya masih menuntut. Jumlah tersebut hanya untuk sebuah wilayah bagi tanah rancangan Felda, sedangkan jumlah Wilayah yang ada di tanah rancangan Felda adalah lebih dari sepuluh wilayah di seluruh negara. Daripada jumlah ini kajian ini mendapati bahawa di kawasan tanah rancangan Felda yang menjadi sampel penyelidikan ini sahaja mempunyai 200 orang belia. 14 orang daripadanya bekerja kerajaan, 63 orang bekerja swasta, 8 orang berniaga, 105 orang bekerja di ladang dan 10 orang lagi tidak bekerja.

Penyelidikan ini juga mendapati bahawa kebanyakan daripada peneroka dan belia di tanah rancangan Felda ini hanya bekerja di waktu pagi bermula dari 7.00 pagi hingga 11.00 pagi, sedangkan pada sebelah petangnya pula mereka hanya menghabiskan masa mereka dengan perkara-perkara yang tidak mendatangkan faedah seperti melepak dan merayau-rayau tanpa tujuan. Maka sudah pasti mereka ini akan terdedah kepada perkara-perkara negatif. Yahaya Ibrahim (1998) dalam penyelidikannya mengenai masalah melepak di kalangan remaja tanah rancangan Felda Semenanjung Malaysia mendapati bahawa kadar penglibatan rakan sebaya dalam tingkah laku *devian* bagi masalah penagihan dadah ialah sebanyak 12 peratus, manakala selebihnya ialah merokok (77 peratus), menonton dan membaca majalah dan filem lucu (36 peratus) dan berjudi

sebanyak 21 peratus. Dari sini jelas menggambarkan bahawa rakan sebaya boleh menyebabkan seseorang itu terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah. Daripada sini juga penyelidik membuat kesimpulan bahawa wujudnya masalah melepak ini disebabkan oleh ketiadaan pekerjaan untuk mengisi masa terluang mereka.

Penyelidikan ini juga mendapati bahawa faktor sikap masyarakat peneroka tanah rancangan Felda terutamanya generasi baru mengenai pekerjaan menjadi faktor kepada lambakan remaja dan belia yang tidak mempunyai kerja atau di dalam istilah lain dikenali sebagai penganggur. Sikap sebilangan mereka yang malas, tiada inisiatif untuk mencari ruang dan peluang mendapatkan pekerjaan dan terlalu bergantung kepada 'harta dan kekayaan' ibu bapa menjadi faktor utama yang menyumbang ke arah masalah ini. Zaleha Kamarudin dan Sahari Nordin et. al. et. al. (2002) juga menyatakan antara faktor-faktor lain yang menyumbang ke arah peningkatan kadar pengangguran di kalangan remaja dan belia tanah rancangan Felda adalah disebabkan pernah diberhentikan kerja, tiada daya usaha, terlalu memilih pekerjaan dan tidak mempunyai pekerjaan tetap.

Selain daripada itu penyelidikan ini menemui bahawa, golongan belia tanah rancangan Felda tidak tahu mencari ruang mahupun menggunakan peluang yang telah tersedia. Ini berikutan situasi yang sedang dihadapi oleh belia tanah rancangan Felda ini ialah, kebanyakan daripada tanah ladang yang dimiliki oleh ibu bapa mereka telah diserahkan pada pihak Felda untuk diusahakan. Ladang tersebut diusahakan pula oleh buruh yang dibawa dari luar seperti tenaga buruh Indonesia. Apa yang mereka tahu bahawa ibu bapa mereka akan menerima wang sara hidup daripada pihak Felda sekurang-kurangnya RM 1000.00 untuk setiap bulan. Pada mereka itu sudah mampu untuk menampung perbelanjaan harian keluarga. Apa yang dimaksudkan dalam penyelidikan ini sebagai tidak tahu menggunakan peluang yang tersedia ialah ramai daripada belia tanah rancangan Felda ini tidak mahu menggunakan peluang untuk memohon kemudahan yang telah disediakan oleh pihak Felda yang membuka peluang kepada mereka untuk menjadi usahawan melalui peruntukan Skim Intensif Usahawan Felda samada di dalam bidang perniagaan ataupun penternakan haiwan.

Skim ini memang sudah lama wujud dan ianya disediakan untuk semua peneroka dan generasi peneroka, namun ianya tidak mendapat sambutan daripada mereka ini apabila hanya lebih kurang 30 peratus sahaja daripada skim tersebut yang telah digunakan. Maka amat jelas di sini bahawa masalah pengangguran dan perspektif atau sikap belia dan remaja terhadap pekerjaan menjadi penyumbang utama ke arah keterlibatan golongan ini kepada gejala-gejala tidak sihat seperti masalah penyalahgunaan dadah dan masalah-masalah sosial lain.

Kelemahan Institusi Pentadbiran Dan Pengurusan.

Penyelidikan ini mendapati bahawa wujud kelemahan pentadbiran dan pengurusan yang melibatkan pengurusan Felda, JKKK, masjid, sekolah dan pihak berkuasa tempatan. Kelemahan-kelemahan ini menjadi faktor kepada berlakunya pelbagai masalah sosial yang melibatkan semua lapisan warga Felda yang terdiri daripada golongan peneroka, belia dan remaja.

Di peringkat pengurusan Felda, mereka telah gagal memenuhi keperluan rohani dan pembangunan insan para penduduk dengan menyediakan program-program berbentuk keagamaan bagi memberikan pengetahuan yang mendalam berkenaan agama Islam. Kesannya penghayatan agama di kalangan penduduk sangat lemah dan mereka mudah terpengaruh dengan anasir-anasir negatif yang menyerang dari pelbagai sudut. Ini terbukti apabila jawatan pegawai agama yang berperanan menjalankan aktiviti keagamaan di Felda sudah dihapuskan. Apabila penyelidik merujuk kepada aktiviti yang dirancang di peringkat wilayah, hanya terdapat satu aktiviti bagi Felda yang menjadi sampel pada penyelidikan ini. Aktiviti tersebut dinamakan sebagai Debat Kenegaraan Komuniti Bestari Peringkat Negeri. Malahan, aktiviti ini juga bukan aktiviti dakwah atau kerohanian. Begitu juga Felda-Felda lain yang berada di bawah pentadbiran wilayah ini. Daripada senarai aktiviti yang diperolehi, hanya tiga aktiviti yang disifatkan sebagai aktiviti kerohanian iaitu program meraikan Haji dan Hajjah, Sambutan Maulidur Rasul dan Seminar Bina Negara Guru-guru SAR.

Satu penyelidikan yang telah dijalankan di Felda Sungai Tengi, Hulu Selangor (Siti Sabariah Binti Sapuan:1993) menunjukkan bahawa pegawai hal ehwal agama memainkan peranan yang penting dalam masyarakat Felda bagi membangunkan aspek kerohanian untuk diseimbangkan dengan pembangunan fizikal yang dirancang. Namun begitu, tidak semua tanah rancangan Felda ditempatkan pegawai agama. Sesebuah tanah rancangan itu akan ditempatkan pegawai agama sekiranya kawasan tersebut tidak mempunyai ahli yang mahir dengan pengetahuan agama dan kebanyakannya dihuni oleh golongan muda. Sekiranya terdapat golongan tua yang mahir dengan pengetahuan agama, mereka akan dipertanggungjawabkan untuk membantu masyarakat menjalankan aktiviti kerohanian sambil dipantau oleh penolong pengurus (sosial).

Kelemahan pengurusan Felda semakin jelas kerana bukan sahaja aktiviti kerohanian tidak dapat dijalankan, malahan aktiviti kemasyarakatan juga tiada. Contohnya aktiviti gotong-royong dan kegagalan persatuan-persatuan dibawahnya menjalankan aktiviti untuk masyarakat terutamanya golongan belia dan remaja yang suka kepada aktiviti hiburan dan riadah. Kesannya, kehidupan golongan ini kosong tanpa diisi sebarang aktiviti yang berfaedah. Akhirnya segelintir daripada mereka mula terjebak ke dalam kancah kemaksiatan. Daripada pemerhatian yang dijalankan, masalah penagihan dadah kebanyakannya melibatkan generasi kedua Felda.

Daripada satu penyelidikan yang dijalankan ke atas generasi pertama peneroka Felda Aping Timur, Johor (Ishak Radzi:1983) menunjukkan setiap lapisan masyarakat yang terdiri daripada peneroka, belia, remaja dan wanita mempunyai tempat untuk terlibat dalam setiap persatuan dan badan-badan tertentu yang ditubuhkan. Bagi warga peneroka mereka secara automatiknya didaftarkan sebagai ahli JKKR (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan), wanita pula boleh melibatkan diri dalam GPW (Gerakan Persatuan Wanita). Manakala bagi golongan belia dan remaja pula banyak ditubuhkan kelab-kelab sukan yang bersesuaian dengan jiwa remaja yang sentiasa aktif dan cergas. Jika dibuat perbandingan dengan kawasan kajian mendapati bahawa segala bentuk persatuan dan kelab yang ditubuhkan tidak dapat dijalankan kerana kekurangan sokongan

masyarakat setempat. Ini diperakui oleh salah seorang tokoh veteran di kampung tersebut. Menurutnya lagi persefahaman di antara belia sukar diwujudkan dan mereka enggan duduk di meja perbincangan.

Selain daripada itu, kelemahan pengurusan masjid juga dapat dilihat apabila fungsinya yang sebenar tidak dapat dilaksanakan. Di kawasan penyelidikan, aktiviti solat jemaah hanya dihadiri oleh warga veteran sahaja. Selain daripada itu, hanya seorang anak tempatan yang menjadi tenaga pengajar yang bersedia untuk mengadakan kelas pengajian selepas solat maghrib. Seorang lagi anak tempatan yang menjadi tenaga pengajar di situ mengadakan kelas pengajian bulanan memandangkan beliau bertugas di luar kawasan. Tiada usaha dijalankan untuk menarik golongan belia dan remaja apatah lagi golongan peneroka yang sepatutnya menjadi contoh kepada generasi seterusnya. Menurut Siti Sabariah Sapuan (1993), felda pernah merancang program solat berjemaah di masjid dengan sasaran kehadiran 50 orang bagi solat maghrib dan isyak serta 30 orang bagi solat Subuh, Zohor dan Asar. Bagi menggalakkan penduduk menyertai solat jemaah ini, semua jawatankuasa masjid dan surau serta pemimpin peneroka dikehendaki turut serta sebagai contoh kepada masyarakat.

Di peringkat pengurusan sekolah pula, mereka menyatakan bahawa pihak sekolah hanya mampu mengawasi para pelajar di dalam waktu persekolahan sahaja. Apabila sesi persekolahan berakhir, pelajar akan bebas daripada pengawasan pihak sekolah. Ketika itu, pihak yang lain harus memainkan peranan mereka termasuk masyarakat sekeliling yang perlu prihatin terhadap aktiviti dan tingkahlaku remaja ini di luar rumah. Kelemahan ini diperakui sendiri oleh guru besar, pihak kaunselor dan guru disiplin di sekolah tersebut. Walaubagaimanapun, pihak sekolah sentiasa berusaha melaksanakan tanggungjawabnya. Diantaranya ialah dengan mewajibkan setiap pelajar solat zohor berjemaah pada hari-hari persekolahan.

Dari sudut penguatkuasaan yang dipertanggungjawabkan ke atas pihak polis, terdapat beberapa kelemahan yang diperakui oleh mereka iaitu masalah kekurangan anggota dan kenderaan polis menyebabkan mereka tidak dapat melaksanakan operasi rondaan

semaksimum mungkin. Namun, daripada pemerhatian yang dijalankan sepanjang berada di lokasi penyelidikan mendapati hanya beberapa kali sahaja kelihatan anggota polis yang beruniform menjalankan rondaan di kawasan penempatan penduduk FELDA. Menurut dakwaan pegawai polis yang ditemuramah, beliau menyatakan bahawa kawasan penyelidikan ini adalah antara kawasan FELDA yang mempunyai rekod terendah memandangkan bagi tahun 2006 ini tiada kejadian jenayah yang dilaporkan.

Tahap Pemahaman Agama Yang Kurang.

Penyelidikan ini mendapati bahawa pengetahuan, pemahaman dan penghayatan agama masyarakat tanah rancangan FELDA berada pada tahap yang rendah. Ini berdasarkan kepada temubual dan pemerhatian terhadap bekas-bekas penagih dan juga masyarakat setempat. Menurut Siti Sabariah Sapuan (1992), Penyertaan masyarakat rancangan dari sesetengah golongan agak mendukacitakan. Ini disebabkan kurangnya kesedaran di kalangan mereka terhadap aktiviti-aktiviti kerohanian. Hanya golongan peneroka dan penerokawati sahaja yang berminat manakala golongan belia dan beliawanis agak mengecewakan kerana mereka lebih cenderung kepada aktiviti berunsur hiburan.

Ia dapat dilihat apabila aktiviti yang diatur oleh jawatankuasa masjid tidak mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat FELDA terutamanya golongan belia dan remaja. Sebahagian daripada mereka beranggapan bahawa agama itu hanya perlu dizahirkan melalui solat dan puasa sahaja sedangkan pengertian agama itu adalah lebih luas mencakupi pelbagai aspek kehidupan. Antara perkara-perkara lain yang boleh menggambarkan mengenai tahap pemahaman agama yang rendah di kalangan masyarakat tanah rancangan FELDA ialah tidak menunaikan solat Jumaat, tidak tahu membaca al-Quran, terlibat dengan aktiviti perjudian, kecurian, pergaduhan hatta wujud di kalangan remaja yang tidak tahu mengucap dua kalimah syahadah. Zaleha Kamarudin dan Sahari Nordin et. al. (2002) menyatakan bahawa pegangan agama yang lemah di kalangan masyarakat Tanah rancangan FELDA dapat dilihat melalui kurangnya kesedaran agama seperti tidak tahu menunaikan solat dan membaca al-Quran serta perkara-perkara asas

fardhu ain di kalangan ibubapa menjadi punca kepada berlakunya permasalahan sosial yang melibatkan belia dan remaja di tanah rancangan Felda. Ia ditambah lagi dengan tiadanya penekanan aspek kerohanian dan pembangunan insan daripada pihak berwajib seperti pihak pengurusan Felda, majlis agama peringkat daerah dan pihak sekolah. Penyelidikan itu mendapati bahawa kebanyakan ibubapa di tanah rancangan Felda tidak tertarik untuk menghadiri ceramah yang dianjurkan oleh jawatankuasa masjid atau institusi agama yang dipertanggungjawabkan.

Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2004), antara punca yang menyebabkan generasi baru Felda rendah pengetahuan dan penghayatan agamanya adalah disebabkan tahap pendidikan ibubapa mereka suatu ketika dahulu. Ini dibuktikan apabila didapati lebih daripada 50 % daripada peneroka awal Tanah Rancangan Felda hanya menerima pendidikan pada tahap sekolah rendah sahaja. Daripada sini, bukanlah satu perkara yang mustahil untuk generasi baru tanah rancangan Felda berada jauh daripada pegangan agama yang sebenar. Laporan kementerian tersebut juga menyatakan secara keseluruhannya para pelajar sekolah menengah di tanah rancangan Felda jarang-jarang menunaikan solat lima waktu, membaca al-Quran, melibatkan diri dengan aktiviti masjid atau surau dan menghadiri kelas-kelas agama di luar sekolah(BPPDP:2004).

Maka di sini jelas menggambarkan bahawa tahap pengetahuan, pemahaman dan penghayatan aspek-aspek keagamaan di kalangan masyarakat tanah rancangan Felda terutamanya golongan belia dan remaja berada pada tahap yang amat membimbangkan. Maka adalah tidak mustahil sekiranya permasalahan ini tidak dibendung, ia akan membawa kepada masalah-masalah lain yang lebih merumitkan.

Ketidakseimbangan Antara Pembangunan Ekonomi Dan Infrastruktur Dengan Aspek Pembangunan Insan.

Akibat daripada kelemahan penghayatan agama di kalangan penduduk Felda, maka dapat ditafsirkan berlaku ketidakseimbangan antara pembangunan ekonomi dan pembangunan insan. Dari sudut ekonomi, Felda dilihat sebagai satu organisasi yang mampu menjana pendapatan yang besar melalui sektor pertanian dan ladangnya. Malah sepanjang penyelidikan berada di lokasi penyelidikan, kebanyakan peneroka skim getah sedang menikmati hasil yang lumayan memandangkan kenaikan harga getah di pasaran dunia. ini memberikan peluang kepada warga Felda untuk memperbaiki taraf hidup mereka.

Namun dalam keghairahan pihak-pihak ini menikmati hasil yang diperolehi, mereka terlupa untuk membangunkan aspek lain yang lebih penting iaitu pembangunan rohani dan insan. Felda selaku majikan kepada para peneroka ini mempunyai tanggungjawab yang besar bagi memastikan tuntutan agama tidak diabaikan. Tambahan pula, para peneroka adalah terdiri daripada individu yang berpendidikan rendah dan perlu dibimbing dari masa ke semasa. Dalam hal ini, sekali lagi Felda melalui bahagian kebajikan masyarakat perlu memainkan peranannya. Namun jawatan pegawai agama yang sebelum ini diwujudkan telah dihentikan fungsinya. Kesannya, masjid-masjid mula kosong kerana ketiadaan program-program keagamaan yang dapat mengisi kekosongan jiwa para peneroka ini. Masyarakat kehilangan pembimbing yang dapat memandu mereka ke arah kebenaran.

Dengan situasi hari ini, warga peneroka sebenarnya mempunyai banyak masa terluang memandangkan ladang mereka telah diuruskan oleh Felda sepenuhnya. Mereka hanya menerima bayaran bulanan apabila tiba waktunya. Masa-masa yang terluang ini patut dimanfaatkan dengan pelbagai aktiviti berfaedah. Tambahan pula, Felda di peringkat wilayah menyediakan kemudahan bantuan kewangan kepada para peneroka yang berminat untuk memulakan perniagaan bagi menambahkan pendapatan keluarga.

Dalam situasi ini Kamal Amran Kamarudin (2006) menyatakan bahawa sesebuah negara atau kerajaan perlu jelas dengan konsep yang diutarakan oleh Islam demi meningkatkan pembangunan umat dan masyarakat sekitarnya. Terdapat beberapa elemen penting yang ada dalam struktur sosial sesebuah masyarakat iaitu, pewujudan keadilan yang mutlak dalam masyarakat, pengamalan konsep amal makruf nahi munkar, pembentukan keluarga bahagia dan persamaan taraf di antara ahli masyarakat. Maka sewajarnya Felda perlu sedar untuk memainkan peranannya bagi memastikan masyarakatnya seimbang dari aspek pembangunan struktur dan kerohanian.

Masyarakat Yang Tidak Mempunyai Pengetahuan Tentang Dadah.

Kajian mendapati bahawa, kurangnya pemahaman masyarakat tanah rancangan Felda dapat di lihat pada jenis, bentuk dan bahayanya. Memang tidak dapat dinafikan memang terdapat penagih dadah yang tidak mengetahui kesan penagihan dadah terhadap diri mereka. Ketika itu, mereka hanya memikirkan untuk keseronokan semata-mata. Pengambilan dadah meletakkan seseorang itu berada dalam keadaan khayal dan menimbulkan keseronokan. Cara ini digunakan bagi seseorang untuk melupakan sebentar masalah hidup yang dihadapi. Lama-kelamaan amalan pengambilan dadah bertukar kepada penagihan yang memerangkap individu tersebut. Pada tahap ini, kebergantungan terhadap dadah amat tinggi sehingga ia sukar untuk ditinggalkan.

Sekiranya wujud penagih sendiri yang tidak mengetahui tentang bahaya dadah, jadi, bukanlah suatu yang menghairankan apabila masyarakat lain turut mengakui tidak pernah melihat fizikal dadah itu sendiri. Oleh kerana dadah adalah bahan terlarang ia tidak sewenang-wenangnya didedahkan kepada umum. Maka, pihak-pihak yang berwajib telah berusaha memberikan pemahaman kepada masyarakat umum berkenaan dadah dari sudut penjenisan, tahap kebahayaan dan hukum agama. Namun usaha yang dijalankan dalam bentuk ceramah, pameran dan sebagainya masih belum mampu memberikan kesan yang mendalam di hati masyarakat.

5.2 CADANGAN MODALITI

Bagi memahami situasi, struktur sosial dan permasalahan masyarakat tanah rancangan Felda adalah suatu perkara yang kompleks. Ini kerana majoriti masyarakatnya datang dari latar belakang, fahaman dan taraf ekonomi yang berbeza. Maka sewajarnya modaliti atau kaedah dakwah yang berbeza dan bersesuaian untuk mengatasi masalah mereka perlulah disesuaikan mengikut peringkat dan permasalahan dan struktur mereka dalam komposisi masyarakat tanah rancangan Felda.

Antara permasalahan yang selalu dikaitkan dengan masyarakat tanah rancangan Felda ialah penyalahgunaan dadah, pengangguran dan pengangguran tidak ketara, kelemahan institusi-institusi pentadbiran dan pengurusan, tahap pemahaman agama yang kurang, masyarakat yang tidak mempunyai pengetahuan tentang dadah dan masalah-masalah sosial lain seperti kecurian, melepak, ponteng sekolah, lumba haram, VCD lucah, pornografi dan sebagainya. Maka penyelidikan ini mencadangkan beberapa modaliti yang dijangkakan dapat memberi manfaat yang besar kepada pembangunan struktur, kerohanian dan komposisi masyarakat tanah rancangan Felda. Modaliti ini merangkumi aspek pembangunan fizikal, kerohanian dan mentaliti masyarakat tanah rancangan Felda dalam menghadapi cabaran yang mendatang. Modaliti tersebut merangkumi pembangunan Pusat Ilmu, mewujudkan Penggerak Masyarakat Felda dan melaksanakan beberapa modul seperti Modul Kualiti Keibubapaan, Modul Jalan Pulang, Modul Remaja Aktif, Modul Rancangan Bebas Dadah dan Kempen-kempen yang bersesuaian dan berterusan.

Modul-modul ini berteraskan dua aspek utama iaitu pembangunan fizikal dan juga pembangunan spiritual. Aspek pembangunan fizikal merangkumi Pusat Ilmu dan Penggerak Masyarakat Felda. Ini menjadi satu aspek penting dalam usaha pencegahan masalah-masalah sosial yang melanda golongan remaja dan belia tanah rancangan Felda. Pembangunan Pusat Ilmu bertujuan untuk mewujudkan sebuah pusat yang memainkan peranan untuk menjadi pusat perkembangan minda dan kerohanian masyarakat seterusnya menjadi wadah ke arah pengukuhan ikatan persaudaraan di kalangan masyarakat tanah

rancangan Felda. Manakala kewujudan Penggerak Masyarakat Felda pula berperanan untuk menjadi perantara, perancang, pelaksana dan rujukan masyarakat setempat bagi membincangkan, menghalusi dan membimbing masyarakat tanah rancangan Felda ke arah cara hidup yang lebih baik dan teratur. Mereka ini perlu sentiasa dekat dengan masyarakat tanah rancangan Felda dan memahami kehendak dan tuntutan semasa masyarakat tanah rancangan tersebut.

Manakala modul yang berkaitan dengan aspek pembangunan kerohanian pula merangkumi modul-modul yang akan di laksanakan oleh Penggerak Masyarakat Felda sepanjang berkhidmat di dalam tanah rancangan Felda tersebut. Ianya merangkumi aspek kekeluargaan, keinsafan, aktiviti-aktiviti, kempen dan pembangunan spiritual masyarakat tanah rancangan Felda. Secara umumnya, terdapat beberapa kriteria yang digariskan bagi membentuk modaliti dakwah ini. Kriteria tersebut adalah semua bentuk program yang dijalankan perlu bersesuaian dengan kehendak masyarakat setempat. Bagi memenuhi keperluan ini, Penggerak Masyarakat Felda perlulah mengkaji terlebih dahulu minat dan kecenderungan masyarakat terhadap aktiviti yang ingin dijalankan. Ini bertujuan memastikan program yang dijalankan mendapat sambutan dan memberi manfaat kepada masyarakat keseluruhannya. Penyelidikan ini menemui bahawa, sememangnya wujud kecenderungan masyarakat terhadap program atau kegiatan berunsur hiburan. Oleh itu, methodologi yang sama boleh diaplikasikan tetapi perlu ditambah dengan unsur-unsur dakwah dan pendidikan supaya mesej yang ingin disampaikan dapat diterap secara tidak langsung ke dalam jiwa masyarakat.

Bagi memastikan modul-modul ini mencapai objektif dan matlamat yang ditetapkan, program yang dilaksanakan perlulah dirancang sebaik mungkin bagi mengelakkan rasa bosan dan jemu para peserta. Antara cara-cara yang boleh dipraktikkan adalah dengan menyusun jadual program pada waktu yang bersesuaian dan tidak melibatkan tempoh yang lama. Mungkin tidak wajar untuk memulakan suatu program itu pada awal pagi kerana mungkin pada waktu tersebut para penduduk mempunyai urusan di rumah mahupun di ladang yang perlu diselesaikan. Tempoh masa yang panjang juga boleh menimbulkan kebosanan ditambah pula dengan corak penyampaian dan pengisian

yang hambar. Untuk mengelakkan kebosanan, program tersebut perlu turut melibatkan penyertaan peserta secara langsung dengan beberapa aktiviti dan gerak kerja berkumpulan.

Satu lagi kaedah yang boleh diterapkan ke dalam program yang ingin dijalankan ini ialah selain menambah ilmu pengetahuan dan menyelesaikan masalah yang dihadapi, beberapa bentuk kemahiran yang boleh dipraktikkan dalam kehidupan seharian turut mampu menarik minat masyarakat. Dalam situasi penduduk yang mempunyai masa terluang yang begitu panjang, mereka perlu melakukan pekerjaan lain yang dapat menambah sumber pendapatan keluarga. Mungkin sesetengah daripada mereka mempunyai kecenderungan terhadap sesuatu perkara tetapi disebabkan tiada kemahiran dan sikap malu untuk bertanya menjadikan mereka tidak terdedah kepada peluang-peluang yang telah sedia kala wujud. Kemahiran-kemahiran yang mungkin bersesuaian adalah seperti membaiki jentera, pertukangan, industri kecil, penternakan, pertanian dan pemasangan sistem pendawaian untuk rumah dan kedai (*wiring*). Program ini boleh dijalankan dengan mengadakan kursus-kursus asas dan menyediakan bantuan berbentuk kewangan dan peralatan. Kemahiran-kemahiran yang dicadangkan ini adalah dinilai berdasarkan kesesuaian dan keperluan semasa disamping merujuk kepada cara dan taraf hidup penduduk tanah rancangan felda. Kemahiran-kemahiran ini amat berguna kepada mereka. Selain daripada menambah pendapatan, diharap kemahiran yang dibekalkan membolehkan mereka meneroka kerjaya di dunia luar dan melihat dunia dari perspektif yang lebih luas.

Adalah diharapkan agar dengan perlaksanaan modul ini dapat menjadikan masyarakat tanah rancangan Felda sebagai masyarakat yang membangun dalam segala aspek kehidupan.

Pusat Ilmu.

Pendahuluan

Hasil penyelidikan ini menunjukkan bahawa perlunya diwujudkan suatu pendekatan yang boleh menyebabkan seseorang itu kembali kepada penghayatan agama yang kukuh sebagai satu cara pengurusan kepada penyelesaian masalah sosial dan penyalahgunaan dadah. Walaubagaimanapun konsep kembali kepada agama itu masih lagi samar dan tidak diperjelaskan bagi membolehkan ianya dipraktikkan. Dengan itu adalah dicadangkan agar diwujudkan persekitaran keagamaan dengan pembimbing yang mempunyai pengetahuan agama yang mantap dan beroperasi di suatu tempat yang mudah dikunjungi bagi mendapatkan bimbingan-bimbingan yang diperlukan. Dengan itu adalah dicadangkan agar ditubuhkan suatu pusat yang dikenali sebagai Pusat Ilmu yang berteraskan kepada ajaran agama Islam.

Konsep

Adalah diharapkan agar dengan Penubuhan Pusat Ilmu di setiap tanah rancangan Felda akan dapat menjadikan Felda sebagai sebuah badan yang bukan hanya berperanan menyediakan infrastruktur asas kepada masyarakatnya bahkan ianya akan menjadi sebuah badan yang berperanan dalam membantu masyarakatnya menghayati kecemerlangan ilmu dan maklumat seiring dengan tuntutan semasa.

Pusat Ilmu ini akan menjadi pusat tumpuan masyarakat tanah rancangan Felda tanpa mengira usia dan jantina. Ianya boleh dijadikan landasan untuk anak-anak peneroka tanah rancangan Felda yang telah berjaya untuk kembali menabur bakti di tanah tumpah darah mereka. Ini kerana kita melihat bahawa kebanyakan generasi-generasi tanah rancangan Felda yang telah mengecapi kejayaan tidak tahu menggunakan ruang atau mengambil peluang untuk menabur khidmat bakti terhadap masyarakat tanah rancangan Felda yang telah berbakti kepada mereka selama ini. Antara bentuk sumbangan yang boleh mereka berikan samada berbentuk ilmu pengetahuan atau pendidikan mahupun aktiviti kemahiran. Dicapadangkan agar di Pusat Ilmu ini nanti akan diwujudkan penginapan dan tempat untuk menyediakan makan dan minum untuk mereka yang ingin

mendalami ilmu pengetahuan agama di Pusat Ilmu ini. Ia juga bertujuan untuk memberi kemudahan kepada masyarakat setempat yang hadir ke Pusat Ilmu ini.

Pada dasarnya Pusat Ilmu ini akan digerakkan oleh Penggerak Masyarakat Felda berdasarkan kepada keperluan masyarakat setempat. Sasaran penubuhan Pusat Ilmu ini adalah di setiap tanah rancangan Felda yang terdapat di negara ini.

Objektif dan Matlamat

1. Menyediakan sebuah pusat yang kondusif untuk masyarakat tanah rancangan Felda mempelajari dan mendalami ilmu pengetahuan tanpa mengira aspek umur, jantina dan sebagainya.
2. Menjadi pusat perkembangan ilmu dan maklumat untuk masyarakat di tanah rancangan Felda.
3. Menjadi pusat gerakan aktiviti keagamaan, kekeluargaan, kemasyarakatan, pendidikan dan sebagainya demi kemudahan masyarakat tanah rancangan Felda.
4. Dapat menjadi sebuah pusat tumpuan dan rujukan masyarakat tanah rancangan Felda untuk mereka yang mahu kembali kepada agama.
5. Berperanan untuk mengukuhkan pengetahuan dan penghayatan agama masyarakat setempat.
6. Menjadikan individu dan masyarakat tanah rancangan Felda sebagai sebuah masyarakat yang berdaya saing, bermaklumat dan maju ke hadapan dalam segala segi.
7. Melahirkan masyarakat tanah rancangan Felda yang sentiasa berganding bahu, menolak sikap *individualistic* dan mempunyai penghayatan dan pegangan agama yang kukuh.

Gerak Kerja

Antara gerak kerja dan panduan untuk mewujudkan Pusat Ilmu ini ialah:

1. Pusat Ilmu tersebut perlulah berdekatan dengan masjid.
2. Menjadikan Pusat Ilmu ini sebagai sebuah pusat yang menyediakan khidmat kaunseling dan tarbiah bagi masyarakat yang ingin mendapatkan bimbingan dan kaunseling yang disediakan.
3. Kemudahan komputer dan internet untuk kegunaan masyarakat setempat.
4. Perpustakaan dan tempat pengajian untuk masyarakat setempat terutamanya remaja dan belia menambah ilmu pengetahuan.
5. Pusat tuisyen untuk membantu anak-anak peneroka terutamanya yang akan menghadapi peperiksaan seperti UPSR, PMR, SPM dan STPM.
6. Kelas pengajian al-Quran dan Fardhu Ain bagi kanak-kanak dan golongan ibu bapa.
7. Pusat rekreasi dan riadhah untuk kemudahan bersukan bagi anak-anak muda tanah rancangan Felda.

Penggerak Masyarakat Felda

Pendahuluan

Dengan menjadikan golongan belia sebagai nadinya, kewujudan Penggerak Masyarakat Felda di kalangan belia yang berkelulusan, berkelayakan dan terlatih adalah bertujuan untuk merancang serta melaksanakan aktiviti-aktiviti yang memberikan manfaat sepenuhnya kepada masyarakat tanah rancangan Felda. Di samping itu para penggerak masyarakat Felda ini boleh dijadikan *role model* yang baik dan dihormati di dalam sesebuah masyarakat tanah rancangan Felda tersebut.

Konsep

Dari segi konsep asasnya, penggerak masyarakat Felda ini perlu terdiri dari kalangan belia dan beliawanis yang mempunyai ilmu pengetahuan agama yang luas, mempunyai kemahiran komunikasi yang baik, berkelulusan serta mempunyai sifat kepimpinan yang terpuji, supaya ianya dihormati dan boleh menjadi tempat rujukan masyarakat setempat.

Setiap daripada penggerak masyarakat ini pula berperanan untuk merancang, melaksanakan dan menilai segala aktiviti yang bermanfaat untuk masyarakat setempat samada ianya bercorak keagamaan, kemasyarakatan, kebudayaan mahupun sukan. Walaubagaimanapun hakikatnya setiap program yang dirancang untuk dilaksanakan perlulah diselitkan dengan aspek kerohanian dan pengukuhan jiwa. Penggerak masyarakat ini perlu memastikan agar setiap perancangan yang akan dilaksanakan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Adalah menjadi satu aspek yang amat penting bagi setiap penggerak masyarakat Felda ini untuk menjalinkan hubungan mesra yang erat dengan masyarakat setempat sehingga mereka ini mampu untuk mempengaruhi setiap lapisan masyarakat yang terdapat di tanah rancangan Felda ini.

Mereka ini perlu menonjolkan sifat-sifat yang baik seperti amanah, cekap dan mampu untuk menjadi *role model* kepada masyarakat setempat. Tenaga penggerak ini hendaklah diiktiraf sebagai golongan professional dan menerima imbuhan yang setimpal

dengan kelulusan yang mereka miliki. Adalah dicadangkan agar pembayaran imbuhan atau gaji bagi penggerak masyarakat ini disediakan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Manakala mereka ini perlu dikawal selia oleh badan berkanun terbabit. Perlu kita sedar sekira penggerak masyarakat Felda ini dapat direalisasikan maka sekurang-kurangnya ianya dapat membuka peluang pekerjaan kepada lelasan-lelasan universiti yang tidak mempunyai pekerjaan.

Adalah diharapkan dengan wujudnya penggerak masyarakat Felda ini ianya akan dapat menjadikan situasi kemasyarakatan masyarakat tanah rancangan Felda lebih teratur dan tersusun dengan melakukan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat.

Objektif dan Matlamat

1. Mewujudkan *role model* yang baik serta boleh menjadi ikutan, berpengaruh dan menjadi tumpuan ataupun rujukan masyarakat setempat.
2. Menjadi penghubung di antara pihak pengurusan Felda dengan masyarakat setempat.
3. Merancang, melaksanakan dan menilai semula aktiviti yang bermanfaat untuk masyarakat tanah rancangan Felda.
4. Dapat mewujudkan seorang yang boleh menjadi ikutan dan contoh terbaik dalam sesebuah masyarakat tanah rancangan Felda.
5. Dapat mendalami permasalahan yang melibatkan masyarakat tanah rancangan Felda dengan lebih telus.
6. Melahirkan masyarakat yang sentiasa terbuka dengan keadaan dan tuntutan semasa, bersatu padu, bermuafakat dan saling bekerjasama.
7. Memberikan maklumat dan penerangan kepada masyarakat setempat mengenai gejala sosial dan penyalahgunaan dadah.

Gerak Kerja

Antara gerak kerja dan panduan untuk mewujudkan Penggerak Masyarakat Felda ini ialah dengan mewujudkan:

1. Mencari golongan remaja belia yang berkelulusan, berkelayakan dan berkemahiran melalui keadah rutin bagi seseorang itu untuk mendapatkan pekerjaan.
2. Memberi latihan dan penerangan kepada mereka yang terpilih mengenai aspek-aspek yang berkaitan dengan tanah rancangan Felda, gejala sosial yang berlaku, kaedah kepimpinan dan komunikasi dan sebagainya.
3. Seseorang penggerak masyarakat Felda itu perlu mempunyai kualiti yang sama dengan kualiti seseorang yang ingin menjadi pendakwah.
4. Penggerak masyarakat Felda itu perlu merancang, melaksanakan ataupun menerangkan mengenai bahaya dadah kepada masyarakat tanah rancangan Felda.
5. Penggerak masyarakat Felda ini perlu merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang boleh memberikan manfaat kepada masyarakat tanah rancangan Felda samada ianya berbentuk kerohanian, kemasyarakatan mahupun seni dan budaya. Semua aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan ini perlu dinilai semula untuk diperbaiki, dipinda dan ditambah baik.
6. Selain daripada itu penggerak masyarakat Felda ini perlu menjalinkan hubungan yang baik dengan masyarakat setempat agar mereka dapat memberikan persepsi yang baik terhadap pihak pengurusan dan pentadbiran tanah rancangan Felda.
7. Penggerak masyarakat Felda ini boleh menjadikan Pusat Ilmu sebagai tempat untuk beroperasi dan mereka inilah yang bertanggungjawab menghidupkan Pusat Ilmu dengan aktiviti yang telah dirancang untuk dilaksanakan.
8. Penggerak Masyarakat Felda perlu menyediakan kursus untuk golongan peneroka dan generasi baru Felda berkaitan dengan peluang menjana pendapatan melalui sektor pertanian.
9. Satu Unit Agama yang khas perlu diwujudkan di bawah pentadbiran Felda. Unit ini berperanan untuk merancang, meneliti dan mendalami keperluan masyarakat setempat terhadap pengetahuan, pendidikan atau aktiviti keagamaan. Penggerak masyarakat Felda boleh diletak di bawah pengawasan Unit Agama Felda tersebut.

10. Setiap penggerak masyarakat Felda perlu membuat laporan untuk setiap aktiviti yang telah dilaksanakan untuk dinilai prestasi kerja oleh pihak majikan dari masa ke semasa.
11. Penggerak masyarakat Felda perlu mengetahui mengenai keperluan dan tuntutan semasa masyarakat tanah rancangan Felda terutamanya minat dan kecenderungan remaja dan belia di tanah rancangan Felda setempat.

Modul Rancangan Bebas Dadah

Pendahuluan

Ini adalah modul pertama yang harus dijalankan dan ianya perlu digerakkan bagi memastikan remaja dan belia dari tanah rancangan Felda hari ini tidak terjebak dengan pengaruh dadah. Ini adalah gabungan idea dari Penolong Pengurus Bakti Kasih, Temerloh dan impak aktiviti yang telah dilaksanakan oleh beberapa buah tanah rancangan Felda di dalam Wilayah Jengka.

Modus operandinya bermula dengan mengisytiharkan sesebuah tanah rancangan Felda sebagai kawasan bebas dadah oleh mereka yang berpangkat tinggi dan berpengaruh. Kemudian pelbagai aktiviti perlu diselitkan bagi memberikan penerangan mengenai bahaya dadah samada berbentuk pameran atau ceramah yang disampaikan oleh institusi berkaitan seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Pusat Serenti ataupun yang disampaikan sendiri oleh bekas-bekas penagih dadah. Dalam masa yang sama perlaksanaan modul-modul yang dicadangkan dalam penyelidikan ini perlu dijalankan bagi memastikan ianya dapat mencapai objektif dan matlamat yang telah ditetapkan. Dalam tempoh tertentu usaha ini perlu dijalankan sehinggalah dipastikan bahawa bilangan penagih dadah yang terdapat di sesebuah tanah rancangan tersebut berada pada tahap sekurang-kurangnya 1%. Kemudian barulah kawasan tersebut diisytiharkan sebagai sebuah tanah rancangan yang bebas daripada masalah dadah. Semua aktiviti-aktiviti ini perlu dijalankan oleh Penggerak Masyarakat Felda dan dibantu oleh agensi-agensi berkaitan.

Adalah diharapkan agar perlaksanaan modul ini dapat menjadi pemangkin ke arah pencapaian objektif dan matlamat modul-modul yang dicadangkan dalam penyelidikan ini.

Objektif dan Matlamat

1. Mewujudkan komuniti tanah rancangan Felda yang bebas dari masalah penyalahgunaan dadah.
2. Membentuk pemikiran generasi muda tanah rancangan Felda yang positif dan matang dalam aspek pengetahuan dan tindakan mereka terhadap gejala-gejala sosial dan kehidupan harian mereka.
3. Melahirkan masyarakat tanah rancangan Felda yang seimbang dalam pelbagai aspek kehidupan.

Gerak Kerja

1. Modul ini dijalankan dalam tempoh waktu-waktu yang tertentu.
2. Pengisytiharan mengenai matlamat bagi melahirkan sebuah komuniti tanah rancangan Felda yang bebas dari pengaruh dadah perlu dilaksanakan oleh mereka yang berpengaruh dalam sesebuah masyarakat tanah rancangan Felda.
3. Penggerak Masyarakat Felda perlu memainkan peranan utama dalam pelaksanaan modul ini samada untuk menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan, perancangan, pelaksanaan dan penilaian modul-modul yang berkaitan.
4. Pusat Ilmu akan berperanan sebagai pusat gerakan dan pelaksanaan aktiviti sepanjang modul ini dijalankan.
5. Kajian terperinci mengenai keperluan, pengetahuan dan statistik sosial masyarakat tanah rancangan Felda perlu dilaksanakan dari masa ke semasa.
6. Penilaian mengenai pelaksanaan modul ini perlu dilakukan secara berkala bagi memastikan objektif untuk melahirkan komuniti tanah rancangan Felda yang berfikiran matang dalam pelbagai aspek kehidupan dan komuniti yang bebas daripada masalah penyalahgunaan dadah dapat dicapai.

Modul Kualiti Keibubapaan

Pendahuluan

Sebuah modul yang lengkap mengenai kaedah pendidikan anak-anak dan tanggung jawab ibu bapa perlu diwujudkan supaya ianya dapat menjadi panduan untuk masyarakat tanah rancangan Felda untuk membentuk institusi keluarga yang harmoni dan teratur. Di sini kita perlu sedar bahwa hal-hal yang berkaitan dengan *parenting skill* ini perlu bermula dari kalangan remaja dan belia lagi, agar mereka ini tidak menghadapi masalah apabila memasuki gerbang rumah tangga kelak. Modul ini juga bertujuan untuk mendidik remaja dan belia tersebut untuk menjadi anak-anak yang baik dan terbimbing.

Konsep

Menyedari institusi keluarga sebagai sebuah institusi yang berperanan besar dalam mendidik dan mengasuh generasi akan datang, maka sewajarnya untuk kita memikirkan mengenai cara terbaik untuk mencapai matlamat tersebut, terutamanya yang melibatkan masyarakat tanah rancangan Felda.

Pada dasarnya konsep asas pembinaan modul kekeluargaan ini perlu berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan asas-asas agama Islam agar ianya selari dengan kehendak yang telah digariskan syariat. Penumpuan harus diberi kepada pembinaan modul yang melibatkan mereka yang bakal memasuki gerbang perkahwinan, mereka yang bergelar ibu bapa dan anak-anak. Bagi mereka yang bakal bergelar suami isteri, mereka ini perlu melalui kursus-kursus khas sebelum berkahwin. Kursus Perkahwinan Islam yang diwajibkan ke atas pasangan Islam yang ingin melansungkan perkahwinan wajar diteliti semula, diperbaiki dan diperkukuhkan agar ianya sesuai dengan keadaan semasa agar mereka ini betul-betul memahami erti perkahwinan, tanggungjawab dan cabaran yang bakal mereka hadapi apabila bergelar suami atau isteri. Adalah wajar untuk mereka ini mengikuti kursus yang berlainan selepas berkahwin dalam usaha mereka membina keluarga yang harmoni dan bahagia.

Manakala bagi mereka yang telah bergelar ibu bapa pula mereka ini perlu disediakan tentang tanggungjawab mereka terhadap anak-anak dan institusi kekeluargaan. Mereka perlu dikejutkan agar mereka memerhatikan anak-anak mereka walaupun anak-anak mereka itu berada jauh dari pandangan mereka. Tanggungjawab mereka tidak akan terhenti apabila anak-anak mereka telah mempunyai pekerjaan atau dalam erti kata lain, tanggungjawab mereka tidak akan terhenti sekiranya anak-anak mereka berada di luar kawasan rumah. Manakala bagi mereka yang bergelar anak-anak pula perlu disediakan modul yang dapat menyedarkan mereka ini tentang tanggungjawab mereka terhadap agama, ibu bapa, negara, masyarakat dan diri sendiri.

Adalah diharapkan agar dengan wujudnya modul ini, masyarakat tanah rancangan Felda akan menyedari mengenai hakikat kekeluargaan dan tanggungjawab mereka kepada keluarga apabila mereka telah bergelar suami isteri mahupun ibu bapa.

Objektif dan Matlamat

1. Mewujudkan satu modul khas berkaitan dengan pengurusan kekeluargaan untuk dijadikan rujukan oleh masyarakat tanah rancangan Felda.
2. Membentuk disiplin kekeluargaan yang utuh dalam sesebuah institusi kekeluargaan bermula sebelum memasuki gerbang perkahwinan lagi.
3. Membentuk institusi keluarga yang matang demi mewujudkan masyarakat yang kukuh, kuat dan cemerlang dalam menghadapi situasi dan tuntutan semasa.
4. Dapat melahirkan golongan ibu bapa, anak-anak dan keluarga yang harmoni, saling memahami dan bertanggungjawab dalam melayari kehidupan harian.
5. Dapat melahirkan ibu bapa yang mempunyai kekuatan rohani, fizikal dan bersedia dalam pelbagai situasi dan keadaan dalam melayari alam perkahwinan.
6. Melahirkan populasi masyarakat yang harmoni dan sejahtera.
7. Meningkatkan kesedaran, ketahanan, kemahiran, pengetahuan serta pelaksanaan amalan positif di kalangan ibu bapa.
8. Memperkukuhkan institusi kekeluargaan Islam di kalangan masyarakat tanah rancangan Felda agar dapat meningkatkan keimanan bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Gerak Kerja

1. Pihak Felda perlu mewujudkan pusat kaunseling keluarga ataupun menyediakan pakar dalam bidang kekeluargaan di setiap tanah rancangan Felda.
2. Pusat kaunseling keluarga atau pakar dalam bidang kekeluargaan itu boleh ditempatkan di Pusat Ilmu.
3. Pihak Felda perlu menyediakan anugerah untuk keluarga yang mempunyai ciri-ciri kecemerlangan, penyayang dan prihatin bagi menggalakkan semua masyarakat tanah rancangan Felda membentuk keluarga mereka ke arah tujuan yang sama.
4. Bagi menangani masalah sosial terutamanya masalah penyalahgunaan dadah yang melibatkan anak-anak, ibu bapa dan pihak pengurusan sesebuah tanah rancangan Felda itu perlu untuk:-
 - i. Belajar untuk mengenalpasti anak-anak yang menggunakan dadah dan terlibat dengan masalah sosial lain.
 - ii. Mengamalkan kehidupan keluarga yang sihat dan harmoni.
 - iii. Menjelaskan kepada ibu bapa dan anak-anak mengenai kesan-kesan negatif dan risiko sekiranya terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan hukumnya menurut perspektif agama.
 - iv. Menyedarkan ibu bapa untuk menunjukkan kelakuan yang baik sehingga boleh dijadikan *role model* oleh anak-anak, mempunyai kemahiran mendengar dan komunikasi yang baik serta memperbaiki hubungan ibu bapa dengan anak-anak.
 - v. Menyedarkan ibu bapa supaya mendisiplinkan anak-anak mereka secara konsisten.
5. Antara kaedah-kaedah yang boleh diguna pakai untuk mencapai maksud ini ialah dengan menagadakan kempen-kempen yang berterusan dan konsisten. Ianya juga boleh dilakukan secara bekerjasama dengan institusi-institusi yang lain seperti JAKIM, IKIM dan sebagainya.

Modul Jalan Pulang (Taubat)

Pendahuluan

Sememangnya diakui bahawa, sebagai seorang manusia kita tidak akan terlepas daripada melakukan sebarang kesilapan dan kesalahan. Sebagai jalan penyelesaian kepada dosa yang dilakukan terhadap Allah s.w.t, Islam memberi peluang untuk mengakui serta menginsafi kesalahan yang pernah dilakukan sebelum ini kepada penganutnya melalui jalan taubat.

Modaliti yang dicadangkan di dalam penyelidikan ini adalah Modul Jalan Pulang (taubat). Umumnya masyarakat hari ini mengakui dan mengetahui bahawa sekiranya seseorang itu menginsafi akan kesilapan yang pernah dilakukannya pada masa lalu maka mereka ini perlu kembalikan diri mereka pada asas dan ajaran agama Islam. Maka dari situ wujudlah rangkai kata “kembalilah ke pangkal jalan” dan “kembali kepada Agama”. Namun persoalannya sehingga tahap mana rangkai kata ini dapat difahami dan dilaksanakan?. Hakikatnya, masyarakat hari ini tidak memahami secara kukuh mengenai konsep sebenar taubat yang ditetapkan oleh Islam.

Konsep

Menyedari masyarakat Islam hari ini telah berada jauh dari pegangan agama dan asas-asas Islam serta kegagalan institusi masjid dan kelemahan para agamawan untuk membimbing masyarakat yang telah menyimpang jauh dari syariat dan ketetapan Allah s.w.t maka adalah wajar bagi mereka yang menyedari hakikat permasalahan ini untuk mencipta satu modul yang dapat menjadi panduan dan ikutan institusi masjid dan jawatankuasanya, para pendakwah dan masyarakat setempat untuk kembali memahami dan menghayati asas-asas dan syariat agama Islam.

Adalah diharapkan agar pelaksanaan Modul Jalan Pulang ini akan dapat memberi peluang kepada masyarakat untuk mengerti dan memahami bagaimanakah cara mudah bagi mereka menemui jalan keinsafan. Sasaran pembentukan dan pelaksanaan modul ini adalah kepada individu yang telah menyimpang jauh dari pegangan agama Islam dan

masyarakat setempat. Bagi mereka yang cara hidupnya telah menyimpang jauh dari pegangan agama Islam, mereka ini perlu diberi peluang oleh ahli keluarga dan masyarakat setempat untuk memperbaiki kesilapan dan membentuk ketrampilan diri yang diyakini masyarakat yang berlandaskan kepada syariat agama Islam. Manakala bagi golongan masyarakat pula perlu bertindak membantu mereka yang ingin kembali ke pangkal jalan ini dengan memberi bimbingan dan sokongan kepada mereka agar mereka ini tidak kembali terjebak kepada perkara yang pernah menjadi sejarah hitam dalam hidmereka.

Untuk mencapai sasaran tersebut maka tidak boleh tidak peranan yang seharusnya dimainkan oleh institusi masjid dan para agamawan perlu diperkasakan agar ianya tidak terus lesu diselubungi oleh permasalahan yang akhirnya akan memusnahkan martabat agama, bangsa dan negara. Contohnya bagi penagih dadah, mat rempit, pencuri dan pelajar bermasalah. Pada hakikatnya mereka ini bukannya tidak mempunyai asas-asas pengetahuan agama Islam yang boleh menjadi panduan pada mereka agar tidak melibatkan diri mereka kepada perkara-perkara yang membinasakan itu, tetapi mereka ini tidak mendapat sokongan dan bimbingan berterusan dari mereka yang sepatutnya yang menyebabkan mereka terus leka dengan kehidupan mereka. Mereka ini perlu disedarkan melalui apa cara sekalipun.

Modul ini hendaklah dilaksanakan oleh Penggerak Masyarakat Felda melalui peranan Pusat Ilmu yang diwujudkan dalam membantu masyarakat untuk mereka memahami hakikat taubat yang dituntut oleh Islam.

Objektif dan Matlamat

1. Menerima dan memberi bimbingan berterusan kepada golongan yang mahu kembali kepada agama (taubat).
2. Mewujudkan individu, masyarakat dan persekitaran yang berpegang teguh kepada ajaran agama Islam samada dalam aspek akidah, ibadah dan akhlak Islamiah.
3. Memberi kesedaran kepada masyarakat agar tidak meminggirkan golongan yang telah hanyut dengan dosa dan maksiat..
4. Menjadi pusat rujukan dan bimbingan masyarakat tanah rancangan Felda dalam apa juga perkara dan permasalahan

Gerak kerja

1. Penggerak Masyarakat Felda perlu sentiasa bersedia untuk menerima individu yang ingin kembali kepada agama dalam apa jua keadaan dan situasi. Bimbingan dan tunjuk ajar berdasarkan keperluan dan kehendak yang sepatutnya perlu disediakan seperti tempat tinggal, makan minum, ubat-ubatan dan sebagainya..
2. Penggerak Masyarakat Felda perlu memberikan ilmu pengetahuan, tunjuk ajar dan bersama-sama dengan individu yang ingin kembali kepada agama itu dalam perkara berikut
 - Rukun-rukun untuk bertaubat:
 - Meninggalkan perbuatan dosanya,
 - Menyesal di atas perbuatannya itu,
 - Azam yang kukuh untuk tidak mengulangi perbuatan tersebut dan
 - Menjauhkan diri dari orang atau tempat-tempat maksiat yang pernah mereka lalui dahulu.
 - Asas-asas Islam seperti mandi, wudhuk, solat dan perkara-perkara lain yang difikirkan perlu.
 - Cara untuk bertaubat Nasuha iaitu dengan:
 - Menyuruhnya mandi wajib (sekiranya masih tidak mengetahui cara mandi wajib) atau mandi dengan niat untuk bertaubat.

- Menyuruhnya berwudhuk.
 - Bersama-sama mendirikan solat sunat taubat pada bila-bila masa yang tidak dilarang untuk bersolat.
- Mengajarnya berdoa dan bertaubat dengan menadah dua tangan dan membaca seperti contoh berikut “Ya Allah ya Tuhanku, aku telah menzalimi diriku sendiri dan mengotorkan hatiku, Engkaulah yang boleh membersihkan hatiku ini. Maka ya Allah! Hari ini aku datang kepadaMu dengan membawa hati yang kotor ini agar Kau bersihkan ia dengan sifat Pengampun Mu ya Allah. Maka aku bertaubat pada Mu ya Allah di atas dosa-dosa yang telah aku lakukan”. (Lebih baik juga untuk penggerak itu mengajarnya membaca *Sayyidul Istighfar*).
3. Memberi keyakinan bahawa dosanya akan diampunkan oleh Allah dengan cara:
- Mengajarnya tentang akidah seperti, sifat-sifat dan nama-nama Allah terutamanya sifat Pengampun, Pemurah dan Penyayang Allah.
 - Membacakan ayat-ayat al-Quran dan Hadith-hadith yang menunjukkan Allah menerima taubat seseorang walau sebesar mana sekalipun dosa itu.
 - Membawa kisah-kisah benar orang yang diampunkan dosa samada diambil daripada al-Quran, Hadith atau kitab-kitab muktabar.
 - Memberikan pujian kepadanya kerana telah memilih jalan yang benar dan mengajarnya supaya bersyukur kepada Allah kerana telah memberinya hidayah.
4. Memberikan bimbingan berterusan dengan:
- Memantapkan pengetahuan asas dalam agama terutamanya solat dan pembacaan al-Quran.
 - Membimbingnya melakukan ibadat-ibadat sunat seperti zikir dan solat malam untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga hari sepenuh masa di pusat ilmu.
 - Selepas tempoh itu, individu tersebut diberi pilihan untuk terus berada di Pusat Ilmu atau pulang ke tempat asal dengan dipantau perkembangannya oleh Penggerak Masyarakat Felda.

- Penggerak juga perlu sentiasa berhubung dengan keluarga individu terbabit dengan memberi keyakinan kepada mereka bahawa anak mereka ini akan pulih sepenuhnya.
5. Menyediakan tempat atau individu untuk mereka yang ingin kembali ke pangkal jalan dengan dibimbing oleh tenaga-tenaga profesional yang terlatih seperti Penggerak Masyarakat Felda.
 6. Memperkasakan peranan yang dimainkan oleh pihak jawatankuasa masjid, sekolah dan institusi keluarga.
 7. Menyediakan modul pemahaman dan pemulihan terhadap masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan individu-individu tertentu.
 8. Memberi penerangan kepada masyarakat dan individu tertentu samada secara berkumpulan atau bersendirian mengenai tuntutan agama dan menyedarkan mereka tentang cara hidup Islam samada melalui, ceramah, motivasi, syarahan, penerbitan dan aktiviti-aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan.
 9. Menyediakan panduan serta bimbingan secara berperingkat-peringkat dan berterusan kepada individu dan masyarakat sehinggalah mereka ini mampu untuk mengatasi masalah yang dihadapinya seterusnya boleh dijadikan panduan oleh individu yang lain.

Modul Remaja Aktif

Pendahuluan

Memandangkan penyelidikan ini telah menemui bahawa pengangguran, pengangguran tidak ketara dan tiada aktiviti khusus untuk golongan remaja dan belia tanah rancangan Felda menjadi faktor utama ke arah penglibatan golongan ini ke arah penyalahgunaan dadah, maka di sini penyelidikan ini ini menyarankan beberapa modul berkaitan dengan aktiviti masa lapang golongan remaja dan belia tanah rancangan Felda. Diharapkan agar modul ini dapat memberikan manfaat yang maksimum ke arah pencegahan golongan ini dari masalah penyalahgunaan dadah dan gejala sosial lain.

Konsep

Konsep modul ini adalah berteraskan kepada pengisian masa lapang golongan remaja dan belia tanah rancangan Felda agar tidak di sia-siakan dengan aktiviti yang tidak berfaedah dan menyumbang ke arah peningkatan kadar gejala sosial. Felda sepatutnya memainkan peranannya dalam mengembalikan semula kegemilangan sukan rakyat, budaya dan warisan masyarakat tanah rancangan Felda yang datang dari pelbagai latar belakang. Maka di sini pemerksaan peranan yang dimainkan oleh persatuan-persatuan yang terdapat di tanah rancangan Felda perlu dihidupkan semula seperti Persatuan Belia dan Gerakan Persatuan Wanita (GPW). Ini berikutan penyelidikan ini mendapati bahawa kegagalan badan-badan berikut merancang dan melaksanakan aktiviti dalam sesebuah masyarakat tanah rancangan Felda menyebabkan beberapa masalah telah timbul seperti masalah ketidaksefahaman dan kerjasama di kalangan belia dan masyarakat Felda dan kewujudan pelbagai gejala sosial.

Objektif dan Matlamat

1. Memberi alternatif kepada golongan remaja dan belia tanah rancangan Felda untuk melibatkan diri dalam masyarakat.
2. Dapat mencegah golongan remaja dan belia dari terlibat dengan aktiviti-aktiviti tidak sihat seperti penyalahgunaan dadah, melepak, merokok dan pelbagai gejala sosial yang lain.

3. Memartabatkan semula kegemilangan aktiviti seni, budaya dan warisan masyarakat tanah rancangan Felda dengan mengadakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan seperti sukan rakyat, sukan moden, aktiviti keagamaan dan kesenian..
4. Memupuk semangat kekitaan, sillaturrahim, kerjasama dan perpaduan di kalangan remaja, belia dan masyarakat tanah rancangan Felda dengan pihak pentadbiran dan pengurusan Felda.
5. Mewujudkan gaya hidup sihat, ceria dan mesra di kalangan remaja dan belia tanah rancangan Felda bersesuaian dengan saranan kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang aktif, bertenaga dan cerdas.

Gerak Kerja

1. Aktiviti-aktiviti ini perlu dirancang dan dilaksanakan oleh Penggerak Masyarakat Felda dengan kerjasama badan-badan atau persatuan-persatuan yang terdapat di tanah rancangan Felda.
2. Pusat Ilmu boleh dijadikan sebagai pusat untuk aktiviti-aktiviti ini dijalankan.
3. Penggerak Masyarakat Felda perlu sentiasa mendampingi golongan remaja dan belia tanah rancangan Felda ini agar mereka dapat membentuk pengaruh dan mudah didekati di dalam masyarakat tanah rancangan Felda.
4. Penggerak Masyarakat Felda perlu mengenalpasti aktiviti-aktiviti yang menjadi kegemaran masyarakat setempat.
5. Antara aktiviti sukan rakyat yang boleh dijalankan ialah:
 - Permainan Gasing
 - Permainan Wau
 - Silat atau seni mempertahankan diri
 - Sepak Raga
 - Congkak
 - Sukan-sukan rakyat yang lain.
6. Antara aktiviti sukan moden yang boleh dijalankan ialah:
 - Bola Sepak
 - Bola Jaring

- Sepak Takraw
 - Bola Tampar
 - Badminton
 - Sukan-sukan moden yang lain.
7. Antara aktiviti kesenian dan warisan yang boleh dijalankan ialah:
- Wayang Kulit
 - Dikir Barat
 - Permainan alat-alat muzik tradisional seperti kompang, rebana, gamelan dan sebagainya.
 - Pentas bergerak
8. Antara aktiviti keagamaan yang boleh dijalankan ialah dengan mewujudkan kumpulan-kumpulan:
- Nasyid
 - Marhaban / Berzanji
 - Bacaan al-Quran / Tadarus
9. Antara aktiviti atau perkumpulan sosial yang boleh diwujudkan ialah:
- Memancing
 - Kelas Memasak
 - Perkhemahan / konvoi
 - Mewujudkan kumpulan-kumpulan usahawan kecil dalam industri kecil dan sederhana (IKS).
10. Merancang dan melaksanakan kursus-kursus asas, latihan kemahiran dan bengkel-bengkel seperti kursus keusahawanan, mekanikal, jahitan dan sebagainya.

Kempen Yang Berterusan

Pendahuluan

Persoalan kempen inilah yang sentiasa menjadi tanda tanya sekarang. Telah berjuta-juta duit yang telah kerajaan Malaysia laburkan untuk membuat kempen berkaitan dengan pencegahan dan peringatan tentang bahaya najis dadah. Pelbagai akta juga telah diwartakan demi memastikan rakyat negara ini tidak menjadikan dadah sebagai teman hidup yang memusnahkan masa depan diri, keluarga dan negara. Namun saban hari kadar penagih baru yang dikesan semakin meningkat. Punca dan kelemahan tersebut yang harus dicari dan diperbaiki.

Konsep

Felda sepatutnya mengambil inisiatif dengan memberikan pendedahan awal mengenai penjenisan dadah serta bahayanya, tanda-tanda ketagihan dan hukumnya menurut perspektif Islam bermula dari peringkat sekolah rendah lagi melalui kempen-kempen penerangan, informasi atau pendidikan, audio visual seperti filem, drama, dokumentari atau animasi dan tayangan terpimpin. Ianya bertujuan untuk melahirkan rasa takut untuk mendekati atau melibatkan diri dalam masalah penyalahgunaan dadah.

Dari segi konsep asasnya pendedahan ini perlu melalui beberapa peringkat bermula dari peringkat ibu bapa, sekolah, masyarakat dan peringkat kebangsaan. Kesemua peringkat tersebut perlu diberikan perhatian agar matlamat pendedahan awal mengenai dadah ini sampai dengan jelas dan ianya dapat difahami secara menyeluruh. Situasi yang dihadapi oleh masyarakat Malaysia terutamanya masyarakat tanah rancangan Felda hari ini ialah mereka ini tidak mempunyai pengetahuan tentang dadah dari aspek dadah itu sendiri, bahayanya, jenisnya dan hukumnya berdasarkan perspektif Islam. Permasalahan yang utama di sini adalah mereka ini tidak memahami bahawa hukum sebenar penggunaan dadah adalah haram di sisi agama Islam kerana ianya mengkhayalkan dan membinasakan diri.

Alangkah baiknya sekiranya mereka ini memahami akan hukum penyalahgunaan dadah itu sama dengan hukum meminum arak dan memakan daging khinzir. Namun mungkin mereka sukar untuk memahami mengenainya kerana ianya membabitkan tentang hukum Fiqah dan kaedah usulnya. Ibu bapa hari ini terutamanya generasi pertama peneroka tanah rancangan Felda tidak mengetahui mengenai dadah terutamanya dari segi bentuknya terutama dadah yang berbentuk pil-pil khayal. Bentuknya sukar dibezakan. Jika tidak diperhatikan betul-betul bentuknya amat mengelirukan, ianya seolah-olah seperti tepung dan pil-pil ubat. Jadi sekiranya ibu bapa itu tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang dadah dan penjenisannya tidak mustahil untuk anak-anak mereka mengambil dadah tersebut di hadapan mereka.

Maka di sini amatlah jelas bahawa pendedahan awal mengenai dadah, jenis dan hukumnya menjadi titik tolak ke arah usaha pencegahan dadah di kalangan remaja dan belia pada hari ini. Ianya boleh dilaksanakan dengan pelbagai kaedah dan methodologi. Apa yang penting adalah usaha ini perlu berterusan dan mendapat kerjasama yang erat dari semua pihak.

Objektif dan Matlamat

1. Memberi pengetahuan yang jelas kepada remaja, belia dan masyarakat tentang dadah, jenis, bahaya dan hukumnya dari perspektif agama Islam sejak dibangku sekolah.
2. Menjauhkan remaja dan belia dari terjebak dengan masalah penyalahgunaan dadah, seterusnya melahirkan remaja, belia dan masyarakat yang bebas dari masalah penyalahgunaan dadah.
3. Mewujudkan rasa takut, benci dan jijik remaja, belia dan masyarakat tanah rancangan Felda terhadap dadah.

Gerak Kerja

1. Felda perlu menjalinkan kerjasama dengan organisasi atau institusi yang berkaitan untuk memberi penerangan dan informasai pada masyarakat tanah rancangan Felda dalam pelbagai aspek.
2. Penggerak masyarakat Felda berperanan untuk menyediakan informasi, memberi penerangan ataupun merancang dan melaksanakan aktiviti yang boleh meningkatkan pemahaman masyarakat tanah rancangan Felda tentang dadah.
3. Pusat Ilmu boleh dijadikan oleh penggerak masyarak Felda sebagai markas untuk mendapatkan maklumat dan memberi penerangan mengenai dadah kepada masyarakat tanah rancangan Felda.
4. Antara kaedah yang boleh diguna pakai untuk modaliti ini ialah:
 - i. Ceramah dan kempen di sekolah-sekolah.
 - ii. Memanfaatkan teknologi media massa seperti media cetak dan media elektronik bagi memberi penerangan kepada masyarakat tentang dadah.
 - iii. Memanfaatkan keinsafan bekas-bekas penagih dadah yang ingin kembali ke pangkal jalan untuk memberi penerangan dan menceritakan pengalaman kepada remaja, belia dan masyarakat tanah rancangan Felda mengenai dadah dan bahayanya.
 - iv. Mewujudkan aktiviti-aktiviti yang boleh menghalang daripada keterlibatan belia dan remaja tanah rancangan Felda seperti pertandingan sukan, hari keluarga, gotong-royong dan sebagainya.
5. Usaha pendedahan dan penyebaran maklumat mengenai dadah yang dijalankan dalam masyarakat tanah rancangan Felda ini perlu bersifat menyeluruh dan berterusan agar ianya tidak terhenti sekerat jalan.
6. Menyampaikan mesej tentang dadah dan bahayanya pada setiap aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan di dalam masyarakat tanah rancangan Felda agar ia menjadi peringatan yang berterusan.

5.4 Penutup

Masalah penyalahgunaan dadah di kalangan remaja dan belia di tanah rancangan Felda bukanlah suatu perkara asing lagi. Tidak dapat tidak untuk kita membenarkan perkara tersebut. Masalah penyalahgunaan dadah adalah kemuncak kepada penyakit sosial yang melanda golongan remaja dan belia tanah rancangan Felda. Walaupun banyak pihak telah mengetahui mengenai punca bagi gejala ini semakin menular di kalangan remaja dan belia tanah rancangan Felda dan banyak langkah telah diambil untuk menanganinya, namun ianya seakan-akan tidak memberikan sebarang kesan yang positif. Menangani masalah penagihan dadah ini bukanlah suatu usaha yang mudah. Ianya memerlukan kepada satu usaha pendekatan bersepadu yang benar-benar mampan dan berterusan di samping komitmen yang tinggi oleh semua pihak yang terlibat.

RUJUKAN

Abdul Ghafar Taib. 1989. *"Dadah dan Pencegahannya di Malaysia"*. PAM Publishing : Kuala Lumpur.

Abdul Rahman Bakar. 10 Mei 2005. Selasa. "Teks Ucapan Perasmian Sempena Seminar Pencegahan Dadah di Tempat Kerja", Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam, Selangor: Malaysia. *Webmaster Tips Newsletter*. <<http://www.mohr.gov.my>>.

Abdullah Muhammad Zin. 1995. *Dakwah Islamiah di Malaysia Menjelang Tahun 2020: Antara Cabaran dan Harapan, Prosiding Seminar Islam dan Tentangannya Menghadapi Abad Ke-21*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Malaysia.

Abu Zaid, Ahmad, 1993, *Minhaj Al-Da'iyah*, Makkah Al-Mukarramah: Al-Syarirakah Al-Sa'udiyyah Li Al-Tauzi'.

Agence France Presse. 26 Jun 2000. Rabu. "Malaysia-drugs: Malaysia Declares War on Drugs, Appeal for Public Support". *Webmaster Tips Newsletter*. <<http://www.aegis.com/news/afp/2000/AF000676.html>>.

Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2000. *Dakwah Gerakan Islam Alaf Baru*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Malaysia.

Al-Fayyumi, Ahmad Bin Muhammad Bin 'Ali Al-Muqriy, t.t, *Al-Misbah Al-Munir*, Egypt: Thob'ah Al-Babiy Al-Halabiy Wa Auladuhu, j:1.

Al-Ghazali, Muhammad, 1981, *Ma'a ALLah-Dirasah Fi Al-Da'wah Wa Al-Du'at*, Beirut: Dar Ihya' Al-Turath Al-'Arabiy.

Al-Muthlaq, Ibrahim Bin 'Abdullah, 1996, *Al-Tadarruj Fi Da'wah Al-Nabiy SAW*, Cetakan Pertama, Riyadh: Markaz Al-Buhuth Wa Al-Dirasat Al-Islamiyyah.

Al-Qahthaniy, Sa'id Bin 'Ali Bin Wahf, t.t, *Al-Hikmah Fi Al-Da'wah Ila ALLah*, Al-Iskandariyah: Dar Al-Iman.

Al-Razi, Fakhr Al-Din, 1985, *Mafatih Al-Ghaib*, Cetakan Ketiga, j:22, Beirut: Dar Al-Fikr.

Al-Razi, Muhammad Bin Abu Bakr 'Abdul Qadir, 1986, *Mukhtar Al-Sihhah*, Beirut: Thob'ah Daría Al-Ma'ajim Maktabah Lubnan.

Al-Sa'diy, 'Abdul Rahman Bin Nasir, 1999, *Tafsir Al-Sa'diy*, Beirut: Dar Ihya' Al-Turath Al-'Arabiy.

Al-Syaukani, Muhammad Bin 'Ali, 2002, *Fath Al-Qadir – Al-Jami' Bayna Fannaiy Al-Riwayah Wa Al-Dirayah Min 'Ilm Al-Tafsir*, , Cetakan Pertama, j:3., Beirut: 'Alam Al-Kutub.

Al-Thobariy, Muhammad Bin Jarir, 1985, *Jami'ul Bayan 'An Ta'wil Aay Al-Quran*, j:8. Beirut: Dar Al-Fikr.

Al-Wa'ie, Taufiq, 1995, *Al-Da'wah Ila ALLah – Risalah – Al-Wasilah – Al-Hadaf*, , Cetakan kedua, Al-Mansurah: Dar Al-Yaqin.

Bani 'Amir, Muhammad Amin Hasan Muhammad, 1999, *Asalib Al-Da'wah Wa Al-Irsyad – Al-Da'wah – Al-Da'iyah – Al-Mad'uw*, Al-Yarmouk: Jami'ah Al-Yarmouk.

Bannan, Hisham Yusuf Muhammad, 1992, *Al-Manhaj Al-Da'wiy Fi Usul Al-Muhadharah Al-Da'wiyah*, Cetakan Pertama, Yeddah: Dar Al-Mujtama'.

Burhanuddin Md. Yusuf. 2005. "Masjid Sebagai Bapa Angkat Kepada Kepada Bekas Penagih". Bil 3/2005. *ICT JELAS*. Jabatan Penerangan FELDA. Kuala Lumpur.

Dzulkifli Abdul Razak. n. d., "Senario Sejagat Yang Membimbangkan". *Webmaster Tips Newsletter*. <<http://www.aadk.gov.my>>.

Dzulkifli Abdul Razak. n.d., "Musuh Utama Negara". *Webmaster Tips Newsletter*. <<http://www.prn2.usm.my>>.

Hashim Abdullah.1998. *Perspektif Islam di Malaysia*. Jabatan Pengajian Media Universiti Malaya & Hizbi Sdn. Bhd.

Ibn. 'Asyur, Muhammad Al-Thahir, 2000, *Al-Tahrir Wa Al-Tanwir*, Cetakan Pertama, j: 3., Beirut: Muassasah Al-Tarikh.

Ibn. Kathir, 'Imad Al-Din, 1994, *Tafsir Al-Quran Al-'Adzim*, Cetakan Pertama, Damsyik: Maktabah Dar Al-Fiha'.

Ibn. Mandzur, Jamal Al-Din Muhammad Bin Mukrim, 1997, *Lisan Al-'Arab*, j:4, Beirut: Dar Ihya' Al-Turath Al-'Arabiyy.

Ishak Radzi. 1983. *Penglibatan Generasi Pertama Masyarakat Felda Bukit Aping Timur di Dalam Kumpulan Sosial dan Keugamaan*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Malaysia.

Jami'ah Shukri. 26 Jun 2006. Isnin. *Agensi Anti Dadah Kebangsaan*. Keluaran Khas Sempena Hari Anti Dadah Antarabangsa. Berita Harian. Kuala Lumpur.

Kamal Amran Kamarudin. 2006. "Pembangunan Menurut Islam". *SUARA MAINS*. Keluaran Jan-Februari-Mac. Bil1/2006. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2004. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. *Laporan Kajian Masalah Sosial Pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Rancangan Tanah FELDA*. BPPDP: Kuala Lumpur, Malaysia..

Ketua Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan. n.d., 2006. *Ucaptive Sempena Persidangan International Counseling Symposium on Drug Prevention and Rehabilitation 2006*. Hotel Crown Princess, Kuala Lumpur.

Khoo Kay Kim. 1980. *Tamadun Islam di Malaysia*. Persatuan Sejarah Malaysia. Kuala Lumpur.

M. Arif Md. Noor. 2006. "Program Masih Ada yang Sayang". *Majalah ICT JELAS*. Bil 1/2006. Jabatan Penerangan FELDA. Kuala Lumpur.

Md. Hashim Yahaya. Dec 2005. "Ruangan Tokoh". *AL-I'TISAM*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Siri 6 Bil3/05. Wilayah Persekutuan. Malaysia.

Mohd Isa Mat Nasir. 2005. "Pengaruh Dadah dan Keselamatan Negara". *ICT Jelas*. Projek Khas FELDA. Jilid 04. Bil. 02 / 2005. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA): Kuala Lumpur. Malaysia.

n.a., 05 Oktober 2006. Khamis. "Penyalahgunaan Dadah". Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Webmaster Tips Newsletter*. <<http://www.jakim.gov.my>>.

n.a., 05 Oktober 2006. Khamis. "Social Speech". *Webmaster Tips Newsletter*. <<http://www.pmproject.doublekay.com>>.

n.a., 18 April 2006. Selasa. "Penagih Dadah Masalah Serius di Projek FELDA Pahang", Dalam Negeri. Utusan Malaysia. *Webmaster Tips Newspaper*. <<http://www.utusan.com.my>>.

n.a., 25 Ogos 2006. *Prevention Program For Drug Abuse In Malaysia*. National Anti Drugs Agency, Ministry of Internal Security. Putrajaya: Malaysia.


n.a., 26 Ogos 2002. Isnin. "Kerjasama Semua Perlu Bagi Atasi Masalah Sosial". Berita Harian. Berita Umum. *Web Master Tips Newspaper*. <<http://www.kpkt.gov.my>>.

Noraini Ismail. 1993. *Sekolah Rendah Agama di Felda: Peranan dan Sumbangannya di Dalam Pendidikan Islam Kepada Anak-anak Peneroka. Suatu Kajian Khusus di Felda Bukit Goh, Kuantan, Pahang*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Malaysia.

- Norfazilah Abdullah. 1999. *Peranan Ibu Bapa Dalam Menangani Masalah Keruntuhan Akhlak Di Kalangan Remaja: Kajian Kes Di Felda Trolak Selatan, Sungkai, Perak*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. Malaysia.
- Nuh, Al-Sayyid Muhammad, 1995, *Feqh Al-Da'wah Al-Fardiyyah Fi Al-Manhaj Al-Islamiy*, Cetakan Keempat, Al-Mansurah:Dar Al-Wafa'.
- Qutb, Sayyid, 1996, *Fi Dzilal Al-Quran*, Cetakan KeDua Puluh Lima, j:1. Beirut: Dar Al-Syuruq.
- Royal Malaysia Police. 2 Oktober 2006. Isnin. "Penyalahgunaan Dadah di Malaysia". *Webmaster Tips Newsletter*. <<http://www.rmp.gov.my>>.
- S. Khazani S. Mohamad. 1988. *Felda Belara, Kuala Terengganu: Aktiviti-aktiviti Dakwah Islamaiah dan Keberkesanannya Dari Tahun 1962 – 1987*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Malaysia.
- S. Sabariah Sapuan. 1993. *Peranan Pembantu Pembangunan Masyarakat Bahagian Agama/ SDA (U) Dalam Pembangunan Rohani Masyarakat Felda. Satu Tinjauan di Felda Sungai Tenggi, Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Malaysia.
- Ulwan, 'Abdullah Nasih, 1988, *Bayna Al-'Amal Al-Fardiy Wa Al-'Amal Al-Jama'eiy*, t.t: Dar Al-Salam, Cetakan Pertama.
- Wan Roslili Abd Majid. 10 Jun 2004, Khamis. "Pendekatan Berkesan Perlu Untuk Mendekati Remaja Bermasalah". *Webmaster Tips Newsletter*. <<http://www.ikim.gov.my>>.
- Yahaya Ibrahim. 1998. *Laporan Akhir Tingkah Laku Lepak di Kalangan Remaja: Kajian Tinjauan di Tanah Rancangan Felda Semenanjung Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Malaysia.
- Yusrinah Ayub. 1983. *Peranan Peneroka-peneroka Dalam Gerakan Sosial dan Agama di Rancangan Felda Air Tawar I*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Malaysia.
- Yusuf, Muhammad Khair Ramadhan, 1993, *Al-Da'wah Al-Islamiyyah – Mafhumuha Wa Hajah Al-Mujtama'at Ilaiha*, Riyadh: Dar Al-Thawiq.
- Zaleha Kamaruddin dan Sahari Nordin et.al.. 2002. *Laporan Kajian: Masalah Sosial dan Hubungannya Dengan Institusi Kekeluargaan di Tanah Rancangan Felda: Perspektif Lokal*. Pusat Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Zalfan Mohd Rashid. 2006. "Pengalaman Felda Yang Tersurat Dan Tersirat". *PENGURUS*. Yayasan FELDA. Jilid 02/2006. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA): Kuala Lumpur. Malaysia.

Zaidan, 'Abdul Karim, 2000, *Usul Al-Da'wah*, Cetakan Pertama, Beirut: Muassasah Al-Risalah.

JERANTUT



Roads

Scheme boundary

Handar Pusat

Proposed towns

Forest reserve

Settlements



0 4 Kilometers

Sg Pahang

Damlon Inpul

Sg Tokan

Orang Asli

Ulu Tempir

MANGAN

Sg Norek

Kg Awani

Sg Mambong

TEMERLOH

III TARI

21

22

14

15

16

17

20

18

23

19

18

17

16

15

14

13

12

11

10

9

8

7

6

5

4

3

2

1

**MAKLUMAT ASAS PENAGIH DADAH DI KAWASAN FELDA SELURUH NEGERI PAHANG
BAGI BULAN JULAI 2006**

BIL	WILAYAH FELDA	DAERAH	BIL. PENEROKA / BIL. RUMAH	* BIL. ISI RUMAH	TAHUN PEMBANGUNAN RANCANGAN	BIL. PENAGIH DADAH			CATATAN
						PENGAWASAN	PUSAT SERENTI	JUMLAH	
1	<u>FELDA WILAYAH KUANTAN</u>								
1.1	FELDA BUKIT GOH	KUANTAN	671	3,355	1966/67	17	2	19	
1.2	FELDA BUKIT KUANTAN	KUANTAN	450	2,250	1969/70	6	1	7	
1.3	FELDA SG. PANCHING UTARA	KUANTAN	381	1,905	1968/69	0	0	0	
1.4	FELDA SG. PANCHING TIMUR	KUANTAN	289	1,445	1969/70	1	0	1	
1.5	FELDA SG. PANCHING SELATAN	KUANTAN	284	1,420	1968/69	1	0	1	
1.6	FELDA BUKIT SAGU 1	KUANTAN	394	1,970	1976/77	1	0	1	
1.7	FELDA BUKIT SAGU 2	KUANTAN	315	1,575	1980/81	0	0	0	
1.8	FELDA LEPAR HILIR 1 / 4	KUANTAN	615	3,075	1976/77	3	0	3	
1.9	FELDA LEPAR HILIR 2	KUANTAN	360	1,800	1977/78	3	0	6	
1.10	FELDA LEPAR HILIR 3	KUANTAN	336	1,680	1982/83	0	0	0	
1.11	FELDA LEPAR UTARA 1	JERANTUT	345	1,725	1975/76	0	0	0	
1.12	FELDA LEPAR UTARA 2/4	JERANTUT	326	1,630	1978/79	2	0	2	
1.13	FELDA LEPAR UTARA 3	JERANTUT	220	1,100	1979/80	3	0	3	
1.14	FELDA CHINI 1	PEKAN	470	2,350	1971/72	4	3	7	
1.15	FELDA CHINI 2	PEKAN	495	2,475	1973/74	2	5	7	
1.16	FELDA CHINI 3	PEKAN	542	2,710	1973/74	1	2	3	
1.17	FELDA CHINI 4	PEKAN	478	2,390	1975/76	1	1	2	
1.18	FELDA CHINI 5	PEKAN	384	1,920	1976/77	1	0	1	
1.19	FELDA CHINI TIMUR 1	PEKAN	430	2,150	1977/78	0	1	1	
1.20	FELDA CHINI TIMUR 2	PEKAN	378	1,890	1978/79	0	0	0	
1.21	FELDA CHINI TIMUR 3	PEKAN	172	860	1979/80	0	0	0	

Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Negeri Pahang

BIL	WILAYAH FELDA	DAERAH	BIL. PENEROKA / BIL. RUMAH	* BIL. ISI RUMAH	TAHUN PEMBANGUNAN RANCANGAN	BIL. PENAGIH DADAH			CATATAN
						PENGAWASAN	PUSAT SERENTI	JUMLAH	
1	<u>FELDA WILAYAH KUANTAN</u>								
	1.22 FELDA KERATONG 1	ROMPIN	658	3,290	1972/73	13	2	15	
	1.23 FELDA KERATONG 2	ROMPIN	555	2,775	1973/74	9	0	9	
	1.24 FELDA KERATONG 3	ROMPIN	501	2,505	1973/74	1	0	1	
	1.25 FELDA KERATONG 4	ROMPIN	582	2,910	1974/75	5	0	5	
	1.26 FELDA KERATONG 5	ROMPIN	529	2,645	1974/75	8	1	9	
	1.27 FELDA KERATONG 6	ROMPIN	415	2,075	1975/76	2	1	3	
	1.28 FELDA KERATONG 7	ROMPIN	460	2,300	1975/76	1	0	1	
	1.29 FELDA KERATONG 8	ROMPIN	385	1,925	1976/77	10	0	10	
	1.30 FELDA KERATONG 9	ROMPIN	444	2,220	1976/77	6	1	7	
	1.31 FELDA KERATONG 10	ROMPIN	308	1,540	1976/77	1	0	1	
	1.32 FELDA SELANCAR 1	ROMPIN	312	1,560	1976/77	3	0	3	
	1.33 FELDA SELANCAR 2	ROMPIN	358	1,790	1976/77	1	0	1	
	1.34 FELDA SELANCAR 3	ROMPIN	365	1,825	1978/79	0	0	0	
	1.35 FELDA SELANCAR 4/5	ROMPIN	258	1,290	1978/79	2	0	2	
	1.36 FELDA SELENDANG 1/2	ROMPIN	363	1,815	1978/79	6	0	6	
	1.37 FELDA KG. NEW ZEALAND	MARAN	216	1,080	1960/61	8	0	8	
	JUMLAH		6709	75,220		125	20	145	
2	<u>FELDA WILAYAH JENGA</u>								
	2.1 FELDA JENGA 1	MARAN	545	2,725	1966/67	21	9	30	
	2.2 FELDA JENGA 2	MARAN	448	2,240	1966/67	15	3	18	
	2.3 FELDA JENGA 3	MARAN	430	2,150	1967/68	16	3	19	
	2.4 FELDA JENGA 4	MARAN	345	1,725	1967/68	17	5	22	
	2.5 FELDA JENGA 5	MARAN	324	1,620	1968/69	13	1	14	

Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Negeri Pahang

BIL	WILAYAH FELDA	DAERAH	BIL. PENEROKA / BIL. RUMAH	* BIL. ISI RUMAH	TAHUN PEMBANGUNAN RANCANGAN	BIL. PENAGIH DADAH			CATATAN
						PENGAWASAN	PUSAT SERENTI	JUMLAH	
2	<u>FELDA WILAYAH JENGA</u>								
	2.6 FELDA JENGA 6	MARAN	381	1,905	1968/69	9	2	11	
	2.7 FELDA JENGA 7	MARAN	399	1,995	1969/70	10	2	12	
	2.8 FELDA JENGA 8	MARAN	358	1,790	1969/70	1	1	2	
	2.9 FELDA JENGA 9	MARAN	336	1,680	1970/71	6	0	6	
	2.10 FELDA JENGA 10	MARAN	417	2,085	1970/71	12	4	16	
	2.11 FELDA JENGA 11	MARAN	529	2,645	1970/71	15	0	15	
	2.12 FELDA JENGA 12	MARAN	403	2,015	1971/72	15	4	19	
	2.13 FELDA JENGA 13	MARAN	391	1,955	1972/73	4	1	5	
	2.14 FELDA JENGA 14	MARAN	474	2,370	1971/72	12	1	13	
	2.15 FELDA JENGA 15	MARAN	385	1,925	1972/73	10	1	11	
	2.16 FELDA JENGA 16	MARAN	414	2,070	1972/73	8	3	11	
	2.17 FELDA JENGA 17	MARAN	406	2,030	1973/74	4	3	7	
	2.18 FELDA JENGA 18	MARAN	468	2,340	1973/74	12	4	16	
	2.19 FELDA JENGA 19	MARAN	596	2,980	1973/74	15	2	17	
	2.20 FELDA JENGA 20	MARAN	435	2,175	1973/74	17	0	17	
	2.21 FELDA JENGA 21	MARAN	418	2,090	1974/75	20	1	21	
	2.22 FELDA JENGA 22	MARAN	310	1,550	1974/75	2	1	3	
	2.23 FELDA JENGA 23	MARAN	443	2,215	1974/75	8	1	9	
	2.24 FELDA JENGA 24	JERANTUT	293	1,465	1976/77	4	2	6	
	2.25 FELDA JENGA 25	TEMERLOH	152	760	1978/79	1	0	1	
	2.26 FELDA KG. AWAH	MARAN	334	1,670	1960/61	16	5	21	
	2.27 FELDA SG. NEREK	MARAN	350	1,750	1964/65	10	5	15	
	2.28 FELDA BUKIT TAJAU	MARAN	343	1,715	1963/64	11	0	11	
	2.29 FELDA ULU JEMPOL	MARAN	569	2,845	1963/64	14	3	17	
	2.30 FELDA SG. TEKAM	JERANTUT	357	1,785	1961/62	17	5	22	
	2.31 FELDA SG. TEKAM UTARA	JERANTUT	459	2,295	1967/68	14	0	14	
	2.32 FELDA PADANG PIOL	JERANTUT	662	3,310	1967/68	13	2	15	

Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Negeri Pahang

**AKTIVITI GKK PERINGKAT WILAYAH 2008
FELDA WILAYAH JENGA**

BK	BEBERAPAN	AKTIVITI	TARIKH	TEMPAT	
1	Pembangunan Masyarakat	1	Kursus BI kepada Homestay J25	Mei	Jengka 25
		2	Kursus Pembimbing Ketua-ketua Peneroka	13 - 15.03	Jengka 26
		3	Kembara Rekan Masyarakat Jelajah Malaysia	19-21.01.08	Mini Stadium, BJ
		4	Peneroka Cemerlang, Felde Gemilang	02.05.06	K. Gelanggi 1
		5	Kursus Kemahiran GPW	19.05.06	Jengka 13
		6	Program pemimpin bersama warga felde	27.04.06	K. Gelanggi 2
		7	Program Gerak Meera YAB Menteri Besar Pahang	7-9.04.08	Jengka 8
		8	Warga Peneroka Cemerlang, Felde Gemilang	24.07.08	Sg. Retang
		9	Perj. Peneroka J4 Bersama ADUN Kuala Sentul	14.06.06	Jengka 4
2	Pendidikan	1	H. Anugerah Kecemerlangan Pendidikan	15.04.06	Jengka 20
		2	Program Ayah Sayang, Anak Sayang	Februari	
			- Jengka 12	07.02.06	
			- Jengka 2	14.02.06	
	- Jengka 19	21.02.06			
	- Jengka 13	10.05.06			
	- Jengka 6	18.05.06			
	- Jengka 17	18.05.06			
	3	Program Bersama Ibu Bapa Literasi	06.06.06	Jengka 24	
	4	Prog Kesedaran Pend & Persediaan Peperiksaan	17.07.06	Jengka 19	
3	Kerohanian	1	Meraikan Haji/Hajjah	23.02.06	Jengka 9
		2	Sambutan Maulidur Rasul	18.04.06	Jengka 23
		3	Seminar Bina Negara Guru-guru SAR	05.08.06	SK Jengka 1
4	Pertanian	1	Program Belajar Sambil Melawat	Mac	Sg. Tenggi
5	Usahawan	1	Penerangan Projek Tanaman Vanila	04.04.06	Jengka 6
6	Belia	1	Measyuarat Penyelarasan	25.05.06	Dewan Latihan
		2	Sukan Warga Felde	15.07.06	Mini Stadium, BJ
		3	Taklimat Yayasan Felde	24.05.06	Jengka 11
		4	Taklimat Kursus Aviation	28.02.08	Jengka 11
		5	Pertandingan Zapin dan Nyanyian Solo	26.07.06	Jengka 21
		6	Bakti Siswa UPSI	15 - 19.05.06	Sg. Retang
		7	Pertandingan anjuran MBFM	26-28.01.06	Jelai, N. Sembilan
		8	Moralkan Wira Sukma	13.06.06	Jengka 24
		9	Program Pendidikan dan Peluang Kerjaya	14.04.06	Jengka 22
7	Lain-lain	1	Hari Peneroka	25.07.06	Jengka 3
		2	Program Kem Bestari	11.08.06	Jengka 1
		3	Perkhemahan Bersepadu Unit Beruniform	25.07.06	SK LKTP Sg. Tekam
		5	Lanan Obor OKU 2008	01.08.06	Maran
		6	Prog Motivasi dan Anugerah Pendidikan	13.07.06	K. Gelanggi 3
		7	Majlis Perh SMK ke Arah Membasmi Dadah Kepenggunaan dan Penghayatan Rukun Negara	27.05.06	Jengka 3
		8	Sukaneka Tadika	27.05.06	Jengka 10
		9	Debat Kenegaraan Komuniti Bestari Pkt. Negeri	19.05.06	Sg. Nerek
		10	Program Jiwa Murni - Sek Agama Kg. Awah	23.06.06	BAR Kg. Awah
		11	Pertandingan Kompang Daerah Jerantut	21.08.06	SK LKTP Sg. Tekam
		12	Sambutan Hari kemerdekaan dan Hari Peneroka	21.08.06	Sg. Tekam

BIL	WILAYAH FELDA	DAERAH	BIL. PENEROKA / BIL. RUMAH	* BIL. ISI RUMAH	TAHUN PEMBANGUNAN RANCANGAN	BIL. PENAGIH DADAH			CATATAN
						PENGAWASAN	PUSAT SERENTI	JUMLAH	
2	<u>FELDA WILAYAH JENGA</u>								
	2.33 FELDA SG. RETANG	JERANTUT	490	2,450	1971/72	11	0	11	
	2.34 FELDA KOTA GELANGGI 1	JERANTUT	366	1,830	1971/72	13	1	14	
	2.35 FELDA KOTA GELANGGI 2	JERANTUT	431	2,155	1972/73	9	2	11	
	2.36 FELDA KOTA GELANGGI 3	JERANTUT	366	1,830	1972/73	4	0	4	
	2.37 FELDA KOTA GELANGGI 4	JERANTUT	129	645	1974/75	2	0	2	
JUMLAH			1782	74,780		401	77	478	
3	<u>FELDA WILAYAH MEMPAGA</u>								
	3.1 FELDA BUKIT DAMAR	TEMERLOH	436	2,180	1971/72	17	4	21	
	3.2 FELDA LAKUM	TEMERLOH	505	2,525	1971/72	10	13	23	
	3.3 FELDA JENDERAK UTARA	TEMERLOH	516	2,580	1972/73	16	5	21	
	3.4 FELDA JENDERAK SELATAN	TEMERLOH	238	1,190	1972/73	11	0	11	
	3.5 FELDA MENGKUANG	BERA	100	500	1981/82	0	0	0	
	3.6 FELDA TRIANG 1	BERA	231	1,155	1979/80	0	0	0	
	3.7 FELDA TRIANG 3	BERA	195	975	1982/83	2	0	2	
	3.8 FELDA RENTAM	BERA	430	2,150	1975/76	14	2	16	
	3.9 FELDA SEBERTAK	BERA	410	2,050	1973/74	6	0	6	
	3.10 FELDA TEMENTI	BERA	432	2,160	1972/73	5	1	6	
	3.11 FELDA KUMAI	BERA	575	2,875	1974/75	9	1	10	
	3.12 FELDA PURUN	BERA	647	3,235		23	2	25	
	3.13 FELDA MAYAM	BERA	527	2,635	1973/74	6	0	6	
	3.14 FELDA TEMABANGAU 1	BERA	279	1,395	1977/78	10	1	11	
	3.15 FELDA TEMBANGAU 2	BERA	253	1,265	1978/79	1	0	1	

Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Negeri Pahang

BIL	WILAYAH FELDA	DAERAH	BIL. PENEROKA / BIL. RUMAH	* BIL. ISI RUMAH	TAHUN PEMBANGUNAN RANCANGAN	BIL. PENAGIH DADAH			CATATAN
						PENGAWASAN	PUSAT SERENTI	JUMLAH	
3	<u>FELDA WILAYAH MEMPAGA</u>								
	3.16 FLDA BUKIT MENDI	BERA	455	2,275	1966/67	16	2	18	
	3.17 FELDA BUKIT PUCHONG	BERA	433	2,165	1967/68	15	2	17	
	3.18 FELDA BUKIT KEPAYANG	BERA	418	2,090	1967/68	11	1	12	
	3.19 FELDA KG. SERTIK	BENTONG	397	1,985	1960/61	16	4	20	
	3.20 FELDA MEMPAGA 1	BENTONG	401	2,005	1972/73	16	8	24	
	3.21 FELDA MEMPAGA 2	BENTONG	187	935	1975/76	4	2	6	
	3.22 FELDA MEMPAGA 3	BENTONG	210	1,050	1979/80	8	0	8	
	3.23 FELDA SG. KEMAHAL	BENTONG	428	2,140	1967/68	4	0	4	
	3.24 FELDA CHEMOMOI	BENTONG	555	2,775	1969/70	4	2	6	
	3.25 FELDA KEMASUL	BENTONG	449	2,245	1974/75	5	1	6	
	3.26 FELDA LURAH BILUT	BENTONG	616	3,080	1984/85	7	1	8	
	3.27 FELDA TERSANG 1	RAUB	437	2,185	2004	7	0	7	
	3.28 FELDA TERSANG 2	RAUB	266	1,330	1974/75	3	0	3	
	3.29 FELDA TERSANG 3	RAUB	337	1,685	1976/77	0	0	0	
	3.30 FELDA LEMBAH KLAU	RAUB	474	2,370	1985/86	9	0	9	
	3.31 FELDA KRAU 1	RAUB	179	895	1977/78	5	0	5	
	3.32 FELDA SG. KOYAN 1	LIPIS	313	1,565	1970/71	6	1	7	
	3.33 FELDA SG. KOYAN 2	LIPIS	260	1,300	1971/72	3	0	3	
	3.34 FELDA SG. KOYAN 3	LIPIS	278	1,390	1972/73	0	3	3	
	3.35 FELDA KECHAU 1	LIPIS	126	630	1977/78	2	0	2	
	3.36 FELDA CHEGAR PERAH 1	LIPIS	125	625	1980/81	2	0	2	
	JUMLAH		7344	65,590		273	56	329	
	JUMLAH KESELURUHAN		15835	215,590		799	153	952	

* BIL ISI RUMAH: ANGGARAN 5 ORANG 1 RUMAH.

Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah Negeri Pahang